

Hari Ahad
& Isnin
18 & 19 Disember 1994

NEGERI TERENGGANU

PENYATA RASMI DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KELAPAN PENGGAL PERSIDANGAN YANG KELIMA

Persidangan Kali Yang Kelima
Pada 18 - 21 Disember 1994
Bersamaan 15 -18 Rejab 1415

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

**SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELAPAN**

**PADA 18 - 21 DISEMBER 1994
BERSAMAAN 15 - 18 REJAB 1415**

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

1870-1871. *Geographical and Historical Sketch*
of the State of California.

With a Map of the State, and a
Sketch of the San Joaquin River.

Also a Map of the State, and a

Sketch of the San Joaquin River.

Also a Map of the State, and a

Sketch of the San Joaquin River.

Also a Map of the State, and a

Sketch of the San Joaquin River.

Also a Map of the State, and a

Sketch of the San Joaquin River.

Also a Map of the State, and a

Sketch of the San Joaquin River.

Also a Map of the State, and a

Sketch of the San Joaquin River.

Also a Map of the State, and a

Sketch of the San Joaquin River.

Also a Map of the State, and a

Sketch of the San Joaquin River.

Also a Map of the State, and a

Sketch of the San Joaquin River.

Also a Map of the State, and a

Sketch of the San Joaquin River.

Also a Map of the State, and a

Sketch of the San Joaquin River.

Also a Map of the State, and a

Sketch of the San Joaquin River.

Also a Map of the State, and a

Sketch of the San Joaquin River.

KANDUNGAN

- | | | |
|----|----------------------|------------|
| 1. | Nama Ahli-ahli | [Muka 1] |
| 2. | Doa | [Muka 4] |
| 3. | Titah Ucapan Di Raja | [Muka 4] |

HADIR

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA

Dato' Engku Bijaya Sura,
DSMT., DPMT., SMT., AMN., PJC., PJK., BLB.
(Dato' Syed Omar bin Mohamad)

WAKIL PAKA

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR

Dato' Seri Amar Di Raja,
SSMT., PSM., SPMT., DA., DPMJ., KMN., JP., PJK.
(Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad)

WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Dato' Haji Abu Bakar bin Daud,

DSMT., DSAP., DPMT., JMN., PJC., PJK.
WAKIL LADANG

" " Dato' Haji Ahmad Sidi bin Haji Ismail
DSMT., DPMT., KMN., JP., PJC., PJK.

WAKIL TELEMONG

" " Dato' Haji Abd.Rashid bin Ngah,
DMT., DPMT., JSM., PJC., PJK.

WAKIL SEBERANG TAKIR

" " Dato' Haji Wan Zakaria bin Abdul Rahman,
DPMT., ASM., PJC., PJK., PPN.

WAKIL KUALA BESUT

" " Dato' Haji Muda bin Mamat, DPMT., PJK., PPN.
WAKIL BINJAI

" " Dato' Haji Namat Ghazalee bin Abdul Rahman,
DPMT., ASM., KMN., PJK.
WAKIL LANGKAP

" " Encik Aziz @ Ibrahim bin Awang, SMT., PJK.
WAKIL SURA

" " Dr. Abdul Wahab bin Ngah, SMT.
WAKIL BATU RAKIT

18 Disember 1994

Yang Berhormat Haji Muda bin Abdullah,
SMT., AMN., JP., PJK.
WAKIL JERANGAU

" " Haji Harun bin Ali, AMT., AMN., PJK.
WAKIL MERCANG

" " Haji Wan Muda bin Mohd., AMT., AMN., PJK., PPN.
WAKIL KUALA BERANG

" " Haji Harun bin Hassan, AMT., AMN., PJK.
WAKIL BUKIT BANDI

" " Haji Yusof @ Jusoh bin Musa, AMN., PJK.
WAKIL SERADA

" " Haji Abu Bakar bin Ali, AMT., AMN., PJK.
WAKIL KEMASEK

" " Haji Daud bin Abu Bakar, AMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

" " Encik Ahmad bin Said, PJK.
WAKIL KIJAL

" " Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohd,
DPMT., ASM., PJK., BLB.
WAKIL TELUK PASU

" " Haji Shafi'i bin Omar, PJK.
WAKIL PERMAISURI

" " Haji Abdullah @ Wahab bin Saaid, AMN., PJK.
WAKIL TEPOH

" " Haji Mazlan bin Awang, PJK.
WAKIL BUKIT PAYONG

" " Haji Mohd. Noor bin Hussin
WAKIL KAMPUNG RAJA

" " Haji Harun bin Taib
WAKIL MANIR.

" " Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong
WAKIL BATU BUROK

18 Disember 1994

" " Haji Abdul Latif bin Mohamad
WAKIL JERTEH
" " Haji Mohd. Abdul Wahid bin Haji Endut
WAKIL WAKAF MEMPELAM
" " Haji Zahari bin Mohamad
WAKIL JABI

" " Haji Mansor bin Sulong @ Ali, PJK.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

KAWASAN TANGGOL - (kosong mulai 4 Mac 1994)

HADIR menurut Fasal XIII(3) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama):

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Seri Dato' Lela Perkasa
(Dato' Seri Mohd. Azahar bin Othman)
SSMT., SPMT., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Idrus bin Harun.

YANG BERHORMAT PEGAWAT KEWANGAN NEGERI
Dato' Senara Muda
(Dato' Haji Mazlan bin Hashim)
DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
WAKIL RHU RENDANG - Maaf
" " Haji Harun bin Jusoh, JP., PJK.
WAKIL BANDAR - Maaf

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Osman bin Muda, PJK.
(Pegawai Tadbir Negeri Terengganu).

13 Disember 1994

DOA

Dibaca oleh Y.B.M. Dato' Yang di-Pertua

TIAH DI RAJA

Bismillahirrahmanirrahim, wabihi nastain.

Yang Berhormat,
Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan
Yang Berhormat,
Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wataala kerana dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya dapat Beta dan Tengku Ampuan hadir ke Majlis Pembukaan Penggal Persidangan Yang Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Kelapan pada pagi ini. Beta juga mengucapkan syukur di atas segala rahmat dan nikmat yang Allah berikan kepada Kerajaan dan rakyat Terengganu Darul Iman selama ini.

Beta berasa amat sukacita kerana pada tahun ini Negeri Terengganu Darul Iman terus mencapai tahap pembangunan yang memberangsangkan. Sesungguhnya pencapaian kemajuan dan pembangunan ini adalah restu dari Allah di atas komitmen Kerajaan Beta yang dipimpin oleh Dato' Seri Amar Di Raja Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad dalam usaha membawa kemajuan dan kemakmuran kepada Negeri Terengganu bagi kebahagian rakyat Beta seluruhnya. Pencapaian yang menggalakkan ini juga adalah hasil kerjasama yang erat dan bersungguh-sungguh dari semua pihak baik dari jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan mahu pun pihak swasta dan orang perseorangan dalam melaksanakan dasar dan program pembangunan Kerajaan. Beta menyeru kepada Kerajaan dan rakyat Beta sekalian supaya terus melipatgandakan usaha untuk meningkatkan tahap pembangunan dan kemajuan negeri selaras dengan matlamat negara untuk menjadi negara yang benar-benar maju menjelang tahun 2020.

Proses perancangan dan usaha pembangunan bukan sahaja merupakan satu proses dan tindakan yang dinamik malah ia juga merupakan satu proses dan tindakan yang berterusan.

18 Disember 1994

Malah pembangunan adalah tidak seragam dan sentiasa berubah dari masa ke semasa. Oleh itu situasi ini memerlukan kepada sikap dedikasi dan pendekatan yang kreatif di kalangan para perancang dan pelaksana dasar pembangunan. Sektor Kerajaan semata-mata tidak mampu untuk mengatasi semua masalah pembangunan. Sebaliknya sektor swasta yang mempunyai kepakaran tertentu boleh memainkan peranan sama dalam pembangunan Negeri ini.

Tahun 1995 merupakan tahun terakhir bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam. Pada masa yang sama, sewajarnya agensi-agensi Kerajaan telah bersedia dengan persiapan Rancangan Malaysia Ketujuh iaitu perancangan lima tahun bagi tempoh 1996 - 2000. Perancangan penggal kedua dan terakhir dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua perlu dirancang dengan lebih mantap lagi bagi mencapai matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

Di samping itu tahun 1994 pula merupakan tahun bermulanya Fasa Kedua Pelan Pembangunan Negeri Terengganu yang merangkumi tempoh pelaksanaan tahun 1994 - 2010. Fasa Kedua Pelan Pembangunan ini mula memberi perhatian terhadap pembangunan bandar, sektor moden, kepesatan industri, sains dan teknologi maklumat. Walau bagaimana pun ini tidak bermakna sektor luar bandar diabaikan malah pembangunan sektor tradisional terus dipergiatkan. Dalam tempoh yang sama pembangunan manusia pula menekankan Wawasan SIHAT iaitu satu matlamat untuk membentuk satu masyarakat yang sihat dari segi Fizikal dan Mental, masyarakat yang mempunyai ilmu yang dihayati, masyarakat yang mempunyai Akhlak Mulia dan satu masyarakat yang mempunyai sifat Taqwa. Pendekatan ini selaras dengan Dasar Pembangunan Seimbang yang menjadi panduan dalam perancangan pembangunan Negeri.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa kadangkala terdapat suara-suara sumbang yang mempersoalkan tentang tahap kemajuan Negeri Terengganu Darul Iman. Barangkali kemajuan bagi mereka dilambangkan oleh bilangan bangunan yang mencakar langit, disertai dengan kesibukan lalu lintas seperti di kota-kota raya, dan suasana aktiviti perniagaan dan hiburan yang berlarutan hingga ke jauh malam. Sebaliknya tahap pembangunan yang dipentingkan oleh Kerajaan Negeri merangkumi tahap pembangunan insan dan fizikal. Kerajaan tidak rela melihat pembinaan bangunan yang pesat dalam satu aspek tetapi

18 Disember 1994

dari aspek yang lain bangunan tersebut adalah di luar kemampuan anak-anak tempatan.

Masalah kemiskinan terus mendapat perhatian Kerajaan. Sesungguhnya tidak ada jalan mudah dan singkat untuk mengeluarkan keluarga miskin dari kelompok kemiskinan. Taraf hidup seseorang itu mempunyai kaitan rapat dengan bidang pekerjaan mereka. Adalah menjadi tugas Kerajaan untuk menyediakan kemudahan asas seperti jalanraya dan jambatan dan terpulanglah kepada mereka untuk menggunakan untuk membantu dalam kegiatan ekonomi mereka. Jalan-jalan dibina khususnya di luar bandar bertujuan untuk memberi kemudahan kepada penduduk desa seperti petani untuk membawa keluar dan memasarkan hasil keluaran mereka. Adalah lebih baik jika petani itu sendiri membawa hasil pengeluaran mereka ke pasar-pasar. Program pasar tani mempunyai falsafah untuk membentuk dan memupuk ciri-ciri perniagaan di kalangan masyarakat tani. Jika lambat bertindakbalas maka orang-orang tengah pula akan lebih dahulu menggunakan kemudahan jalan tersebut dengan membawa masuk lori-lori untuk mengangkut hasil keluaran dari luar bandar ke pusat pemasaran.

Usaha Kerajaan untuk meningkatkan ciri-ciri perdagangan dalam sektor pertanian amat baik sekali. Selaras dengan matlamat yang telah digariskan dalam Dasar Pertanian Negeri, maka tanaman "roselle" telah diperkenalkan kepada petani. Tanaman komersil yang hanya memerlukan saiz tanah yang kecil tetapi boleh mengeluarkan hasil yang lumayan diharapkan dapat meninggikan tahap pendapatan di kalangan petani khususnya petani miskin di luar bandar.

Rata-rata masyarakat luar bandar dan golongan miskin itu mempunyai latarbelakang pendidikan yang rendah. Tahap pendidikan yang rendah ini lazimnya menjadi penghalang kepada mobiliti pekerjaan mereka. Golongan miskin didapati kurang yakin untuk mencuba bidang pekerjaan yang baru. Bagi mengatasi masalah semasa, program-program subsidi input dan insentif pertanian yang sedia ada diteruskan. Kejayaan program peningkatan taraf hidup melalui aktiviti pertanian ini banyak bergantung kepada petani itu sendiri. Jumlah tanah terbiar masih luas, tanah telah dimiliki dan apa yang perlu bagi mereka ialah melipatkan usaha di samping perkhidmatan sokongan yang diberikan oleh agensi Kerajaan. Amat merugikan bagi golongan masyarakat yang telah berpuashati setakat

18 Disember 1994

memperolehi suratan hakmilik tanah yang dipohon tanpa mengusahakan tanah tersebut. Sikap masyarakat yang lebih rela melihat tanah terbiar akan membantutkan usaha Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup mereka.

Kerajaan juga berusaha meningkatkan taraf kehidupan masyarakat dengan menyediakan bilangan tempat tinggal yang baik. Pihak Kerajaan akan terus melaksanakan program pembinaan rumah-rumah kos rendah. Bagi mereka yang tidak berhajat untuk memiliki rumah-rumah kos rendah, disediakan pula program melalui skim pertapakan dan kemudahan asas dengan menyediakan lot-lot kediaman dan pembinaan rumah dilakukan sendiri oleh pemilik masing-masing. Di sini golongan berpendapatan rendah diberi peluang mendirikan rumah mengikut keupayaan masing-masing. Keadaan rumah yang sempurna belum menjamin sesebuah keluarga itu akan memperolehi pendapatan yang memuaskan. Jumlah pendapatan yang diperolehi tidak ditentukan oleh keadaan rumah yang baik sebaliknya ditentukan oleh corak aktiviti ekonomi yang diceburi mereka.

Menyedari masalah ini, Kerajaan lebih yakin untuk memberi perhatian sama terhadap langkah sederhana dan jangka penjang untuk menaikkan taraf hidup masyarakat. Melalui langkah sederhana pihak Kerajaan mendorong golongan miskin menceburi aktiviti-aktiviti ekonomi.

Langkah jangka panjang pula ialah dengan memberi ilmu pendidikan dan kemahiran kepada generasi muda. Melalui pemberian ilmu pendidikan dan kemahiran yang sempurna, memberi peluang kepada anak-anak mereka untuk mencari peluang-peluang pekerjaan di bidang lain pula. Dua tiga orang anak yang telah bekerja di bidang lain, sekurang-kurangnya dapat membantu meringankan beban ibu bapa mereka yang miskin. Dalam hal ini Kerajaan berusaha untuk mengubah struktur ekonomi penduduk dengan melibatkan lebih ramai lagi penduduk dalam sektor moden.

Walau bagaimana pun perkara malang akan berlaku lagi apabila terdapatnya sikap belia-belia yang suka memilih pekerjaan. Kadar pengangguran yang tinggi berlaku di Negeri ini bukan bermakna tidak ada peluang pekerjaan sebaliknya berlaku pengangguran disebabkan belia-belia kita memilih pekerjaan. Sehubungan dengan itu sukacita Beta menyeru kepada belia-belia yang masih menganggur agar mengikis sikap memilih

18 Disember 1994

pekerjaan di samping menanamkan semangat berhijrah. Jika peluang pekerjaan banyak terdapat di Selatan Terengganu, maka belia-belia di Utara Negeri Terengganu seharusnya mengubah sikap dan berhijrah ke Selatan. Bagi mengatasi masalah tempat kediaman kepada pekerja-pekerja kilang, terutamanya pekerja wanita pihak Kerajaan sedang merancang untuk membina asrama khas bagi menyediakan tempat-tempat penginapan mereka.

Dari satu aspek lain, setakat ini Kerajaan telah berjaya memberi peluang pendidikan kepada generasi muda. Dengan kelayakan akademik yang tinggi, mungkin mereka merasakan bahawa sesuatu pekerjaan itu sudah tidak setaraf lagi dengan kelulusan yang dimiliki. Suasana ini telah memberi ilham pula kepada Kerajaan untuk memberi perhatian terhadap penawaran kursus-kursus kemahiran kepada belia-belia. Penawaran kursus-kursus kemahiran dan profesional diharap dapat memberi aset kepada belia-belia tempatan untuk menceburι bidang-bidang pekerjaan yang lebih mencabar lagi.

Generasi muda yang telah dididik dan berjaya melibatkan diri dalam alam pekerjaan, belum tentu memberi kebaikan secara langsung kepada kedua-dua ibu bapa mereka. Melalui dasar pembangunan seimbang, Kerajaan tidak sahaja melahirkan generasi muda yang progresif dan dinamik dalam profesyen semata-mata tetapi pada masa yang sama mempunyai sifat penyayang dan menghormati kedua ibu bapa masing-masing. Melalui program Keluarga Penyayang diharapkan anak-anak yang berjaya itu dapat membantu pula ibu bapa mereka bagi meninggikan taraf hidup.

Taraf pendidikan rakyat sentiasa meningkat dari masa ke semasa. Ramai kalangan rakyat telah berani meluahkan perasaan dan mengemukakan cadangan melalui media cetak mahu pun elektronik. Bilangan yang bersedia memberi pandangan dan cadangan terhadap perkhidmatan dan perancangan Kerajaan sentiasa bertambah dari masa ke semasa. Ramai masyarakat yang berani dan tidak lagi takut seperti dahulu. Oleh itu pihak pentadbiran melalui Anggota Perkhidmatan Awam hendaklah bersedia mewujud proses perubahan dalam urusan harian mereka. Baru-baru ini Beta amat bangga dengan pencapaian beberapa pejabat di Negeri ini yang telah berjaya memenangi anugerah-anugerah cemerlang di peringkat Kebangsaan dan ini sekaligus membuktikan kemampuan Anggota Perkhidmatan Awam di peringkat Negeri membuat perubahan. Sungguh pun begitu, mutu

18 Disember 1994

perkhidmatan hendaklah dipertingkatkan lagi sejajar dengan perkembangan semasa. Proses peningkatan kualiti perkhidmatan Kerajaan tidak perlu tunggu sehingga berpindah ke bangunan pejabat yang baru. Sebenarnya bangunan pejabat yang baru bukan merupakan petunjuk kepada perkhidmatan Kerajaan yang baik.

Usaha Kerajaan menarik pelancong ke Negeri ini memberi cabaran kepada pihak yang terlibat dengan aktiviti pelancongan khususnya pihak swasta. Harga barang yang ditawarkan kepada pelancong hendaklah berpatutan. Kebersihan kedai makan dan tempat penginapan perlu dijaga.

Agensi Kerajaan yang berkaitan juga tidak terlepas dari tanggungjawab menjaga kebersihan. Tahap kebersihan khususnya di bandar-bandar di Negeri ini belum mencapai tahap yang membanggakan. Pihak swasta yang terlibat dengan aktiviti pelancongan mengharapkan perkhidmatan yang baik dari agensi Kerajaan dan pada masa yang sama mereka juga perlu menjaga kepentingan dan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada pengguna atau pelancong. Perkara ini pernah ditimbulkan oleh Perdana Menteri Malaysia bahawa pada suatu ketika kita akan menjadi pengeluar dan pada ketika yang lain pula kita akan menjadi pengguna pula. Perkhidmatan yang hendak diberi kepada pengguna itu hendaklah sebaik mungkin, sama seperti hasrat kita untuk mendapat perkhidmatan terbaik tatkala kita menjadi pengguna. Penerapan konsep pengeluar-pengguna ini akan menjadi lebih mudah apabila setiap insan mempunyai budaya ehsan. Setiap pekerjaan yang dilaksanakan, dilakukan dengan ikhlas dan menganggap bahawa Allah Yang Maha Esa sentiasa melihat kita.

Selain dari menggalakkan aktiviti pelancongan, Kerajaan juga memberi perhatian terhadap pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang membawa kepada wujudnya Usahawan Kecil dan Sederhana. Pihak Kerajaan telah mengenalpasti beberapa kawasan untuk menempatkan pengusaha industri kecil dan sederhana ini. Dalam usaha mewujudkan ramai bilangan usahawan kecil dan sederhana ini, Kerajaan amat memerlukan sikap positif di kalangan pengusaha-pengusaha kecil yang sedia ada dengan meningkatkan kefahaman melalui penyertaan kursus-kursus yang dianjurkan oleh Kerajaan.

18 Disember 1994

Selesainya Fasa Pertama Pelan Pembangunan Negeri Terengganu yang memberi tumpuan khas kepada soal-soal peningkatan taraf kemudahan asas, kemudahan sosial dan kesihatan, maka pihak Kerajaan yakin bahawa taraf hidup penduduk dan tingkat pendapatan rakyat telah meningkat. Melalui pengalaman masyarakat dalam pelaburan Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) maka telah kena pada masanya pihak Kerajaan Negeri melancarkan Amanah Saham Darul Iman (ASDI) untuk memberi peluang yang lebih luas lagi kepada penduduk Negeri Terengganu mengambil bahagian dalam bidang pelaburan.

Beta amat gembira di atas kepekaan Kerajaan yang memperuntukkan sejumlah saham ASDI kepada golongan miskin. Dengan memperuntukkan saham sebanyak 112.240 juta ringgit kepada golongan miskin dari jumlah 500 juta saiz tabung ASDI yang dibenarkan, membuktikan komitmen Kerajaan yang bersungguh-sungguh untuk membantu golongan miskin. Dasar ini bukan sahaja memberi peluang pelaburan kepada mereka yang berada semata-mata malah kelompok miskin juga mempunyai peluang yang sama untuk melabur dalam ASDI.

Beta telah menyatakan terlebih awal lagi bahawa sektor Kerajaan dan sektor swasta mestil sama-sama berganding bahu untuk membangunkan negara dan Negeri. Lanjutan kepada perkara itu, pembangunan negara tidak dapat dipisahkan dari pembangunan Negeri. Lantaran itu proses pembangunan Negeri akan pincang tanpa sokongan Kerajaan Persekutuan. Beberapa insentif telah diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi menarik minat pelabur untuk melabur ke negeri-negeri Pantai Timur. Walau bagaimana pun faktor insentif bukan merupakan faktor penarik terbaik untuk menolak pelabur dari Pantai Barat melabur ke Pantai Timur. Insentif yang ditawarkan itu masih tidak dapat membaiayai kos pengangkutan dari Pantai Timur ke Pantai Barat dan sebaliknya. Penyediaan infrastruktur tempatan yang baik, premium tanah yang rendah dan galakan menarik yang ditawarkan oleh Kerajaan belum lengkap sepenuhnya kerana para pelabur masih berhadapan dengan masalah kos pengangkutan ke Pantai Timur. Oleh itu masalah pokok yang sering ditimbulkan ialah ketiadaan lebuhraya ke Pantai Timur. Beta mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah memulakan kerja-kerja pembinaan lebuhraya Kuala Berang - Gua Musang - Ipoh. Projek ini akan mendekatkan lagi rangkaian jalan ke Pantai Timur, Beta suka cita menyeru kepada

18 Disember 1994

Kerajaan Persekutuan agar dapat menyegerakan pelaksanaan projek lebuhraya dari Kuala Lumpur ke Pantai Timur. Beta percaya laluan lebuhraya inilah yang akan menjadi penggerak terbaik ke arah memajukan negeri-negeri di Pantai Timur.

Sesungguhnya Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman di bawah pimpinan Dato' Seri Amar Di Raja, Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad, amat memberi penekanan terhadap perkembangan sektor industri, sektor moden, infrastruktur dan pembangunan sumber manusia. Pendekatan terhadap pembangunan rohani dan jasmani ini diharap akan dapat melahirkan satu generasi yang sihat, berilmu, berakhlaq dan bertaqwah.

Oleh itu proses pembangunan memerlukan tindakbalas bersama antara perancang dan kumpulan sasar. Pembangunan Negeri tidak berlaku jika rakyat tidak membangun. Negeri tidak akan berubah jika rakyat tidak berubah. Beta berseru kepada semua pihak agar bersikap lebih positif bagi mewujudkan satu masyarakat yang maju dan bersatu padu.

Beta juga mengambil kesempatan di sini untuk menyampaikan penghargaan Beta terhadap semua pegawai dan kakitangan Kerajaan yang terus menerus menyumbang bakti untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat. Beta juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pasukan keselamatan yang sama-sama memainkan peranan mengatasi isu-isu sensitif dan menjaga ketenteraman awam. Kepada pihak swasta juga diucapkan terima kasih kerana sumbangan mereka untuk sama-sama membangunkan Negeri Terengganu Darul Iman. Beta percaya masih ada ruang-ruang bagi rakyat Beta untuk melipatgandakan usaha bagi memajukan diri mereka dan membangunkan Negeri khasnya dan negara amnya.

Akhirnya Beta berdoa kepada Allah agar sentiasa memberi rahmat kepada Kerajaan dan rakyat Beta seluruhnya. Semoga usaha-usaha murni akan dapat keredhaan Allah dan menemui kejayaan juga.

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Penyayang, Beta merasmikan pembukaan Penggal Persidangan Yang Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Kelapan.

Selamat Bersidang.

18 Disember 1994

TANGGUHAN

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan sehingga jam 9.30 pagi esok 19 Disember 1994.

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

dari pada:

**SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

Hari Isnin
19 Disember 1994

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELAPAN**

**PADA 18 - 21 DISEMBER 1994
BERSAMAAN 15 - 18 REJAB 1415**

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

KANDUNGAN

- | | | |
|----|---|--------------|
| 1. | Nama Ahli-ahli | [Muka 13] |
| 2. | Ucapan Yang Berhormat
Yang di-Pertua Dewan | [Muka 17] |
| 3. | Kertas-kertas Kerja dan
Laporan-laporan | [Muka 19] |
| 4. | Soalan-soalan Yang Telah
Diberi Notis | [Muka 21] |
| 5. | Usul-usul Yang Telah
Diberi Notis | [Muka 50] |
| 1. | <i>Merakam Dan Merafakkan Sembah Ucapan
Penghargaan Dan Menjunjung Kasih Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Sultan.</i> | |
| 6. | Rang Undang-Undang | [Muka 134] |
| 1. | <i>Enakmen Perbekalan (1995) 1994</i> | |

[BERSAMBUNG]

HADIR

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA

Dato' Engku Bijaya Sura,
D. MT., DPMT., SMT., AMN., PJC., PJK., BLB.
(Dato' Syed Omar bin Mohamad)

WAKIL PAKA

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR

Dato' Seri Amar Di Raja,
D. MT., PSM., SPMT., DA., DPMJ., KMN., JP., PJK.
(Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad)

WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Dato' Haji Abu Bakar bin Daud,

D. MT., D. AP., DPMT., JMN., PJC., PJK.
WAKIL LADANG

" " Dato' Haji Ahmad Sidi bin Haji Ismail
DSMT., DPMT., KMN., JP., PJC., PJK.

WAKIL TELEMONG

" " Dato' Haji Abd.Rashid bin Ngah,
D. MT., DPMT., JSM., PJC., PJK.

WAKIL SEBERANG TAKIR

" " Dato' Haji Wan Zakaria bin Abdul Rahman,
DPMT., ASM., PJC., PJK., PPN.

WAKIL KUALA BESUT

" " Dato' Haji Muda bin Mamat, DPMT., PJK., PPN.
WAKIL BINJAI

" " Dato' Haji Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman,
DPMT., ASM., SMT., PJK.

WAKIL LANGKAP

" " Encik Aziz @ Ibrahim bin Awang, SMT., PJK.
WAKIL SURA

" " Dr. Abdul Wahab bin Ngah, SMT.
WAKIL BATU RAKIT

19 Disember 1994

Yang Berhormat Haji Muda bin Abdullah,
SMT., AMN., JP., PJK.
WAKIL JERANGAU

" " Haji Harun bin Ali, AMT., AMN., PJK.
WAKIL MERCANG

" " Haji Wan Muda bin Mohd., AMT., AMN., PJK., PPN.
WAKIL KUALA BERANG

" " Haji Harun bin Hassan, AMT., AMN., PJK.
WAKIL BUKIT BANDI

" " Haji Yusef @ Jusoh bin Musa, AMN., PJK.
WAKIL SERADA

" " Haji Abu Bakar bin Ali, AMT., AMN., PJK.
WAKIL KEMASEK

" " Haji Daud bin Abu Bakar, AMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

" " Encik Ahmad bin Said, PJK.
WAKIL KIJAI

" " Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohd,
DPMT., ASM., PJK., BLB.
WAKIL TELUK PASU

" " Haji Shafii bin Omar, PJK.
WAKIL PERMAISURI

" " Haji Abdullah @ Wahab bin Saaid, AMN., PJK.
WAKIL TEPOH

" " Haji Mazlan bin Awang, PJK.
WAKIL BUKIT PAYONG

" " Haji Mohd. Noor bin Hussin
WAKIL KAMPUNG RAJA

" " Haji Harun bin Taib
WAKIL MANLR.

" " Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong
WAKIL BATU BUROK

19 Disember 1994

Yang Berhormat Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
WAKIL RHU RENDANG
" " Haji Abdul Latif bin Mohamad
WAKIL JERTEH
" " Haji Mohd. Abdul Wahid bin Haji Endut
WAKIL WAKAF MEMPELAM
" " Haji Zahari bin Mohamad
WAKIL JABI
"
" " Haji Mansor bin Sulong @ Ali, PJK.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

KAWASAN TANGGOL - (kosong mulai 4 Mac 1994)

HADIR menurut Fasal XIII(3) Undang-Undang Bagi Diri
Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama):

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Seri Dato' Lela Perkasa
(Dato' Seri Mohd. Azahar bin Othman)
SSMT., SPMT., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Idrus bin Harun.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Senara Muda
(Dato' Haji Mazlan bin Hashim)
DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

TIDAK HADIR

Yang Berhormat Haji Harun bin Jusoh, JP., PJK.
WAKIL BANDAR

19 Disember 1994

SETIAUSARA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Osman bin Muda, PJK.
(Pegawai Tadbir Negeri Terengganu).

19 Disember 1994

PUKUL 9.30 PAGI

UCAPAN YANG DI-PERTUA DEWAN

Bismillahirrahmaanirrahim
Alhamdulillahi Rabbil Aalamin
Wabihi nastain.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amar di-Raja, Tan Sri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin-hadirat yang saya muliakan sekalian. Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana kita dapat berjumpa lagi dalam Persidangan kali ini bagi Penggal Persidangan Kelima Dewan Undangan Negeri Kelapan.

Kita bersidang selama tiga hari iaitu hari ini, besok dan lusa 21 haribulan Disember 1994 yakni sepuluh hari lagi kita akan berada insya-Allah dalam tahun yang lebih mencabar, tahun 1995. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat menggunakan masa yang ditetapkan itu dengan sebaik-baiknya. Selepas Soalan-soalan Lisan pagi ini saya akan buka peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat membahas Usul Titah Di Raja yang telah disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan pada hari semalam. Pada sebelah petang pula Yang Amat Berhormat Dato' Tan Sri Menteri Besar akan menyampaikan Ucapan Belanjawan 1995 dan insya-Allah perbahasannya akan kita mula selepas Soalan-soalan Lisan pagi besok. Perkara-perkara lain akan kita selesaikan pada hari berikut.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala dan sukacita mengulangkan sekali lagi rasa berterima kasih saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah memberi kerjasama yang sungguh baik kepada saya dalam mengendali mesyuarat sepanjang Persidangan Dewan yang lepas. Mungkin Dewan

19 Disember 1994

kali ini yang paling bermakna kepada kita kerana ia meninggalkan tanda tanya, insya-Allah kita akan berjumpa lagi. Allah Yang Maha Mengetahui.

Akhirnya saya mengambil kesempatan ini untuk meminta maaf di atas kesilapan-kesilapan dan ketegasan saya sepanjang Persidangan Dewan yang lepas dan sekarang dan akhir sekali saya ucapkan Selamat Tahun Baru semoga Allah melimpahkan taufik dan hidayah-Nya ke atas kita semua untuk berkhidmat kepada Bangsa, Agama dan Negara dengan lebih cemerlang lagi, insya-Allah.

Sekian.

19 Disember 1994

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan yang dibentangkan ialah:-

- (1) Peruntukan Tambahan Kedua Anggaran Bekalan Tahun 1994.
[D.U.N. Bil: 18/1994]
- (2) Anggaran Pembangunan (Tambahan)(Bil.2) 1994 Perbelanjaan 1994.
[D.U.N. Bil: 19/1994]
- (3) Anggaran Hasil Dan Perbelanjaan Tahun 1995.
[D.U.N. Bil: 20/1994]
- (4) Laporan Kemajuan Pembangunan Negeri Terengganu Tahun 1994/1995.
[D.U.N. Bil: 21/1994]
- (5) Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Tahun 1995.
[D.U.N. Bil: 22/1994]
- (6) Anggaran Bekalan Air Negeri 1995.
[D.U.N. Bil: 23/1994]
- (7) Penyata Kewangan Yayasan Pembangunan Keluarga Bagi Tahun 1989.
[D.U.N. Bil: 24/1994]
- (8) Penyata Kewangan Majlis Daerah Besut Bagi Tahun 1989.
[D.U.N. Bil: 25/1994]
- (9) Penyata Kewangan Majlis Daerah Besut Bagi Tahun 1990.
[D.U.N. Bil: 26/1994]
- (10) Penyata Kewangan Majlis Daerah Hulu Terengganu Bagi Tahun 1990.
[D.U.N. Bil: 27/1994]

19 Disember 1994

- (11) Penyata Kewangan Majlis Daerah Hulu Terengganu Bagi Tahun 1991.
[D.U.N. Bil: 28/1994]
- (12) Laporan Kemajuan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu Tahun 1987.
[D.U.N. Bil: 29/1994]
- (13) Penyata Kewangan Yayasan Islam Terengganu Bagi Tahun 1989.
[D.U.N. Bil: 30/1994]
- (14) Penyata Kewangan Majlis Daerah Setiu Bagi Tahun 1990.
[D.U.N. Bil: 31/1994]
- (15) Penyata Kewangan Majlis Daerah Setiu Bagi Tahun 1991.
[D.U.N. Bil: 32/1994]

19 Disember 1994

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

- (1) SOALAN-SOALAN BERTULIS
- (2) SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat ialah soalan-soalan daripada:-

- (a) Wakil Wakaf Mempelam
- (b) Wakil Bukit Tunggal
- (c) Wakil Rhu Rendang
- (d) Wakil Jabi
- (e) Wakil Bandar

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang kita mari kepada Soalan Lisan. Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Batu Burok kemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalan yang pertama.

Adakah Kerajaan sedar berlakunya pencemaran dan keracunan kepada tanaman pertanian akibat saliran sistem perlombongan emas di Lubuk Mandi.

YANG BERHORMAT ENCIK ABDUL AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, berdasarkan kepada laporan daripada pengurusan Lombong Bijih Emas di Lubok Mandi serta agensi-agensi Kerajaan yang terlibat yang berkaitan dengan lombong dan alam sekitar seperti Jabatan Kaji Bumi, Jabatan Alam Sekitar maka tidak ada pencemaran yang berlaku akibat daripada saliran sistem perlombongan Emas yang dimaksudkan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua, tidakkah ada laporan daripada Jabatan Pertanian di atas bahagian yang kedua soalan itu?

19 Disember 1994

YANG BERHORMAT ENCIK ABDUL AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, setakat ini belum ada, jika sekiranya ada laporan-laporan daripada orang-orang perseorangan serta agensi-agensi yang berkaitan maka tindakan-tindakan yang positif tentu sekali akan diambil oleh pihak Kerajaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua- Tidakkah pihak Kerajaan setelah menerima soalan ini membuat rujukan kepada Jabatan Pertanian khususnya bahagian Marang?

YANG BERHORMAT ENCIK ABDUL AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, oleh kerana tidak ada laporan yang kita terima maka rujukan kita tidak buat tetapi rujukan kita buat kepada pihak kilang, pengusaha kilang dan juga Jabatan Alam Sekitar dan Kaji Bumi bagi hendak mengesahkan sama ada betul atau pun tidak kenyataan yang dikemukakan oleh pihak wakil daripada Batu Burok. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua - Saya rasa EXCO yang menjawab tidak faham soalan saya. Saya kata setelah menerima soalan ini adakah pihak Kerajaan membuat rujukan kepada Jabatan Pertanian Marang sama ada adanya pencemaran yang mengakibatkan kemusnahan dan keracunan kepada tanaman-tanaman?

YANG BERHORMAT ENCIK ABDUL AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya dah kata tadi tidak ada laporan dan tidak ada rujukan. Kerana tidak ada pencemaran yang berlaku akibat daripada saliran air buangan daripada lombong tersebut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD.ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Adakah Kerajaan sedar lombong ini pernah diarah suruh tutup oleh kerana pencemaran pernah berlaku, musim hujan, air melimpah.

YANG BERHORMAT ENCIK ABDUL AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, itu berlaku di

19 Disember 1994

peringkat awal dahulu, sekarang ini pihak pengurusan terpaksa mematuhi arahan daripada Jabatan Alam Sekitar di mana air buangan daripada lombong ini mesti disalirkan kepada satu kawasan yang mengandungi tujuh lubang takungan air yang di "recycle" sehingga masuk lubang takungan yang ketujuh air itu lebih bersih daripada air minum dan sebulan sekali pihak Jabatan Alam Sekitar dan juga Kaji Bumi hadir ke kawasan tersebut bagi menyelia/mengawasi supaya pihak pengurusan mematuhi syarat-syarat EIA yang diluluskan kepada pihak PMINT. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Adakah penyiasatan dibuat dari semasa ke semasa dan apakah jabatan yang terlibat dan bilakah yang terakhir penyiasatan itu dibuat?

YANG BERHORMAT ENCIK ABDUL AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya maklumkan tadi iaitu penyeliaan daripada Jabatan Alam Sekitar ialah setiap bulan. Setiap bulan Jabatan Alam Sekitar dikehendaki mengawasi perjalanan lombong di situ terutama sekali yang berkaitan dengan pencemaran alam sekitar. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan lain.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalan yang kedua.

Sejauh manakah MPKT melaksanakan perakuan yang dibuat dalam Master Plan bagi Kuala Terengganu dari aspek kawalan pembangunan, pembinaan dan kemudahan infrastruktur.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Rancangan Struktur Kuala Terengganu telah diwarta dan diterima pakai pada tahun 1990. Semenjak dari tarikh tersebut ianya dijadikan dokumen panduan kepada pembangunan dan kawalan pembangunan Majlis. Sekian Dato' Yang di-Pertua.

19 Disember 1994

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Kalau lahir perakuan itu dipakai kenapa di akhir-akhir ini masalah banjir kilat dan penakungan air berleluasa di Kuala Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, orang yang menyatai ini pun tidak saham, itu saya tidak payah jawab, dia tidak saham.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Kalau EXCO tidak reti dia kena belajarlah. Sealan saya kalau lahir perakuan itu dipatuhi sepenuhnya kenapa dalam pembangunan di mutakhir ini berlakunya banjir kilat dan penakungan air di merata-rata. Tentulah master plan mempunyai perakuan-perakuan yang akan melupuskan atau menghindarkan masalah-masalah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ianya dilaksanakan peringkat demi peringkat. Bukan boleh buat sekali gus. Dulu Yang Berhormat Wakil Batu Buruk ingat tidak, di hadapan Mahkamah, di hadapan rumah orang dia, masa tengah-tengah longkang sedang dibuat, melimpah. Hari ini Alhamdulillah, siap di situ, tempat lain pula pergi buat, itu sajalah, di peringkat-peringkat. Sekarang peringkat 2D, package 2D, longkang ini sedang dalam pelaksanaan. Sekian, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua, peringkat-peringkat itu sampai tuakah baru dapat dilaksanakan. Di Jalan Sultan Omar, tempat pam minyak setiap kali hujan dan di Traffic Light Sekolah Khairiah, setengah jam hujan air bertakung, di hadapan Pejabat UMNO lubang gali parit tidak ada, adakah itu cara pakej atau pun peringkat-peringkat. Kalau lahir perakuan itu dilaksanakan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Dato' Yang di-Pertua, ini soal air hujan ini tidak boleh kita hendak - ini kehendak Tuhan. Kadang-kadang tempat yang kita tidak jangka naik air, air naik, ini sekali-sekali, katanya "Banjir Kilat" tahukah apa erti "Banjir Kilat" wahai Wakil Batu Buruk?

19 Disember 1994

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Tahukah Yang Berhormat EXCO Ladang pada 19 haribulan belum pernah berlaku dalam 50 tahun, berlakunya banjir di antara Balai Polis ke Hotel Hoover lebih kurang enam inci, mana dia monsoon draininya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Dato' Yang di-Pertua, segala-galanya berlaku adalah kehendak Allah. Lepas itu ada lagi airkah tidak sekarang, hendak tanya dia Wakil Batu Burok, hah, apa dia punya pemikiran ini! ..(KETAWA).

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, sekarang ini pun dekat Istana Kolam, bekas Istana Kolam itu masih bertakung, tidak bergerak lagi air, tidak nampakkah?

YANG BEHRORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan lain, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Dato' Yang di-Pertua ...

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan yang ketiga Dato' Yang di-Pertua -

Sila nyatakan keluasan tanah pesawah yang terbiar di dalam Mukim Batu Burok, Kuala Ibai, Bukit Besar dan Cabang Tiga, Kuala Terengganu dan apakah cadangan Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, keluasan tanah terbiar adalah seperti berikut:-

Mukim Batu Burok	-	40.5	hektar
Mukim Kuala Ibai	-	24.0	"
Mukim Bukit Besar	-	48.5	"
Mukim Cabang Tiga	-	16.0	"

Kawasan tanah terbiar ini terletak di dalam kawasan Perbandaran dan Kerajaan tidak bercadang untuk memajukannya dalam sektor pertanian. Sekian, Dato' Yang di-Pertua.

19 Disember 1994

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Memang Kerajaan tidak boleh bercadang untuk memajukan sebagai kawasan pertanian, bukan tanah Kerajaan, ini tanah persendirian. Apa kena mengena dengan Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk memajukan tanah-tanah ini, yalah tanah orang, tanah padi dalam bandar mana ini, ini ada dalam pelan struktur yang saya kata, baca dulu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan, Dato' Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua - Hendak memarah pagi-pagi hari hendak buat apa benda ... (KETAWA)... saya kata ini tanah persendirian "private lands" apa hak Kerajaan hendak maju, kalauolah tanya dah dizonkan untuk pembangunan perumahan mengikut pelan induk barulah Kerajaan mempunyai cadangan untuk memajukan kepada perumahan. Sekarang ini soalannya - Kalauolah Kerajaan sedar kenapa Kerajaan masih lagi mengutip "Water Rates" atau pun Cukai Air ke atas tanah-tanah pertanian ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, mengikut soalan dia yang akhirnya "Apakah cadangan Kerajaan" Kita kata Kerajaan tidak bercadang hendak memajukan ini, itu kita kata. Saya ucap tahniah kepada Wakil Batu Burok kerana dia salah seorang Pemaju Perumahan dalam bandar ini. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Berdengkikah? Berhenti EXCOlah. Saya tanya, soalan tambahan - Kalauolah itu kesedaran Kerajaan kenapa "Water Rates" cukai air masih lagi dikutip dan dipungut sedangkan tanah ini tidak menggunakan pengairan Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, mestilah kena kutip lagi, itu ja.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Jawab ini di Pasar boleh, Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih.

19 Disember 1994

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya sila Wakil Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD.ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum Warahmatullahitaala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan yang pertama -

Apakah usaha Majlis Perbandaran Kuala Terengganu (MPKT) untuk mengatasi masalah banjir kilat akibat hujan di musim tengkujuh ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, MPKT sedang melaksanakan Sistem Perparitan Bandar Kuala Terengganu di peringkat DC2 (B) dan dijangka siap dalam masa 2 tahun, insya-Allah. Pakej ini adalah merupakan salah satu package di bawah program sistem perparitan bagi keseluruhan Bandar Kuala Terengganu di mana Fasa I dan Fasa II telah siap dilaksanakan. Pakej berikutnya iaitu DC 3 dijangka dapat dilaksanakan pada tahun 1996 jika proses pengambilan balik tanah dapat diselesaikan sebelum tarikh tersebut. Dato' Yang di-Pertua, dengan siapnya Fasa III adalah dijangkakan sistem perparitan bagi kawasan Bandar Kuala Terengganu ini akan sempurna mengikut hasil kajian pihak perunding terdahulu. Inilah merupakan usaha terbesar Majlis Perbandaran Kuala Terengganu dalam mengatasi masalah perparitan Bandar Kuala Terengganu. Masalah semasa seperti banjir kilat yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Wakaf Mempelam adalah permasalahan bagi kebanyakan bandar yang sedang dalam pembangunan. Banjir kilat adalah disebabkan oleh sistem pengairan yang tidak sempurna akibat dari perbuatan manusia sendiri iaitu membuang bahan-bahan buangan ke dalam longkang dan lain-lain. Selain daripada itu penambunan kawasan rendah yang selama ini menjadi kawasan tadahan dan tempat air-air berehat ini juga merupakan faktor berlakunya banjir kilat. Usaha untuk mengatasi banjir kilat barangkali memerlukan kerjasama orang ramai khususnya penduduk-penduduk bandar. Di peringkat awal pendidikan kepada mereka adalah perlu dan pihak Yang Berhormat mungkin boleh memainkan peranan ke arah menyedarkan rakyat bahawa amalan membuang sampah di merata-rata tempat dan menambun tanah tanpa terlebih dahulu mendapat nasihat boleh menimbulkan masalah dari segi pengaliran air. MPKT akan terus menjalankan tanggungjawab dalam menentukan bahawa masalah saliran di dalam kawasan

19 Disember 1994

bandar diperbaiki dari semasa ke semasa untuk mengurangkan masalah ke peringkat yang minima sekali. Sekian Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Sedarkan MPKT, parit hujan atau pun "monsoon drain" di Batas Baru itu lubang lebih tinggi daripada jalan.

Yang kedua, pembinaan jalan dua hala di Kuala Ibai lubang pengaliran keluar air tidak sampai pun satu kaki persegi sedangkan air hendak keluar lebih daripada satu square kilometer.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, semua ini dibuat oleh Jabatan Teknikal ini, pengaliran air, "gradient" dia, dengan izin, larian air itu semua. Saya tidak dapat hendak jawab di sini tinggikah rendahkah tetapi ini semua adalah mengikut apa yang telah diluluskan oleh orang-orang yang bijaklah dalam ini, technical people. Itulah Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Saya rasa kalau teknikalpun takkanlah lubang longkang tinggi daripada jalan dan takkanlah lubang air tak sampai satu kaki persegi untuk keluar. Ini teknikal jenis apa? EXCO pun patutlah berjalan tengok dan Batas Baru ini kawasan Ladang, bukan Kawasan Batu Burck.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Dato' Yang di-Pertua, tak dok orang memikirkan bahawa longkang lebih tinggi daripada jalan melainkan Wakil Batu Buruk saja.... tak dok orang memikir parit tinggi daripada jalan, mana ini dalam dunia, ini dia membawa ini untuk hendak cari publisiti, mungkin bika parit itu, ada lubang-lubang belaka air terjun dalam parit, awak nampak dekat luar saja, ini kata - Allahurabbi. ...(KETAWA)...

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, penjelasan sajalah - Wakil Ladang ini dia ada "bionic eye" dia boleh nampak hak di dalam tetapi hak di luar inilah yang sekat airnya.

19 Disember 1994

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, pelan ini DC 3 baru ini, kalau DC 10 baru laju. Pelan Induk ini DC 3 baru, kalau DC 10 baru laju betul.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalan yang pertama -

Apakah faktor yang menyebabkan pihak Kerajaan menunggu begitu lama (lebih dari 15 tahun) untuk memberi hak milik kepada pengusaha tanah Baruh Tok Jiring, Kuala Nerus yang secara rasmi telahpun membuat permohonan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dimaklumkan iaitu Rancangan Tanah Berkelompok Baroh Tok Jiring telah diluluskan secara Lesen Menduduki Sementara (LMS) oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam tahun 1977. Kawasan Rancangan ini meliputi keluasan 842 ekar dan setiap peserta diluluskan lot yang berkeluasan antara 1 hingga 2 ekar.

Selepas kawasan tersebut diluluskan secara LMS dan diusahakan oleh peserta-peserta maka terdapat banyak milikan asal yang diluluskan itu mengalami perubahan, sama ada berlaku pertukaran lot sesama sendiri atau penjualan lot-lot kepada pihak lain, dan terdapat juga lot-lot baru yang dirintah tanpa mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Di samping itu daripada siasatan yang dibuat, terdapat ramai di antara yang mendapat kelulusan asal itu telah tidak menjelaskan yuran LMS masing-masing.

Kerana terdapatnya faktor-faktor di atas, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, maka pihak berkuasa Negeri telah memutuskan supaya peserta-peserta Rancangan Tanah Berkelompok Baroh Tok Jiring ini diberi milik secara kekal. Dengan mengambil kira keadaan semasa, di mana ada peserta yang meninggal dunia dan milikannya diserahkan kepada dua orang anak atau lebih dan ada yang telah menyerahkan/menjual milikan mereka kepada peserta lain, di samping terdapat lot-lot yang dijadikan sebahagian daripada tapak perindustrian atau tambahan tapak perindustrian

19 Disember 1994

maka perlulah satu penyusunan semula lot-lot itu dibuat. Penyusunan semula ini melibatkan pengubahsuaian bentuk dan saiz lot di mana terdapat lot-lot yang telah dikurangkan keluasannya bagi mencerminkan keadilan dan kesesuaian dengan situasi pembangunan persekitaran masa kini.

Setelah selesai kerja penyusunan semula lot-lot ini kemudiannya disesuaikan seberapa boleh dengan lot-lot asal di mana peserta diberi peluang memiliki sebahagian besar kawasan-kawasan rintahan asal mereka melalui keluasan lot-lot baru.

Sekarang ini Dato' Yang di-Pertua pihak Pejabat Tanah sedang di dalam proses mengeluarkan Borang 5A kepada peserta-peserta yang telah mendapat kelulusan. Peserta-peserta yang dapat menjelaskan Borang 5A akan dikeluarkan hakmilik masing-masing. Perlu juga ditekankan di sini iaitu daripada tarikh lot-lot di kawasan rancangan ini mula diluluskan secara LMS sehingga ini terdapat ramai antara peserta yang telah tidak putus-putus mengusahakan milikan masing-masing. Pemberian milikan secara kekal ini adalah merupakan kesinambungan proses pelupusan tanah kepada peserta-peserta yang terlibat, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Adakah benar bahawa keluarga yang meneroka tanah Baroh Tok Jiring meneroka secara beramai-ramai, maksud saya bukan penglibatan seorang dari sebuah keluarga tetapi anak isteri dan sebagainya. Oleh yang demikian sekiranya hanya satu ekar sahaja hendak diberi kepada mereka bagaimanakah ahli-ahli keluarga yang lain, adakah mereka ditolak hak mereka? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang di-Pertua, kerana menyedari hakikat inilah maka keluasan asal 2 ekar itu telah dipinda kepada satu ekar untuk memberi peluang milikan yang lebih ramai. Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua - Adakah Dato' bermaksud bahawa pada awalnya mereka meneroka 2 ekar, sekarang

19 Disember 1994

kita beri satu ekar kepada ayahnya dan juga yang satu ekar lagi kepada anaknya, begitu Dato'?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Penyusunan semula ini bertujuan untuk memberi kepada seberapa ramai pemilik yang boleh.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Penjelasan, Dato' - Adakah Dato' bermaksud bahawa keutamaan akan diberi kepada keluarga itu juga, bukan orang luar. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Memang keutamaan akan diberi kepada mereka dalam penyusunan semula ini.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih Dato'. Soalan kedua.

Sejauh manakah usaha mewujudkan satu kawasan penempatan baru yang dirancang seluas 26 hektar untuk Mualaf di Landas telah terlaksana.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD : IDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, cadangan penempatan Saudara Baru di kawasan yang dicadangkan masih lagi dalam peringkat kajian oleh Jabatan Hal Ehwal Agama. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Mengikut daftar pihak Jabatan Agama kaum manakah yang telah berjaya kita jadikan saudara baru.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD : IDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kaum Cina.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang di-Pertua soalan tambahan - Adakah pihak Kerajaan sedar bahawa di rancangan-rancangan Kelapa Sawit, semua jenis rancanganlah, FELDA, FELCRA dan sebagainya terdapat ramai pekerja-pekerja asing khususnya yang datang dari Indonesia, dan dari Indonesia, dari Pulau Flores kebanyakannya terdiri dari orang-orang Kristian, adakah pihak

19 Disember 1994

Kerajaan bercadang kita dakwahkan mereka ini supaya mereka mengenali apa itu Islam.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Kita telah pun jalankan gerakan dakwah di kalangan mereka.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua - Adakah di kalangan pekerja-pekerja dari Florest?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Bukan di kalangan mereka sahaja. Oleh kerana mereka ini tinggal di tempat-tempat yang berasingan jadi mana-mana tempat penginapan mereka berhampiran dengan kampung yang ada kita menjalankan gerakan dakwah, kita menjemput mereka untuk hadir bersama.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Mengikut tinjauan saya mereka ini tinggal di Kongsi di dalam Rancangan Kelapa Sawit. Di antara mereka ada yang beragama Islam dan saya nampak mereka begitu berilmu dan beribadat, maka kalau kita gunakan golongan yang Islam ini untuk menarik yang bukan Islam saya rasa ini adalah satu cara yang baik dan kalau kita boleh beri imbuhan insya-Allah saya rasa kita akan mencapai kejayaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, memang di antara mereka yang beragama Islam memang telah kita dapat lihat mereka ini datang mengamalkan ibadat mereka bersama-sama dengan penduduk tempatan dan penduduk-penduduk tempatan selalu mengadakan hubungan yang rapat dan ini juga kita gunakan sebagai satu daripada gerakan dakwah kita.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan - Oleh kerana masalah mualaf ini masalah yang sudah ribu tahun, saya ingin tahu sejak bilakah kajian ini dibuat berhubung dengan soalan untuk melaksanakan apa yang dikemukakan dalam soalan yang kedua, soalan ini.

19 Disember 1994

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, setelah Kerajaan Negeri merezabkan kawasan ini bagi penempatan semula saudara-saudara baru kita maka pihak Jabatan Hal Ehwal Agama melalui Majlis Agama Islam telah mengadakan perbincangan untuk mewujudkan satu skim penempatan semula saudara-saudara baru kita di kawasan ini. Kajian ini terpaksa mengambil masa oleh kerana ada dua bentuk penempatan kita yang telah diberi penerangan. Yang pertamanya adakah penempatan ini berbentuk kekal atau pun berbentuk sementara yang merupakan sebagai tempat untuk kita berlatihan, kemahiran dalam apa jua bidang sekali pun supaya membolehkan mereka berdiri di atas kaki sendiri.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu bilakah kajian ini dibuat dan bila siap.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Insya-Allah apabila kajian ini siap kita akan laksanakan dengan secepat mungkin yang boleh.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk memberi hak milik perseorangan ke atas tanah tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Itu kita akan mengambil kira dari segi kertas cadangan yang akan kita bincangkan nanti.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Permasalahannya tanah atau pun cara pendekatannya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Caranya.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang di-Pertua, soalan ketiga.

19 Disember 1994

Apakah langkah-langkah awal di dalam perancangan pihak Kerajaan sebagai satu persediaan untuk KUSZA dinaikkan ke taraf universiti.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya ada dua langkah penting sebagai persediaan untuk menaikkan taraf KUSZA ke taraf Universiti.

Yang pertama - meningkatkan kelulusan pensyarah-pensyarahnya dari peringkat Ijazah pertama kepada peringkat Sarjana dan seterusnya kepada Doktor Falsafah. Sebenarnya program ini telah pun dilaksanakan sejak tahun 1983 lagi Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

Yang kedua - Rancangan untuk menawarkan kursus peringkat Ijazah dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa di KUSZA. Pihak Majlis KUSZA sedang dalam perundingan dengan pihak UIA untuk menawarkan kursus-kursus di peringkat Ijazah UIA di KUSZA. Rancangan untuk menawarkan kursus peringkat Ijazah dan Diploma Lanjutan adalah sebagai satu usaha seperti yang kita katakan tadi untuk menaikkan taraf KUSZA ke peringkat Universiti Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Berapa ramaikah tenaga pengajar yang mempunyai kelulusan akademik PHD atau Kedoktoran, Master atau Sarjana dan Sarjana Muda. PHD, Master dan BA.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Sehingga ini ada dua orang yang mendapat kelulusan PHD tetapi yang sedang dilatih 4 orang dan kita berharap insya-Allah dalam masa beberapa tahun ini kita akan dapat lebih kurang 10 orang. Ijazah Sarjana Muda akhir tahun 86 ada 31 orang, akhir tahun 90 tambahan 18 orang dan insya-Allah berakhirnya tahun 94 ini kita akan dapati jumlah yang mendapat Ijazah Sarjana Muda seramai 75 orang Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Adakah pihak KUSZA mempunyai dasar atau matlamat untuk menjadikan

19 Disember 1994

ianya sebuah pengajian tinggi khususnya dalam bidang Agama Islam dan Pengajian Arab. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Saya tidak tahu apakah yang dimaksudkan dengan soalan itu Dato' Yang di-Pertua. Bagi saya tidak jelas.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, saya ulangi soalan tambahan saya - Adakah pihak KUSZA mempunyai dasar atau matlamat untuk menjadikan KUSZA itu sebuah pusat pengajian tinggi khususnya berhubung dengan Pengajian Islam dan Bahasa Arab. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar pihak Kerajaan Negeri untuk menjadikan KUSZA sebagai sebuah pusat pengajian tinggi berteraskan Agama Islam.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Saya sangat gembiralah kalau hendak dijadikan maknanya Pusat Pengajian Tinggi khusus berhubung Pengajian Islam dalam Bahasa Arab tetapi bila kemudahan di KUSZA dicampur adukkan dengan latihan Kejururawatan dan sebagainya saya rasa agak anih, saya rasa agak berlainan sekali bidangnya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Dukacita Dato' Yang di-Pertua, Wakil Rakyat Bukit Tunggal terlalu sempit memahami Islam.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Tadi pihak Kerajaan ada menyatakan bahawa proses untuk menaikkan taraf KUSZA ke peringkat Universiti yang pertamanya ialah untuk meningkatkan akademik bagi tenaga-tenaga pengajar. Mengikut rangkaan dan pandangan Kerajaan berapa tahunkah lagi matlamat untuk menaikkan taraf akademik bagi para pensyarah itu akan selesai dan dianya boleh dianggap atau diangkat KUSZA sebagai sebuah Universiti.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, susah

19 Disember 1994

secara tepat untuk menyatakan tahun berapa benda ini boleh selesai sebab ini merupakan satu proses berterusan. Kita tidak akan berpuashati kepada satu peringkat yang tertentu, kita akan tambah dan kita perbaiki lagi. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Tadi kalau Perancangan Bandar dia ada tahap-tahap dia, peringkat-peringkat, jadi di KUSZA ini tidak adakah tahap-tahap macam itu, pakej macam Perancangan Bandar buat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang di-Pertua, seperti yang digambarkan dalam perkembangan KUSZA itu sendiri daripada Kursus Persijilan kepada Kursus Diploma kemudian kita sampai kepada Kursus Diploma Lanjutan kemudian kita akan bekerjasama dengan UIA. Jadi seperti yang saya katakan untuk menyatakan tahun berapa itu agak payah tetapi tahap-tahap pencapaian dalam proses ini telah pun kita lalui setengah-setengahnya Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang di-Pertua, saya terimalah pandangan EXCO Tunggal) : Dato' Yang di-Pertua, saya terimalah pandangan sempit. dari Seberang Takir itu bahawa saya ini berpandangan sempit. Maka tidak tahu bahawa Jururawat ini seolah-olah benda yang mana bertentangan dengan Islam. Bagi saya memang tidak begitu, saya hanya hendak tanya seolah-olah saudara EXCO telah memperjelaskan bahawa Latihan Kejururawatan di Pusat-Pusat seperti di Hospital tersebut yang ada pada hari ini tidak berasaskan Islam, hanya di KUSZA sahaja yang Islam. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Bukit Tunggal bolehlah faham seperti yang di fahamkan tetapi saya tidaklah berfaham begitu. Dato' Yang di-Pertua, malah tidak bermaksud begitu.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang di-Pertua, kalau diizinkan, dengan izin, jadi apakah yang dimaksudkan "berpandangan sempit" Dato' ? Terima kasih.

19 Disember 1994

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang di-Pertua, maksud saya Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal, kalau saya dapat fahamkan, saya harap fahaman saya ini salah, bahawa mengadakan kursus Jururawat itu bukan satu daripada kursus yang ada hubungannya dengan pengajian Islam, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Sekiranya kita sudah mempunyai berpuluhan-puluhan pusat latihan Kejururawatan, apakah lagi kita hendak bawa ke KUSZA, kalau kita hendak jadikan KUSZA satu pusat Pengajian Tinggi yang khusus. Terima kasih.

BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sama jugalah, kita sudah mempunyai lebih daripada 10 buah Universiti mengapa kita susah-susah hendak naikkan taraf KUSZA ke peringkat Universiti ...(KETAWA)...

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya persila Yang Berhormat Wakil Manir untuk kemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Dato' Yang di-Pertua, soalan yang pertama.

Setakat ianya dilancarkan, berapa unitkah Saham ASDI yang telah dijual?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang di-Pertua, semuanya telah habis dijual.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Setelah habis dijual bolehkah Kerajaan memberitahu Dewan ini dari 500 juta unit yang telah dijual itu berapakah saham-saham yang dibeli atau dijual secara tunai dan berapa pula yang dijual secara pembiayaan dari mana-mana agensi kewangan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, yang dijual secara tunai dan dibeli secara tunai ialah sebanyak

19 Disember 1994

RML40.90 juga dan selebihnya ialah yang dibeli secara pinjaman. Ini membayangkan bahawa orang Terengganu ada duit Dato' Yang di-Pertua dan ini membayangkan bahawa rancangan Kerajaan untuk memberi duit kepada rakyat Terengganu sesungguhnya telah berjaya Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, bolehkan pihak Kerajaan memberitahu Dewan ini manakah agensi-agensi kewangan yang diberi keutamaan atau kebenaran untuk membiayai pembelian saham-saham yang dibeli dan dijual melalui pembiayaan itu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang di-Pertua, ada satu senarai yang agak panjang Dato' Yang di-Pertua. Sebagai apa yang kita katakan pembiaya atau pun yang memberi pinjaman. Saya sebut satu daripadanya Bank Bumiputra, Bank Kwong Yik dan beberapa buah bank yang lain Dato' Yang di-Pertua. Saya tidak faham apa maksudnya keutamaan diberi, saya rasa tidak ada sebarang keutamaan, mana-mana bank yang bersedia untuk menolong maka pertolongan itu dialu-alukan Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, di antara pelabur-pelabur itu terdapat daripada orang-orang perseorangan dan agensi-agensi Kerajaan dan badan-badan berkanun. Manakah agensi-agensi Kerajaan dan Badan-badan berkanun yang paling banyak membuat pelaburannya, dan apakah Badan-badan berkanun atau agensi Kerajaan yang membuat pelaburan itu dengan pembelian tunai atau pun dengan pembiayaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai perangkaan yang tepat. Saya bimbang kalau saya sebut juga tidak memenuhi hasrat Wakil Manir, Dato' Yang di-Pertua. Jadi saya rasa saya memerlukan notis soalan yang seumpama ini.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Terima kasih. Saya ingat tidak perlu notis, macam mana hendak berniaga. Hendak berniaga besar, macam ini soalan tidak boleh jawab dah, ini yang ditipu orang berniaga ini. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalan ketiga.

19 Disember 1994

Nyatakan jumlah hutang Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Pusat sehingga tahun 1994?

HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, bila kita berniaga besar kita cermat, kita tidak mudah menjawab sebarang saja...

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Berniaga besar pun taukeh dia kena tahu jangan "Aristotal" tak tahu apa yang berlaku. Taukeh tidak tahu mana yang pelanggan dia, mana pelabur. Ini masalah banyak yang rugi, Kilang Garam rugi dah dahulu, tutup dah, ini hendak ASDI pulak, tidak tahulah pulak, duit rakyat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, maklumat itu ada dengan kita tapi hendak diberitahu sekarang tidak dapat, itu maksud saya. Ada beza yang jelas antara yang bertanya dengan yang menjawab. Yang bertanya sekadar bertanya tapi yang menjawab penuh tanggungjawab.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang ketiga, jumlah hutang ialah RM513.295 juta.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang di Pertua, saya tidak berapa jelas satni, berapa?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, RM513.295 juta.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, jumlah ini modal sahaja atau pun sudah termasuk faedah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Sudah termasuk faedah Dato' Yang di-Pertua.

19 Disember 1994

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, berapakah faedah yang dibayar tiap-tiap tahun.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang di-Pertua, pinjaman ini mengandungi beberapa jenis yang faedahnya dari kosong sampai 8%, jadi tidak dapat saya hendak sebut satu persatu bila ditanya berhubung dengan faedahnya Dato' Yang di-Pertua, ini pun soalan yang berkehendakkan notis Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Barangkali EXCO yang jawab duduk jauh dengan Pegawai Kewangan Negeri, tidak sempat, bayar tidak bayar tidak tahu, perlu notis, tidak apalah saya berterima kasih. Sebalan tambahan - Apakah hutang-hutang sejumlah itu merupakan kesemuanya hutang-hutang lapuk atau pun hutang-hutang baru?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Sebahagiannya hutang baru, sebahagiannya hutang lama bukan hutang lapuk, Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua, daripada pinjaman itu berapakah jenis pinjaman yang diberi penjadualan semula pembayaran?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang di-Pertua, ini pun saya memerlukan notis dan seperti yang saya katakan tadi, jumlah hutang itu mengandungi berjenis-jenis hutang yang tidak boleh dijawabkan begitu saja Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Wakil Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama -

19 Disember 1994

Apakah rumusan-rumusan yang telah dibuat hasil daripada Majlis Diskusi Hudud Kakitangan Kerajaan yang berlangsung di Wisma Darul Iman pada tarikh 10 November 1994 yang lalu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Assalamualaikum dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab soalan ini, Tuan Yang di-Pertua, PAS menyebarkan kepada rakyat Kerajaan menolak dan mengingkari Hudud. Apa yang berlaku sebenar Kerajaan menolak Hudud ciptaan PAS iaitu Kanun Jenayah Syariah 2 1993 Negeri Kelantan kerana beberapa fasal dalam Kanun ini bercanggah dengan Hudud Allah, juga bercanggah dengan pandangan dan Pemimpin PAS sendiri, bercanggah dengan manifesto PAS sendiri yang dikarang dan bercanggah dengan buku yang di karang oleh Yang Berhormat Wakil dari Rhu Rendang sendiri oleh sebab itu penolakan ini merupakan satu pembelaan dan menyelamat kepada Pemimpin PAS sendiri sebelum disedari oleh pengikut-pengikut PAS sendiri. Kerajaan tidak menolak Hudud Allah kerana ia adalah hukum Allah yang telah ditetapkan dan tidak boleh diubah suai dan wajib dilaksanakan bila ada kemampuan. Oleh itu adalah menjadi kewajipan Kerajaan menjelaskan perkara-perakara yang serupa ini kepada rakyat sekalian apatah lagi yang bersangkutan yang ada hubungkait dengan akidah dan inilah tujuan diadakan diskusi atau pun forum pada 10 November.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya, siapakah ahli-ahli Panel yang terlibat dalam diskusi tersebut oleh kerana kami hendak tahu latar belakang akademik pengajian Islam adakah dia sekadar Fardhu Ain sahaja atau pun mempunyai latar belakang akademik yang berkemampuan untuk mengadakan diskusi. Dan yang keduanya oleh kerana Yang Amat Berhormat tidak menjawab soalan, iaitulah soalannya berkenaan dengan rumusan-rumusan maka saya berharap supaya dapat menjelaskan apakah rumusan-rumusan secara terperinci daripada diskusi yang diadakan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi kita tolak Hudud Ciptaan PAS, itu rumusan dia dan kedua pulak Ahli Panel ini terdiri daripada Kadi Besar Negeri Terengganu, seorang Lawyer yang sama taraf dengan Wakil Batu Burok dan ketiga seorang Ulama
....

19 Disember 1994

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Perlikah?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: ..Ya?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Perlikah? Sama taraf itu perlikah, bukan semua Lawyer itu sama, macam Tok Guru jugak!

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: ..Ada kelulusan sama, bukan tabiat sama...(KETAWA)...

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan...

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: ...Tak kena mengena lagi, hendak jawab hak ini belum habis lagi...

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Hah, dah kenapa duduk? Dah duduk, orang bangunlah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: ...Ahli wakil Pembangkang, aturan mesyuarat pun tidak tahu, bila seorang bangun kita kena duduk...(BERTEPUK)...

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Satni Wakil Kerajaan sudah duduk sebab itu saya bangun, kalau dia bangun saya dak duduk, ke tak nampak duduk sendiri.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: ...Sebab itu saya duduk kerana dia bangun.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Cuma tinggal hak mana dulu duduk, hak mana dulu bangun saja.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: ...Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jelas kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Rhu Rendang dan salah satunya iaitu seorang Ulama iaitu Tuan Haji Mohd.Noor bin Abdul Majid iaitu bahagian Dakwah Jabatan Ugama Islam Kelantan sendiri, bukannya orang tahu Fardhu Ain sahaja dan ini semua orang yang ada, saya ingat, latar belakang yang cukup dalam soal Undang-Undang Islam.

19 Disember 1994

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan - Mengapa tidak disertakan sama Wakil bagi pihak Kerajaan Negeri Kelantan yang benar-benar terlibat dengan penggubalan Kanun Jenayah Syariah 2 Negeri Kelantan di antaranya Hukum Hudud supaya mereka dapat memberi penjelasan kepada persoalan-persoalan yang mungkin pihak ahli panel sendiri yang terlibat atau pun lain yang mereka sendiri tidak faham apa yang ada dalam Kanun Jenayah tersebut.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN : RI MENTERI BESAR: ...Tuan Yang di-Pertua saya jelaskan tadi banyak saya kata bercanggah dengan pengakuan PAS sendiri dan juga buku yang dikarang oleh Yang Berhormat sendiri. Sebagai satu contoh - Fasal 56(1) dia Hudud terhad kepada orang Islam sahaja sedangkan buku Yang Berhormat karang sendiri iaitu konsep Negara Islam dan matlamatnya berbunyi - Umat Islam yang menerima konsep wadah manusia, mereka semua adalah ciptaan Allah sahaja, tiada yang lain, oleh kerana itu hendaklah ditegakkan hukum Allah kepada semua manusia seluruhnya, tidak kira kafir, Islam ... (BERTEPOK)... bercanggah. Manifesto PAS sendiri - Menguatkuasakan Undang-Undang Islam di seluruh Negeri, yang dibuat, tidak meletakkan perbezaan keturunan, bangsa, agama, pangkat, kecuali dalam perkara-perkara yang berhubung dengan ibadat dan Undang-Undang kekeluargaan. Lagi disebut, di antara apa yang dijanji kepada rakyat meminda Perlembagaan Negeri mengikut kehendak Islam mengkanunkan Undang-Undang, Peratoran-peratoran dalam semua bidang kehidupan manusia. Apa yang kita lihat di Kelantan, tidak pinda satu pun, janji dalam pilihanraya sahaja, yang dibuat Hudud tadilah, Perlembagaan Negeri yang katakan Circular tidak pinda, Undang-Undang Majlis Bandaran tidak pinda, Peraturan-peraturan JPA dan semua sekali tidak pinda. Jadi semua sekali ini untuk mengabui mata orang, kita bertanggungjawab sebagai sebuah parti yang kita letak Islam di atas kena buat semua apa yang kita janji kalau tidak jangan buat untuk sedap mulut sahaja.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan - Oleh kerana hukum-hukum yang ada di dalam Islam itu bersifat ideal dan realiti. "Ideal" dia adalah merupakan hukum yang bersifat universal, sejagat dan melibatkan seluruh manusia. Yang kedua, Islam juga boleh menangani realiti dan situasi yang berlaku. Tidakkah Yang Amat Berhormat sedar bahawa di sana

19 Disember 1994

terdapat masalah-masalah Perlembagaan yang masih dipertahankan oleh Kerajaan Pusat yang dijunjung oleh Yang Berhormat sendiri berhubung dengan Jadual 9 yang tidak memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri menghukum orang yang bukan Islam. Dan di sana ada ayat Quran yang boleh menangani pertambungan ini iaitulah ayat yang disebut di dalam Suratul Maidah (Ayat 42) -

٤٣- سَعْوَنَ يَلْكِدَنْ أَكْلُونَ لِلْسُّخْتِ غَانْ
بَجَاءَ وَكَفَاحَكُمْ بَيْنَهُمْ أَوْ أَغْرَصَ عَنْهُمْ

Jika sekiranya mereka itu datang (orang yang bukan Islam datang kepada mu) maka hukumlah mereka atau pun berpaling daripada mereka (tidak menghukum mereka) ini merupakan suatu pilihan yang diberi oleh Al-Quran. Semasa belum ada kuasa Federal maka kita menangani masalah ini berdasarkan ayat tersebut. Saya rasa mungkin Yang Amat Berhormat tidak berjumpa dengan ayat ini atau pun sudah lama tertinggal. Sekian.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Tuan Yang di-Pertua, saya berjumpa selalu, tetapi saya suka menjelaskan. Kalau lah PAS dah sedar ini peruntukan Perlombagaan Persekutuan boleh menegah kenapa kita buat, kenapa kita buat. Kedua, soal hukum yang ada dalam sini hukum Tohan, walau macam manapun kita tidak ada tawar menawar, yang tetap - tetap, yang boleh kita ubah suai ini perkara-perkara yang lain tetapi Hudud dan apa juga yang berkaitan dengannya tidak boleh kita la itu boleh ubah suai kerana sesuatu. Yang haram tetap haram, yang halal tetap halal -

إِنَّ الْحَلَالَ بَيْنَ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيْنَ

Satu lagi saya hendak jelaskan juga. Jadi dalam soal ini dalam Hukum Hudud, dia ada hak Allah, ada hak manusia. Jadi 'masikazah', tuduh - hak manusia. Sadekah - hak manusia, kenapa yang dihapus kesemua sekali sehingga bukan Islam tidak boleh. Siapa yang membenarkan kita ini, siapa yang benar, kerana meraikan soal-soal tadi. Ini membuktikan kecetekan

orang yang menggubalkan Undang-Undang ini sendiri
...(BERTEPUK)...

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua - Adakah Yang Amat Berhormat sedar peruntukan Artikel 121(A) Perlembagaan Malaysia dan adakah Yang Amat Berhormat sedar pada peruntukan Seksyen 192 dan 193 Enakmen Pentadbiran Keluarga Islam Negeri Terengganu 86. Jika sekiranya apa yang dicakap pada Dewan yang mulia ini boleh diperkatakan begitu. Yang keduanya, penjelasan, Dato' Yang di-Pertua, dengan izin - Yang Amat Berhormat berkata bahawa UMNO dan Kerajaan UMNO, dan Barisan Nasional tidak menolak Hukum Allah di manakah penerimaan dan pelaksanaannya dan yang ketiganya sedarkan Yang Amat Berhormat kepada satu peruntukan Kanun Acara Jenayah Syariah Negeri Kedah yang menjadikan hukum Zina hanyalah tidak lebih dendanya daripada RM5 ribu atau pun hukum penjara satu tahun atau pun kedua-duanya sekali, adakah Undang-Undang UMNO ini meminda Hukum Allah atau pun menepati kehendak Al-Quran.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan bahawasanya apa yang saya katakan bahawa Hudud ciptaan PAS ini berlawanan dengan apa yang diucapkan oleh pemimpin dia sendiri, berlawanan dengan Manifesto dia sendiri, berlawanan dengan buku karangan dia sendiri dah memadai, tidak payah kita pergi jauh-jauh lagi yang tidak ada kena mengena dengan ini.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Ketua Kerajaan tadi ada baca buku, apakah Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat menerima bahawa pendapat dalam buku itu betul?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Cuba ulang sekali lagi.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tadi Yang Amat Berhormat ada baca, apa Yang Amat Berhormat baca itu Yang Amat Berhormat fikir yang terima itu betul atau pun tidak.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Ini dikeluarkan oleh PAS sendiri, saya tidak kata.

19 Disember 1994

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang dikeluar oleh PAS betul, tetapi saya tanya betul atau tidak betul hak dia baca yang dia buat hujjah dengan hak itu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Ini yang katakan - apa benda, "Senjata Makan Tuan".
...(BERTEPUK)...

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Senjata tidak makan tuan Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, tetapi Yang Amat Berhormat tidak kaji Undang-Undang itu, dia baca 56 (1) fasal tidak baca 56(2). Tidak ada penghapusan, orang-orang yang bukan Islam bila dia pilih Undang-Undang ini maka dia kena hukum juga, bukan penghapusan tapi ini keupayasan berdasar kepada realiti. Sebab Islam memanglah untuk kesemua orang tetapi Negeri Orang Puteh, tidak masuk Islam lagi, tidakkan kita buat Undang-Undang di Malaysia ini bahawa sesungguhnya semua orang buat jenayah di Amerika Syarikat, di Britain, di Perancis maka tertakluk ia kepada Undang-Undang ini, itu orang bodoh orang tidak reti Undang-Undang. Orang tidak reti Undang-Undang, kalau orang mengajti Undang-Undang tidak begitu. Dari sudut ideal memang Islam -

وَمَا يُرِكَ لِلْعَالَمِينَ .

untuk alam semua, tetapi dari sudut 'wa-kii' nya dia memerintah, laksana Undang-Undang di Negeri yang dia berkuasa. Kita di Malaysia belum berkuasa sepenuh lagi, sebab itu Yang Berhormat kata kita tolak Hudud PAS bukan tolak Hudud Allah. Bolehkah Yang Amat Berhormat terang apakah yang terkandung di dalam Undang-Undang Jenayah Syariah Bil:2 di Kelantan, apakah kandungannya yang mengatakan Hudud PAS. Jadi sebab itu tidak ada orang yang terlepas daripada Undang-Undang itu sebab Kelantan masih dalam negara Malaysia, masih dalam Malaysia, tidak ada orang yang terlepas. Kalau orang Kafir dia mencuri harta orang Kafir dia hendak pakai Undang-Undang kita boleh kerat tangan jugak. Sebab itu dia cara 'mutardis'- dalam 56(2) itu disebut itu kalau orang bukan Islam hendak terima pakai dia mencuri, kerat tangan juga, berzina kena rejam juga, tidak ada ubah tapi bagi kita berdasar kepada 'ruakeq', Kelantan sebuah negara dalam Malaysia, bukan sebuah negara, maka berpakaialah Negeri Kelantan kepada ayat 42 Suratul Maidah

۱۴۔ شَعُونَ لِذِكْرِنِي أَتَلُونَ لِلْحُكْمِ فَإِنْ جَاءَ وَكَفَاحَكُمْ بِنَهْمٍ أَوْ أَعْرَضَ عَنْهُمْ فَلَنْ يَضُرُّوكَ
شَيْئًا وَإِنْ حَكَمَتْ فَأَخْكُمْ بِنَهْمٍ بِالْقِسْطِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Jadi Iman Shafie kata, kalau hendak pakai Imam Shafie ...

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Bukit Bandi):
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua ...

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): ... 'Haa-za-bayanulinnas', ini bayang kepada Nabi S.A.W. memperjelaskan bahawa ketua negara Islam, pemimpin Islam di beri pilih sama ada mahu menghukum tidak menghukum jenayah-jenayah yang berlaku di kalangan orang kafir bila di bawa kepada Mahkamah Islam tetapi bila dia menghukum mesti hukum dengan hukum Islam...

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Bukit Bandi):
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua ...

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tadi Yang Berhormat Yang di-Pertua, Menteri Besar kata kalau orang bangun tidak duduk dia jangan bangun lagi. Royat ke anak buah biar anak buah reti sikit.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Bukit Bandi): Sekarang ini Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, masa soalan lisan tak ka sesi perbahasan?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kalau hendak berbahas boleh, hendak buat soalan lisan pun boleh sebab Menteri Besar bersyarah tadi baca buku, saya pun pandai bersyarah juga.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk ...

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Bukit Bandi):
Yang Berhormat Yang di-Pertua, semua orang pandai bersyarah.

YANG BERHORMAT ENCIK AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura):
Tuan Yang di-Pertua, saya pohon perkara FASAL 26(1) diambil

pengiktibaran iaitu penjelasan, bukan perbahasan nampak caranya kita jadi perbahasan. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Saya hendak jelas sikit lagi Dato' Yang di-Pertua, saya tidak bersyarah, saya jawab apa yang dia tanya dan jelas apa yang kelabu, itu saja. Jadi saya katakan tadi kita terima sehingga pemimpin PAS sendiri pun tidak terima dan ini bahaya kalau orang PAS sendiri tahu, kalau kita sebar, kita tidak sebar lagi...

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sila duduk.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya tadi - 192 dan 193.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Apa benda dia kata itu, apa benda kata tadi?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tanya Yang Amat Berhormat sedarkah Yang Amat Berhormat kepada Seksyen 192 dan 193? Sebelum kita kata kita tolak Hudud PAS.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Saya tidak meneliti apa yang disebutkan tadi tetapi kalau dalam apa yang telah dibuat Kanun Syariah ini memang banyak, dari segi perlantikan Hakim sudah ...

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat, penjelasan - Bukan Kanun Jenayah 2, Enakmen Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1986 Seksyen 192 dan 193.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Saya tidak baca, sebab kita tidak bincang soal itu sekarang, soal Hudud duduk bincang sekarang ini..

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Ini Hudud, ini Hududlah ini..

19 Disember 1994

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Baca ini, hak kesalahan-kesalahan ...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDU RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, masa soal jawab cukup.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli Yang Berhormat sila duduk. Masa kita ini masa soal jawab, bukan masa untuk berbahas tetapi nampaknya telah disalah guna dan kebetulan pula masa salah guna itu masa soal jawab dah habis. Dengan ini saya tangguhkan Dewan selama 20 minit.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.40 PAGI.

19 Disember 1994

PUKUL 12.00 PAGI

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat sambung semula.

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

USUL MENJUNJUNG KASIH

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang):
Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan -

"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju merakam dan merafakkan sembah ucapan penghargaan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan kerana menyampaikan Titah Di Raja mengenai dasar-dasar Kerajaan bersempena dengan pembukaan Penggal Persidangan Yang Kelima Bagi Dewan Undangan Negeri Kelapan dan bersetuju merafakkan sembah ikrar taat setia Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan persediaan memberi kerjasama yang erat kepada Pentadbiran Negeri supaya dapat melaksanakan dasar-dasar Kerajaan dengan memuaskan demi kepentingan Negeri dan rakyat seluruhnya."

Sekian, saya kemukakan Dato' Yang di-Pertua.

19 Disember 1994

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHD. (Wakil Teluk Pasu): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Cadangan itu.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amar Di Raja Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad, Menteri Besar Negeri Terengganu, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan-tuan, Puan-puan sidang hadirin-hadirat pemerhati yang saya hormati sekalian. Alhamdulillah saya mengucap setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. di mana pada pagi yang mulia ini saya diberi kesempatan menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Ladang ataupun Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat bangun berucap.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHD: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua Dewan, saya pohon maaf.

Saya selaku penyokong Usul tersebut pertama-tamanya ingin mengambil kesempatan mengucap setinggi-tinggi penghargaan dan junjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana menyampaikan Titah Ucapan serta merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Yang Kelima bagi Dewan Undangan Negeri Kelapan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah melahirkan rasa amat sukacitanya kerana pada tahun 1994 ini Negeri Terengganu Darul Iman terus mencapai tahap pembangunan yang memberangsangkan dan menambah bahawa pencapaian adalah hasil kerjasama yang sungguh-sungguh, kerjasama erat dari semua pihak, dari jabatan-jabatan, agensi-agensi Kerajaan, swasta dan orang perseorangan dalam melaksanakan dasar dan program pembangunan Negeri. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, satu perkara yang ingin saya tekankan dalam ucapan saya ini ialah mengenai dengan pembangunan kerohanian di mana kita sedar bahawa Kerajaan Negeri Terengganu dalam kesungguhan membangunkan Negeri, maka Kerajaan sentiasa peka malah tidak pernah abai atau jemu dalam melaksana pembangunan kerohanian ini bagi maksud membentuk satu masyarakat yang sihat, masyarakat yang mempunyai akhlak mulia, berilmu dan bertakwa selaras dengan dasar pembangunan seimbang yang menjadi panduan dalam

19 Disember 1994

perancangan pembangunan Negeri ini. Sehubungan dengan ini, sukalah saya menarik perhatian kepada jabatan yang ditugaskan secara langsung dalam melaksanakan program pembangunan kerohanian itu yang saya maksud ialah Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu dan agensi lain termasuklah Yayasan Islam Terengganu dan juga Yayasan Pembangunan Keluarga Negeri Terengganu dan kita maklum bahawa Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu yang diberi tanggungjawab secara langsung dalam menegakkan Islam, mempertahankan kesuciannya dan mengembangkan syiarinya dan ini dilaksana melalui bahagian-bahagian yang telah ditentukan dan satu hal yang membanggakan bahawa setiap bahagian itu telah mencapai kejayaan yang sungguh-sungguh menggalakkan. Bahagian-bahagian yang saya maksudkan antaranya ialah Bahagian Pentadbiran Enakmen Keluarga Islam, dalam negeri kita ini sebenarnya telah ada satu Enakmen Keluarga Islam dan tadipun telah ditimbul sebutan namanya. Di mana dengan dilaksanakan Undang-undang Enakmen Keluarga ini, maka antara soal kekeluargaan dalam negeri ini telah dapat diperkemaskin, telah dapat disempurnakan dan telah dapat dilihat perbezaannya semasa belum diadakan undang-undang ini. Sebagai contoh umpamanya dalam soal perkahwinan contohnya dalam soal perkahwinan dikchendaki pasangan yang akan berkahwin hendaklah lebih dahulu mendapat kebenaran, jadi pihak yang berkenaan dan sebelum diberi kebenaran, diuji kebolehannya lebih dahulu, yang layak diberi kebenaran yang belum layak ditangguhkan hingga lah mencapai kelayakan dan akan diberi kebenaran dan alhamdulillah dengan adanya peruntukan seperti itu, maka dapat dilihat pasangan-pasangan yang telah melangsungkan perkahwinan sekurang-kurangnya telah faham rukun-rukun nikah umpamanya dan pelajaran-pelajaran asas, khasnya mengenai dengan tanggungjawab suami dan tanggungjawab isteri dan begitulah hal-hal lain mengenai dengan nafkah, penjagaan anak dan sebagainya. Dan bila menyebut perkara ini saya teringat bahawa dalam negeri kita yang kita cintai ini pernah juga berlaku penyelewengan dalam melaksanakan perkahwinan ini di mana sering kita mendengar bahawa ada pasangan yang telah dikahwin dengan sab oleh Jurunikah yang ditauliahkan yang ada kebolehan, tiba-tiba kita dapat tahu dia kahwin sekali lagi dengan hanya seorang isteri sahaja bukan dua, kalau dua, tiga tiada masalahlah, itu nemanglah boleh bilang-bilangkan. Hal ini suatu hal kita rasa amat bertentangan dengan agama, amat mendukacitakan kita dan inilah antara punca berlakunya fahaman salah di kalangan masyarakat oleh ada petunjuk-petunjuk

19 Disember 1994

barangkali yang tidak bertanggungjawab yang sengaja memutarbelitkan keadaan ini bagi tujuan sesuatu yang Allah jua mengetahui. Tujuan saya menyebut sebenarnya bukan apa hanyalah sekadar mengingat sesuai dengan firman Allah yang bermaksud "Ingat mengingatlah di antara kamu, maka sesungguhnya ingat mengingat antara satu dengan lain adalah besar faedahnya bagi orang-orang Islam. Bila ditanya kenapa berlaku, ada jawapan mengatakan bahawa yang pertama itu hanyalah untuk mendapat perakuan nikah, surat nikah saja, manakala yang keduanya yang sah. Jadi soalnya perkara ini kepada siapa kita hendak letak kesalahan tidak tahu lah, tapi kita pakat-pakatlah tolong baiki, insya-Allah untuk kebaikan kita bersama. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, antara bahagian yang berperanan besar dalam Jabatan Agama ialah Bahagian Dakwah. Bahagian Dakwah yang memang sentiasa yang tidak pernah mengenal jemu mengadakan jadual, program dan menjalankan usaha itu, dakwah ke dalam dan juga dakwah ke luar dengan mengadakan ceramah-ceramah agama, dengan mengadakan kursus-kursus agama, dengan mengadakan muzakarah agama dan sebagainya dan banyak lagilah usaha-usaha lain yang dijalankan oleh bahagian ini yang saya rasa amat membanggakan dan diucapkan tahniahlah pada bahagian ini yang tidak pernah mengenal jemu, tidak pernah mengabaikan tugas dalam menjalankan dakwah. Tapi satu hal yang saya rasa elok diperbetulkan ialah soal meramaikan bilangan orang-orang yang mengikuti dan mendengar ceramah-ceramah yang diberi oleh Pegawai-pegawai Dakwah yang saya maksudkan, kerana saya sengaja menyebut perkara ini kerana ada juga usaha-usaha kadang-kadang yang tidak elok menyekat dan sebagainya orang-orang lain daripada mendekati penceramah-penceramah itu kerana dikhuatiri kononnya takut-takut berubah fikiran dan sebagainya. Inipun harus diperbetulkan dan bahagian lain antaranya ialah Unit Khairiah di mana Unit ini sentiasa berusaha mengadakan kelas-kelas agama di masjid, surau dalam negeri kita ini. Inipun satu hal yang sungguh membanggakan di mana hampir 2,000 kelas di masjid, surau telah berjaya diadakan dan sambutan-sambutannya juga menggalakkan dan kita doakan semoga bahagian-bahagian ini akan berterusan. Satu lagi bahagian pendidikan, bagi menunjukkan kepekaan, kesungguhan, keprihatinan dan kejujuran Kerajaan kita, bukan setakat mengadakan pra-pengajaran di masjid, surau tapi telah berjaya mengadakan sekolah-sekolah menengah agama. Di mana hari ini ada 11 buah, ramai penuntut dan kejayaanpun amat membanggakan dan bahagian ini sendiri ada matlamat antara yang

19 Disember 1994

disebut labar bermatlamat bagi melahirkan warganegara yang beriman, bertaqwa, berakhlaq, berpengetahuan tinggi dan kemahiran sesuai dengan kehendak Islam dan Negara, ini usaha Kerajaan, ini usaha Kerajaan dan alhamdulillah apa yang dapat saya tahu bahawa dalam ujian P.M.R. baru-baru ini sekolah ini telah mencapai kejayaan 99.0%. Ini satu hal yang amat membanggakan. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, maaf, tidak kurang juga mengenai dengan zakat. Zakat di mana dengan kesungguhan bahagian, bahagian ini maka telah berjaya membuat pungutan yang meningkat dari tahun ke tahun di mana saya difahamkan pada tahun ini akan meningkat kepada angka lebih kurang RM8 juta dan pengagihannya pula dibuat selaras dengan kehendak-kehendak agama sebagaimana yang diterangkan oleh Allah dalam al-Quran dan menyakinkan bahawa ramai yang mendapat faedah daripadanya. Untuk makluman Dato' Yang di-Pertua Dewan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian, bila menyebut zakat barangkali elok saya sebut selalu sebagai satu ingatan khasnya kepada rakan-rakan saya di bahagian Pembangkang di mana satu penyakit timbul dalam masyarakat, di mana pada tiap-tiap tahun bermula daripada awal Ramadan sampailah kepada raya ada Amil-amil Hantu yang tidak diberi tauliah yang memberanikan diri melanggar larangan Allah memungut zakat, memungut zakat dan ada sebahagian orang-orang Islam yang memberi zakat itu kepada mereka dan maaf saya katakan bukan saya reka bahawa pemungut-pemungut yang saya maksud adalah dari golongan orang-orang Pas. Jadi soalannya kenapa perkara seumpama itu dibiarkan sedangkan zakat adalah satu rukun agama yang telah ditentukan cara memungut dan cara mengagih. Bah, ini scelnya, ia disebut perkara ini juga atas maksud supaya rakan-rakan dari pihak Pembangkang tabu walaupun mereka telah tahu sebenarnya dan perbetulkan supaya yang memungut tidak berdesa dan tidak akan kaku di hadapan Tuhan dalam menjawab soalan dunia hari itu. Bahkan kita rasa malang lagi kita tidak tahu pulak ke mana dibawa pungutan itu, sedang dalam ayat al-Quran terang behawa sedekah itu diberi kepada 8 bahagian, ke mana dibawa, ini satu persoalan. Walau macam manapun saya menyebut dengan barapan kembali kepada ajaran agama, perbetulkan perkara itu, selesaikan perkara itu dan tidak berbaungkit lagi Amil-amil yang saya maksud tadi, Amil-amil Hantu tadi yang tidak tahu siapa ataupun yang tidak dapat tauliah, jadi benda ini berjalan. Satu bahagian lagi, tapi sekarang telak asing dari jabatan iaitulah Kehakiman Syari'i, dalam negeri kita ini ada Jabatan Kehakiman Syariah, Rendah, Tinggi dan Rayuan, di

19 Disember 1994

mana bahagian ini ditugaskan melaksanakan undang-undang yang ada termasuklah Undang-undang Jenayah Syara' dan adalah diketahui bahawa hasil kesungguhan jabatan ini, maka alhamdulillah sebahagian dari maksiat, kemungkaran yang berlaku di dalam negeri telah dapat diatasi di mana sering kita mendengar sidang mahkamah membicarakan tangkapan khawat dan sebagainya. Cuma satu hal barangkali elok juga disebut bahawa dalam melengkapkan mahkamah sebagai sebuah mahkamah yang lebih berwibawa lagi, maka adalah dicadangkan supaya dapat disegerakan mengkanunkan beberapa undang-undang, satunya - Undang-undang Keterangan Syariah, dua - Undang-undang Acara Jenayah Syariah dan tiga - Undang-undang Acara Mal Syariah. Saya sengaja menyebut, memang saya sedar bahawa usaha sedang dibuat dan mungkin telah sampai peringkat akhir dalam mengkanunkan perkara ini, tapi dengan harapan bila disebut insya-Allah, maka akan lebih segeralah perkara itu dilaksanakan. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, itulah antara usaha-usaha Kerajaan dan banyak lagi tidak disebut seperti yang dilaksanakan oleh Yayasan Islam Terengganu dalam mengembangkan pengajaran al-Quran, mengembangkan kelas-kelas Fardhu Ain, Yayasan Pembangunan Keluarga juga dengan membentuk Keluarga Bahagia, Penyayang dan sebagainya. Itu usaha yang kita banggakan dan kita berasa kadang-kadang dukacita bilamana sering terdengar suara yang sengaja menafikan kejayaan ini, bahkan sering dicerita-cerita ataupun dibawa cerita ke kampung-kampung yang menyebut bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang ada ini tidak berkehendak kepada Islam, bahkan kadang-kadang tidak Islam dan berbagai-bagai lagilah sebutan yang dibuat di kampung-kampung jadi biarlah kita tinggal perkara itu, cuma yang kita rasa amat sedih, boleh ulang barangkali, amat, amat, amat sedih hari ini bila ada orang-orang menyebut secara melulu, secara tidak bertanggungjawab kononnya Kerajaan yang ada termasuklah UMNO hendak buang Islam pula hari ini. Oh, ini satu ayat yang saya kira amat bahaya. Kenapa sampai begitu, bukankah kita ini orang Islam, sama-sama bertanggungjawab menegak, mempertahankan Islam? Tiba-tiba ada pula suara yang melaung-laung sana-sini mengatakan kita hendak buang Islam pula. Bahkan lebih sedih kadang-kadang ada juga suara yang menyebut bahawa kita ini lebih teruk lagi daripada orang bukan Islam. Ini apa benda cerita, sebenarnya tidak, walaupun ada cadangan-cadangan yang disebut tetapi maksud bukan membuang Islam, hanya sekadar menanggalkan ataupun membuat perkataan itu sahaja daripada parti-parti politik. Kerana kita sedar bahawa

19 Disember 1994

dengan adanya kalimah Islam itu, maka banyak perkara yang kita lihat antaranya Islam sendiri telah tercemar kesuciannya, keagungannya dan yang kedua banyak orang-orang kita, orang-orang Islam, orang-orang Melayu yang telah tersalah faham hingga bercakap kadang-kadang tidak tentu arah antaranya mendabik dada konon dia adalah orang Islam sebenar yang lain tidak dan sebagainya. Ini semuanya adalah bercanggah dengan ajaran-ajaran Islam itu sebenarnya. Jadi walau macam manapun satu hal yang harus juga diingatkan bahawa kita semua adalah bertanggungjawab menegakkan Islam dan dalam menegakkan Islam itu harus kita asingkan supaya jangan kita tersalah jalan hingga kita mempolitikkan Islam, sedangkan sebenarnya mempolitikkan ialah Islamkan politik kita. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan yang saya hormati, tadi telah timbul ialah soal-jawab dan sebagainya agak hebat mengerai dengar Hudud, saya tidak hendak panjang dalam perkara ini, cuma satu hal yang hendak saya sebut bahawa segala hujah yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amar Di Raja, Menteri Besar kita tadi adalah tepat, kena dengan kehendak hukum dan yang kedua kadang-kadang sayapun sedih juga walaupun Hudud ini merupakan sebahagian kecil daripada Undang-undang Syara' yang hanya melibatkan tujuh kesalahan sahaja tapi dibesar-besarkan hingga sampai menampakkan kononnya Islam itu Hudud itulah bila tidak ada Hudud tidak ada Islam. Itu sukar, jadi apa yang penting selain daripada itu kita cubalah beralih keliling rumah kita dahulu, sebelum kita pergi kepada soal-soal besar, soal sejagat, soal jenis besar tadi, kita harus melihat dalam rumah kita, harus melihat kepada pendidikan keliling rumah kita, itu yang penting, tapi malangnya yang dalam rumah, yang di tepi rumah kita pejam mata kita nampak hanya yang itu. Saya teringat kepada satu ayat yang diberi oleh Bapak Hamka, Al-Marhum Bapak Hamka dulu bilamana satu ceramah dibuat di Masjid Abidin ada seorang hamba Allah bertanya, bagaimana dengan menegak negara Islam, Bapak Hamka jawab, katanya "Tegaklah Islam itu dalam diri kamu", tegakkan Islam itu dalam diri kamu dulu, ini persoalannya. Jadi apakah Islam itu telah kita tegakkan dalam diri kita ataupun hanya setakat mulut sahaja. Bahkan kadang-kadang mulutpun tidak, ini soalnya. Jadi pentinglah kita tegakkan Islam di bibir mulut kita dengan menjauhkan dari membuat fitnah, menuduh, mencela dan sebagainya dan kita tegakkan Islam di dalam hati kita supaya hati kita bersih dan sebagainya tidak ada basad dengki, cela-mencela dan sebagainya, itu penting. Yang saya maksudkan dengan

19 Disember 1994

perkara-perkara tepi rumah, dalam rumah tadi kadang-kadang kita lupa perkara ini sebenarnya pernah saya sebut walaupun barangkali ada orang menganggapnya bahawa perkara ini perkara lapuk ataupun boleh jadi menganggap ini semata-mata rekaan, ataupun yang menganggapkan bahawa saya sengaja mengada-adakan. Sebenarnya tidak, sebenarnya tidak sebab saya sentiasa berada di kampung, tahu sangat cerita, dengar, lihat keadaan. Contohnya kita katakan soal kahwin tadi, telah disebut, kahwin dua kali inipun berlaku. Jadi kenapa perkara ini biar berpanjangan. Kadang-kadang kitapun sedih sebenarnya orang-orang yang sepatutnya membetulkan perkara ini, menyelesaikan perkara ini tapi dia sendiri berlagak atau berlakon sebagai Jurunikah. Ini satu hal, kita harap dapat diperbetulkan, yang benda ini sebenarnya jangan kita harap kepada mshkamah semata ataupun kita harap kepada Jabatan Agama semata tapi kita bersama khasnya kepada rakan-rakan saya Yang Berhormat, ahli-ahli daripada Pembangkang yang memang tahu benda ini dan banyak berlaku di kalangan pengikut-pengikut mereka.

Kedua, masalah Zakat juga telah disebut. Yang ketiga, meninggal masjid kampung. Inipun satu hal yang kadang-kadang kita rasa kenapa berlaku? Sedih, kita orang Islam dan sebelum saya sebut benda ini barangkali elok saya bawa satu cerita. Cerita ini sayapun tidak tahu benar ke tidak, boleh kita buat panduan. Ada orang cerita, sayapun dengar cerita ini jadi saya mengajuk balik dia kata, "Ada seorang tua di sebuah kampung menghantar anak dia pergi belajar agama di sebuah pendok. Bila anak dia balik ke kampung ayahnya meminta supaya anak ini mengajar di surau kampung itu, sebab alasan ayahnya katanya di kampung kita ini tidak ada seorang yang tahu, lebih lagi orang awam biasa memang jahil tentang agama. Jadi eloklah kata dia Awang dah tamat belajar, cubalah mengajar". Anak ini kata, "Ya, ayah, insya-Allah. Ya, anak akan mengajar." Diapun pergi ke surau dan mula-mula sekali dia pesan kepada orang-orang yang hadir di surau itu, ramai juga sebenarnya. Dia kata, "Awak ikut sahaja apa yang saya buat" itu ajarannya, "Awak ikut sahaja apa yang saya buat, apa yang saya kata, ya". Jadi murid-muridpun sangguplah, "Ya. Tak apa Ustaz saya ikut". Kemudian Ustaz tadipun membarislah buat empat saf, kira hendak sembahyang dah ni, buat empat saf. Kemudian Ustaz tadi bang, mula-mula dia bang. Bila dia bang, murid-murid empat saf semua bang belaka. Semua ikut bang sebab sudah pesan tadi kena ikut. Masing-masing ikut bang

19 Disember 1994

semua. Kemudian Ustaz paling kebelakang Ustaz kata hak ini tidak usah ikutlah, murid-murid tadipun hak saf depan sekali paling ke saf kedua, hak ini jangan ikutlah, ikut Ustaz. Saf yang kedua pula paling ke saf yang ketiga, hak ini jangan ikut. Saf ketiga paling keempat, hak ini jangang ikut, yang keempatpun paling juga pesan ke dinding jangan ikut.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMSONG (WAKIL BATU BUROK): Penjelasan - Dato' Yang di-Pertua, tidakkanlah bekas Kadi Besar bercakap begini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHD (WAKIL TELOK PASU): Terima kasih. Kemudian berlakulah, berlaku Ustaz ini sudah puas kira-kira memujuk. Ustazpun lari terjun daripada surau tadi. Murid-muridnya pun ikut terjun sama, Ustaz berlari, murid-murid berlari sama. Ini yang saya dengar. Murid-murid berlari sama hingga sampai masing-masing penat terduduk bersandar di bataang getah dan sebagainya hinggaalah seorang murid yang tua dia kata, Ustaz kalau sembahyang macam ini cara hamba tidak boleh ikut. Sampai kena berlari, terjun surau ini bukan 'fesyen' ini. Jadi saya menyebut cerita ini sebenarnya bila saya melihat bahawa di kalangan orang-orang kita inipun ada jenis ini sebenarnya, jenis 'Pak Turut'. Bila orang kata tidak usah sembahyang kampung, dia lari tinggal kampung. Tidak usah ikut belakang orang iri, dia pun tidak ikut belakang orang ini, ini bendanya hingga maaf saya katakan sekarang ini ada yang telah penat berlari, dulu barangkali dia masih sihat, boleh guna motor sendiri, boleh 'gohet' basikal umpananya, pergi ke tempat yang dia suka, sekarang sudah penat, penat sangat. Dia pun berhenti, duduk bersandar di rumah, bersandar di wakaf, tidur kadang-kadang, tidak mendirikan Jumaat, ini apa benda ke hal. Disebut perkara ini juga sebenarnya adalah dengan niat yang baik, bagi memberi harapan yang sungguh-sungguh supaya dapat diperbetulkan hingga tidak kelihatan lagi lah di kampung-kampung kita bila hari Jumaat masing-masing beraraklah berduyun ke sana, ke sini. Itu kalau di sebelah sini, di sebelah Besut, nu pula kadang-kadang berarak jugalah. Ada ayah ke sana anak ke sini dan sebagainya. Hingga setakat ini masih berbaki 20 buah lagi tempat Jumaat berasingan yang dibuat tanpa kebenaran Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, barangkali setakat itu sahajalah

19 Disember 1994

dalam ucapan pendek menyokong Titah Ucapan Kebawah Duli Tuanku dan saya mohon maaflah sekiranya ada salah silap, terkasar bahawa dan sebagainya. Sekian. Wassalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Walaikumussallam. Terima kasih. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Tuan Yang Di-Pertua, abli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pejawai Kerajaan, para pemerhati. Di dalam membahaskan Usul Terima Kasih kepada Titah Baginda Sultan bagi merasmikan Persidangan Dewan kali ini beliau telah menyebut di dalam mukaddimahnya menyatakan kesyukuran kepada nikmat dan rahmat yang dikurnia oleh Allah Subhanahuwataala kepada Negeri Terengganu. Di dalam menyatakan perkara ini saya suka mengingatkan pihak Kerajaan bahawa kita juga perlu membuang perhitungan, membuang muhasabah, sejauhmana kesyukuran kepada nikmat yang dikurnia oleh Allah itu secara praktikal dilakukan di dalam melaksanakan perintah-perintah Allah dan meninggalkan larangan-larangan Allah Subhanahuwataala di dalam Kerajaan yang diamanahkan oleh rakyat melalui tiap-tiap kali pilihanraya yang diadakan. Terutamanya Dewan ini kemungkinan besar menjadi Dewan yang terakhir, persidangan yang terakhir bagi Penggal Pilihanraya yang telah diadakan pada tahun 1990 dan pihak Kerajaan juga perlu membuat perhitungan adakan misalnya terdapat perkara-perkara kufur nikmat yang dilakukan oleh kita supaya kita membuat pembetulan dan menghindarkan diri daripada kemurkaan Allah Subhanahuwataala. Dalam hal ini Kerajaan perlu juga mendengar pandangan-pandangan yang diberi oleh golongan mereka yang dinamakan Pembangkang. Pembangkang bukan sahaja membangkang semata-mata, dalam Kerajaan yang mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen, Pembangkang dijadikan penasihat dan Kerajaan perlu memberi perhatian kepada teguran-teguran yang dikemukakan oleh Pembangkang terutamanya dalam negara demokrasi ala Malaysia yang tidak mengizinkan wakil-wakil daripada pihak Kerajaan membangkang Kerajaan kerana ia bergantung dan berkait dengan disiplin Parti. Seringkali kita ditenggelami oleh slogan-slogan dan negara kita mengikut jejak langkah negara-negara dunia yang berseronok dengan slogan-slogan semata-mata sekiranya kita tidak membuat perhitungan kepada langkah-langkah yang telah

dilakukan, perancangan yang telah dilaksanakan bagi menempa hari muka yang baik kepada negara kita.

Dahulu kita dislogangkan dengan "Bersih, Cekap dan Amanah". Belum lagi kita selesai melaksanakan bersih, cekap dan amanah, di sana terdapat perkara-perkara yang tidak bersih yang masih berlaku, berlakunya politik wang, berlakunya rasuah, berlakunya penyalahan gunaan kuasa, berlakunya campurtangan dalam urusan pentadbiran oleh orang-orang politik dan berlakunya diskriminasi, berlakunya "double standard" dan lain-lain lagi mungkin disedari atau pun tidak disedari, yang menjelaskan kebersihan yang menjadi slogan. Walau pun dinyatakan cekap, kita tidak boleh menafikan masih ada yang mencengkup, masih terdapat cekupan-cekupan yang berlaku di dalam hasil-hasil negara yang dikurniakan oleh Allah Subhanahuwataala, hasil Negeri yang perlu kita menyedari walau pun dikurniakan nikmat oleh Allah Subhanahuwataala dalam tempoh beberapa penggal pilihanraya tetapi sehingga hari ini Negeri Terengganu masih di dalam senarai Negeri yang miskin di kalangan negeri-negeri di Malaysia yang perlu diselesaikan, yang perlu diketahui, mungkin di sana ada ketematan-kelemahan yang perlu dipekaikan oleh pihak Kerajaan sejauhmana kita menunaikan amanah dan sekarang kita ditupukan pula dengan slogan WAWASAN 2020. Semua orang mahu negara kita mencapai kemajuan, bahkan kalau boleh lebih cepat daripada tahun dua ribu Dua puluh. Apakah langkah yang dilaksanakan untuk mencapai matlamat yang dikatakan wawasan itu. Sejauh mana kita membangun negara dengan cara yang tepat. Kami tidak menapikkan bahawa pihak Kerajaan menyediakan prasarana, menyediakan infrastruktur dari segi materialistik, dari segi kebendaan ke arah mencapai matlamat tujuan memajukan negara tetapi bukan aspek-aspek kebendaan sahaja yang boleh menjamin kemajuan sesebuah negara, di sana terdapat aspek-aspek yang lain diantara yang penting ialah yang dinamakan Pembangunan Manusia, Pembangunan Insan. Sejauh mana kerja pembangunan insan ini dapat dilaksanakan. Walau pun di sana banyak kursus-kursus yang diadakan, yang diramakan Kursus Ugama, yang diramakan Kursus Tata Negara, yang dinamakan Kursus Sivik dan berbagai-bagai kursus lagi. Kita perlu menyedari kebanyakannya kursus ini lebih bersifat politik daripada bersifat untuk membina insan itu sendiri. Lebih bersifat politik untuk mempertahankan kedudukan Kerajaan yang memerintah, bukan bersifat untuk membentuk peribadi manusia yang dapat melaksanakan program-program kebendaan apa yang dirancangkan

untuk mencapai matlamat WAWASAN 2020 yang digembar-gemburkan. Di sana masih banyak gejala-gejala moral yang tidak sihat, keruntuhan moral dan di antaranya peraturan-peraturan yang terlalu longgar, Undang-undang yang tidak ketat, masih wujudnya kebenaran tempat-tempat hiburan yang memberi kesan negatif kepada anak-anak muda dan kepada masyarakat kita. Masih terdapat pesta-pesta hiburan yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan sendiri, seperti Pesta Pantai sebagai suatu contoh, dan di sana tidak ada suatu pembendungan yang berkesan bagi mengawasi perkara-perkara negatif yang berlaku daripada pesta yang diadakan. Kerajaan perlu mengadakan prasarana ke arah membatasi kejadian-kejadian jenayah yang berkait dengan akhlak. Pada pihak Kerajaan mengatakan bahawa Kanun Jenayah 2 Negeri Kelantan yang terkandung di dalamnya Undang-Undang Hudud adalah suatu perkara yang tidak tepat dengan kita orang Islam. Kita perlu memahami dan perlu menyelidik dengan sedalam-dalamnya. Kita tidak mahu kesalahan yang berkait dengan penolakan Jenayah 2 Negeri Kelantan ini ekoran yang sama dengan lagu yang dinyanyikan mengikut apa yang dinyanyikan oleh kepimpinan yang paling atas di dalam negara ini. Apabila timbul masalah "Bersih, Cekap dan Amanah" semua bercakap fasal Bersih, Cekap dan Amanah. apabila Pemimpin yang pertama bercakap fasal WAWASAN 2020, semuanya bercakap fasal WAWASAN 2020. Dan kami mendapat bukti yang sah penolakan Kanun Jenayah 2 Negeri Kelantan ini lebih bersifat untuk memenuhi kemahuan Perdana Menteri dan kami mendapat maklumat suatu perbincangan diadakan di Jabatan Perdana Menteri bagi memenuhi hasrat Perdana Menteri untuk menolak tanpa suatu muzakarah secara ilmiah diadakan terlebih dahulu. Muzakarah yang diadakan kemudiannya lebih bersifat untuk mencari hujah-hujah dan dalil-dalil bagaimana kenyataan Perdana Menteri...

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Saya minta Yang Berhormat Wakil Rhu Rendang mengemukakan bukti-bukti mengenai kenyataan tersebut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Saya hendak habiskan apa yang saya jelas takut hilang punca, Dato' Yang di-Pertua, dan kalau hendak bukti saya boleh bagi kemudian daripada ini pun boleh bagi. Di luar Dewan pun boleh bagi.

19 Disember 1994

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Teruskan ucapan.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ... Tuan Yang di-Pertua, kita perlu menyedari bahawa Undang-Undang yang diamalkan di dalam negara kita hari ini adalah kesinambungan daripada Undang-Undang yang diilhamkan oleh penjajah yang menjajah Negara kita termasuk perkara yang dinamakan Enakmen Pentadbiran Ugama yang disebut itu pun termasuk adalah warisan daripada zaman penjajahan yang dibuat perubahan di mana prinsip perundungan itu sendiri sehingga hari ini masih tidak diubah. Dan perubahan prinsip adalah suatu perkara yang sangat besar, perinsip mendaulatkan hukum Al Quran, menjadikan hukum Al Quran adalah hukum yang paling tinggi, mana-mana hukum yang bercanggah dengan Quran dan Hadis Nabi S.A.W. hendaklah dibatalkan. Prinsip ini tidak ada, sehingga hari ini kita tidak mendaulatkan Al Quran Nulkarim dan Hukum Islam sebagai sesuatu yang memerintah yang mengatasi segala hukum yang lain. Sedangkan hukum-hukum yang ada di dalam Quran dan Hadis Nabi S.A.W. boleh dibatalkan oleh peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Perlembagaan. Hakikat ini merupakan suatu perkara yang mesti dimengerti dan difahami oleh pihak Kerajaan dengan cara jujur dan ikhlas, kami hanyalah memberi nasihat dalam perkara ini. Sehingga di dalam menolak Kanun Jenayah 2 Negeri Kelantan kita melihat pihak yang menolak dengan mengemukakan hujah-hujah dengan mengenepikan apa yang menjadi teras di dalam Kanun Jenayah Syariah itu dengan hanya memegang perkara-perkara teknikal dan perkara-perkara cabang yang ada di dalam Kanun Jenayah Syariah 2 Negeri Kelantan, perkara teknikal dan perkara cabang ini dipulas laksana pepatah menyatakan bahawa tak dapat tanduk maka telinga dipulas, dipulas perkara teknikal, kita melupai betapa di dalam Hukum Jenayah Islam terdapat hukum-hukum teras yang dinaskan oleh al-Quran, yang dinaskan oleh hadis Nabi S.A.W.. Yang menjadi teras ialah yang pertama Hukum Qisas yang disebut di dalam Al-Quranul Karim -

ثَيَاهُ الَّذِينَ امْرَأْتُبْ عَلَيْكُمُ الْقَسَاصُ فِي الْفَتْنَةِ

Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu hukuman Qisas dalam perkara pembunuhan termasuklah perkara mencederakan. PAS tidak boleh menamakan Undang-Undang ini

19 Disember 1994

Undang-Undang PAS, UMNO tidak boleh menamakan Undang-Undang ini Undang-Undang UMNO, ini keputusan secara terang, secara perinsip di dalam al-Quranulkarim dan perkara ini disebut di dalam Kanun Jenayah 2 Negeri Kelantan.

Yang kedua, dalam perkara yang berkait dengan Hudud. Qisas tidak disebut, yang disebut Hudud sahaja sehingga Undang-Undang itu dikenali dengan Undang-Undang Hudud, sebenarnya Undang-Undang Jenayah yang merangkumi segala di dalamnya aspek-aspek Jenayah, Undang-Undang Hudud di mana di dalam perkara Undang-Undang Hudud terdapat enam perkara yang tidak ada khilaf di kalangan Ulama sebagaimana yang dijelaskan oleh Ibnu Hajar di dalam Babsul Baari, seorang Ulama yang terkenal dalam sejarah Islam yang mengarang sebuah kitab yang berhubung dengan hukum yang dianggap sebagai "Encyclopaedia" di dalam hukum Islam. Secara perbandingan Mazhab di mana beliau menyatakan bahawa enam perkara yang tidak ada khilaf di kalangan Ulama kerana ia disabitkan dengan nas yang menjadi teras kepada Undang-Undang Hudud yang tidak boleh dipertikaikan.

Yang pertama ialah Hukum yang berkait dengan merompak. Ianya diputuskan oleh Firman Allahutaala, Ulama tidak boleh beristihar, Kerajaan tidak boleh membuat pandai-pandai dalam perkara ini, masalah teknikal ini boleh dibincang, boleh dibahas secara "Istihar" iaitulah Firman Allahutaala dalam suratul Maa-idah ayat 33 -

لَا تَمْحَاجِرُوا إِلَيْنَا بِنِينَ مُهَاجِرُونَ اللَّهُ
وَرَسُولُهُ وَيَسْعُونَ فِي الْأَرْضِ
فَإِذَا أَنْ يَقْتَلُوكُمْ أَوْ يُصْلِبُوكُمْ أَوْ
تَقْتَلُوكُمْ وَأَرْجُلُكُمْ مِنْ خَارِجٍ
أَوْ يُنْفَوُوكُمْ فِي الْأَرْضِ

Sesungguhnya balasan orang-orang yang melakukan kejahanan di atas muka bumi yang memerangi Allah dan Rasulnya yang melakukan kejahanan di atas muka bumi yang dimaksudkan ialah melakukan jenayah merompak, menyamun, mengambil harta orang dengan menggunakan kekerasan iaitulah dibunuh sekiranya dia membunuh atau di "solit" sekiranya dia membunuh dan mengambil

19 Disember 1994

harta yang dinilai harganya mengikut nisab atau pun dipotong tangan dan kaki secara bersilang sekiranya dia mengambil harta atau pun dibuang daerah dan setengah ulama menafsirkan dengan penjara sekiranya dia merompak dan tidak mengambil harta.

Yang kedua, kesalahan mencuri yang disebut dalam suratul Maaidah ayat 38 iaitulah Firman Allahu taala -

وَالْمُتَكَرِّفُ وَالْمُتَارِقُ فَاقْتُلُوهُنَّ
أَلَا هُمْ مِنْ جُنُونٍ إِذَا كُسِّبُوا نَحْنُ
أَنْهَاقُهُمْ لَهُمْ يَوْمًا لَدُنَّنَا

Pencuri lelaki dan pencuri perempuan hendaklah dipotong tangannya, hukuman cegahan daripada Allah.

Yang ketiga, jenayah berzina disebut di dalam Firman Allahutaala dalam suratul Nur ayat 1 hingga 4 dimulakan dengan Firman Allahutaala -

سُورَةُ الْأَزْنَافِ وَقَرْضَاهَا وَأَنْزَلْنَاهُنَّا إِلَيْتُمْ بِئْتِنِتْ لَكُلُّكُمْ تَذَكَّرُونَ ۝
أَلَرَّأْيَهُ وَالرَّازِيَنَ فَاجْلِدُوهُمْ كُلُّهُمْ يَوْمًا فَإِذْ يَرَوْنَ
مُنْهَمَّا مِنَاهُ جَلَدُوهُمْ سُوْلَا تَلْخُذُوهُمْ هُمْ مُلَاقُوهُنَّ فِي دُنْيَانَ كُنْدُنَّ

Maksudnya - Surat yang diturunkan, yang difardhukan oleh Allah yang telah kami turunkan, kami fardhukan dan kami nyatakan di dalamnya keterangan-keterangan supaya kamu mengambil pengajaran dan peringatan hukuman yang dikenakan kepada penzina perempuan dan penzina lelaki ialah disebat sebanyak 100 kali sebat. Dan jangan kamu mengambil sikap kasihan belas di dalam menegakkan ugama Allah jika sekiranya kamu beriman kepada Allah dan Hari Akhirat.

Yang mana ayat ini dihuraikan oleh Hadis berkait dengan Penzina "Ghairamaakhan", penzina yang belum berkahwin, yang belum berkahwin dengan perkahwinan yang sah. Adakah pun yang sudah berkahwin dengan perkahwinan yang sah, ia dinyatakan di dalam ayat Qur'an yang dinafaskan bacaannya daripada al-Quran dan hukumannya diamalkan oleh Nabi S.A.W. iaitulah firman Allahutaala -

وَالشَّيْعُ وَالشَّكَّهُ إِذَا أَرَيْتَهَا فَارْجُو هَا الْبَيْتَ

نَكَالٌ مِنَ اللَّهِ

19 Disember 1994

Orang yang telah berkahwin, yang telah berzina, perempuan, yang telah berkahwin lelaki berzina rejamlah keduanya, hukuman cegahan daripada Allah.

Yang keempat hukuman Khazad: Hukuman menuduh orang tanpa mengadakan empat saksi dalam kes zina: Ini dinyatakan oleh firman Allahu taala -

وَالَّذِينَ يُنْهَا بِأَزْعَمِهِنَّهُمْ شَيْءٌ مَّا

Dan orang-orang yang menuduh orang di dalam perkara perzinaan, menuduh perempuan yang tidak bersalah, kemudian mereka tidak boleh mengadakan empat orang saksi maka sebatlah mereka itu sebanyak 80 kali sebat.

Yang kelima

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR:
Penjelasan Dato' Yang di-Pertua, penjelasan

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ... Saya belum habis lagi, nanti saya habis dulu - Hukuman yang berkait dengan minum arak, ini dinyatakan oleh Hadis Nabi S.A.W. di mana baginda telah menyebat peminum arak kepada 80 kali sebat dan Saidina Umar telah melaksanakan 40 kali sebab yang dilakukan oleh Nabi S.A.W. Saidina Omar telah menjatuhkan 80 kali sebat dan hukuman Saidina Umar menjadi nas kerana sabda Nabi S.A.W. -

عَلَيْكَ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكَ مَنْ يُحِبُّ

Kamu hendaklah mengikut pengajaran ku dan pengajaran Khulafa-ar Raashidin kemudian daripada aku.

Yang keenam - Hukum yang berkait dengan Murtad: Dinyatakan oleh Sabda Nabi S.A.W. -

مَنْ بَدَلَ دِينَهُ فَاقْتُلُوهُ

Sesiapa yang menukar ugama maka bunuhlah dia.

Di mana enam perkara ini dinaskan dan ulama tidak ada khilaf, ia adalah hukum Hudud. Yang lain daripada perkara ini terdapat kekhilafan ...

19 Disember 1994

YANG AMAT BERHORMAT MULIA DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Betullah yang bercakap itu, semua dalam Quran yang kita akui tetapi saya katakan tadi dalam Kanun Jenayah yang dibuat oleh Kelantan ini dia sendiri tidak melaksana, mengecualikan orang bukan Islam sedangkan kalau kita buat macam itu sedaplah, orang Kafir mencuri - Hudud tidak boleh jalan, sedap dia mencuri sokmoriah. Macam mana, baca hak betul, praktik itu tidak ada.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, adakah substitute dalam Undang-Undang sekarang. Yang kita bagikan 56(2) itu ialah mengikut Perlembagaan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Tuan Yang di-Pertua, saya kata banyak benda-benda yang tidak betul yang telah dibuat. Macam kata orang kena rogel, tidak ada yang menjamin dia, kalau dia mengadu, kalau tidak bawa saksi, dia pulak kena, kena hukum dan sebagainya.

Begitu juga dari segi kehakiman, boleh sapa yang bukan Islam padahal dalam apa yang telah dibaca oleh Wakil daripada Rhu Rendang, Nas, Hadis semua sekali mesti orang Islam yang ada kepakaran dalam ini. Jadi kita boleh bercakap orang sedap dengar tetapi dari segi hendak melaksana dari buat berlainan. Kemudian kita mengelirukan orang secara ini, kita bertanggongjawab terhadap Allah Subhanahuwataala.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tuan Yang di-Pertua, enam perkara tadi adalah perkara yang disebut dalam Kanun Jenayah 2 Negeri Kelantan yang tidak ditinggalkan dan di sana ada perkara-perkara teknikal, perkara penjelasan, Undang-Undang Keterangan dan lain-lain lagi yang dijadikan alasan sebagai suatu perkara yang mengelirukan.

YANG BERHORMAT HAJI DAUD BIN ABU BAKAR (Wakil Hulu Besut): Penjelasan Dato' Yang di-Pertua - Adakah dengan meletakkan umur 15 tahun sebagai baligh itu, satu teknikal?

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Hah, kena mengaji lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya akan terangkan satu persatu, insya-Allah Tuan Yang di-Pertua boleh bagi masa yang panjang kepada saya...

19 Disember 1994

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, teruskan, masa Yang Berhormat sudah hendak habis ini, saya memberi masa untuk teruskan ucapan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Yang pertama berhubung dengan orang yang bukan Islam, Yang kedua berhubung dengan umur 15 tahun.

Berhubung dengan orang yang bukan Islam, suka saya menjelaskan didalam perkara ini sebagaimana saya nyatakan dalam sesi soal jawab tadi -

Yang pertama, Undang-Undang Islam adalah Undang-undang yang bersifat ideal.

Yang kedua, Undang-Undang Islam adalah Undang-undang yang bersifat fleksibiliti yang boleh menangani masalah-masalah realiti dan situasi yang diizinkan oleh Hukum Syarak.

Berhubung dengan perkara orang yang bukan Islam, di sana terdapat firman Allahu taala dalam Suratul Maidah iaitulah -

فَإِنْ جَاءُوكُمْ مُّجْرِمٌ فَأْخِذُوهُ إِنْ يَعْلَمُ بِغَيْرِ مَا عَنْهُ فَلَا يُؤْتُوا عِزَّةً لِّكُوْنَتْ أَنْعَصَةً لِّكُوْنَتْ أَنْ عَلِمَ بِغَيْرِ مَا عَنْهُ
بِالْأَنْتَسِيلِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الظَّالِمِينَ °

Jika sekiranya mereka itu yakni orang yang bukan Islam datang kepada mu wahai Muhammad S.A.W. maka hukumlah mereka yakni dangan hukum Islam atau pun kamu berpaling daripada mereka yakni tidak menghukum. Jika sekiranya kamu tidak menghukum mereka mereka tidak memberi apa-apa mudarat kepada kamu, jika sekiranya kamu menghukum mereka maka hukumlah mereka dengan adil. Sekiranya kamu tidak menghukum mereka, mereka tidak memberi mudarat dengan makna sekiranya orang yang bukan Islam tidak dihukum dengan hukum Hudud mereka memilih Undang-Undang yang lain dan Undang-Undang ini di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat mengikut peruntukan Perlembagaan yang ada daripada Jadual 9 Perlembagaan Malaysia yang menyatakan bahawa Kerajaan Negeri tidak diberi kuasa untuk menghukum orang-orang yang bukan Islam. Terlalu banyak kes-kes jenayah Akhlak yang berlaku, di Negeri Terengganu, seorang wanita Melayu yang beragama Islam bersekedudukan dengan seorang yang bukan Islam di Kampung Wakaf Tapai, Kawasan Marang sehingga melahirkan anak, melahirkan cucu, dibawa ke Pejabat Ugama...

19 Disember 1994

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUDA BIN MAMAT (Wakil Binjai):
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua saya ...

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ... nanti saya duduk dulu hendak ...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUDA BIN MAMAT (Wakil Binjai): ...
minta penjelasan sedikit - Kenyataan itu tepat atau pun tidak,
ini duduk dengar cakap saja Yang Berhormat Dato' Yang
di-Pertua ini...

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ... Ini boleh jadi Yang Berhormat tidak baca surat
khabar lama..

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUDA BIN MAMAT (Wakil Binjai): ...
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, inilah orang Pas,
keadaannya, betulkah kenyataan seumpama ini...

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ... nanti saya habis dulu, saya habis dulu ...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUDA BIN MAMAT (Wakil Binjai): ...
ini perangai pemimpin PAS tuduhan yang dibuat, melulu ...

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ... ini rekod Mahkamah. Suka menjelaskan dalam kes ini pihak Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam telah mengambil tindakan, di mana tindakan hanya boleh diambil kepada Melayu yang berugama Islam, tak boleh diambil kepada orang yang bukan Islam kerana tidak diizinkan oleh Perlembagaan. Kita bersimpati dengan Jabatan Ugama dalam perkara ini.

Dalam kes yang berlaku di Kedah, seorang yang bernama Adigun telah melakukan kesalahan, Jabatan Ugama Islam Negeri Kedah tidak boleh mengambil tindakan kerana pada masa itu dia belum berugama Islam. Tidak diizinkan oleh Perlembagaan.

Kes Abdul Rahim Baharuddin yang menganut Ajaran Khadiani telah diambil tindakan oleh Jabatan Ugama Islam Negeri Kedah lalu Baharuddin membawa perkara ini di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Tinggi membataalkan keputusan Mahkamah Syariah kerana seorang Khadiani dianggap bukan Islam dan di luar daripada bidang kuasa Mahkamah Syariah....

19 Disember 1994

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Tuan Yang di-Pertua, ahli daripada Rhu Rendang ini telah ketinggalan zaman dah, ini pindaan-pindaan Perlembagaan baru-baru ini banyak memberi kuasa dan tidak campur soal-soal ini dah, dia tidak sedar barangkali dalam soal-soal ini yang berlaku.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, untuk penjelasan - Inilah yang dikatakan saya tanya adakah Yang Amat Berhormat mengetahui pindaan 121(a) Perlembagaan Persekutuan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Tuan Yang di-Pertua, saya tahu dia Pakar Undang-Undang, tetapi saya sedar bahwasanya Kerajaan telah membuat beberapa pindaan dan baru-baru ini lagi telah melantik sebuah Jawatankuasa bagi membuat beberapa pindaan untuk mensesuaikan Perlembagaan dengan Undang-Undang Islam.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pindaan itu siap dah ke.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Apa benda?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Pindaan itu siap dah ke, buat dah ke tidak lagi?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: ... Saya kata baru ni lantik lagi untuk hendak membuat pindaan ini.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Bagus, baguslah, saya berterima kasih. Barulah ini, baru duduk buat, jangan kata buat dah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: ... Bukan, saya kata dulu dah buat, dan baru lagi buat ini untuk menghalusi lagi apa yang telah dibuat tambahan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua - Artikel 121(a) memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah yang mana keputusannya

19 Disember 1994

tidak dapat dicabar oleh Mahkamah Sivil dan inilah yang kita buat 56(2) dalam Kanun Acara Jenayah Islam Kelantan kerana ini bidang kuasa dan sesuai mengikut dengan peransuhan Seksyen 298(a) Kanun Keseksaan. Kita mesti saham, jangan kata melulu begitu tidak tahu mana yang salah, mana yang betul. Cuma hendak fitnah kepada orang kita ada muzakarrahlah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI SRI MENTERI BESAR: Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit tadi apa yang disebut oleh Ahli Dewan tadi di mana satu keputusan dibuat oleh Mahkamah Syariah dicabar di Mahkamah Tinggi dan dihapuskan apa yang telah dibuat keputusan, saya kata hendak buat pindaan perkara-perkara yang seumpama ini.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua - Perkara ini masih lagi berkuatkuasa. Kes Abdul Rahim bin Baharuddin masih lagi berkuatkuasa kerana Artikel 74, Jadual Ke-9 Senarai 2 masih lagi berkuatkuasa dan inilah intipati kepada Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Ugama Negeri Terengganu yang mengeluarkan bidangkuasa ke atas bukan Islam.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Wakil Rhu Rendang teruskan ucapan.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua boleh kecualikan masa gangguan, kecederaan dibuat pertimbangan -

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ada lima minit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ... Tuan Yang di-Pertua, kita perlu menyedari bahawa di sana masih banyak lagi halangan-halangan perlembagaan walau pun telah diberi amanah dalam tempoh 30 tahun lebih Negara kita mencapai kemerdekaan. Sehingga hari ini masih wujud halangan-halangan ini. Berdasarkan kepada halangan tersebut dan di sana ada ayat al-Quran dan pendapat-pendapat Ulama yang antaranya Mazhab Shafie, pendapat di dalam Mazhab Shafie, dalam Mazhab Maliki yang menyokongnya, kita membuat pilihan kepada orang yang bukan Islam dihukum dengan Hukum Hudud atau pun mereka memilih hukum yang lain mengikut ugama mereka atau pun mengikut Undang-Undang yang

19 Disember 1994

mereka pilih dan Allah memberi jaminan mereka tidak memberi mudarat kepada kamu. Dengan maksud, mengikut Islam, hukuman Islam tidak habis di dunia, hukuman Islam bersambung sehingga akhirat, berbeza dengan Undang-Undang Barat, ada aspek spiritual dalam Undang-Undang Islam yang mana aspek ini tidak ada dalam Undang-Undang Barat. Walau pun tidak dihukum di dunia, dia dihukum di akhirat. Dalam hal ini sekiranya Undang-Undang ini dikuatkuasa kepada orang Islam, jangan kita memikirkan orang Islam akan berebut-rebut melakukan perkara yang meruntuhkan akhlak, apa yang berlaku mereka akan meninggalkan maksiat, mereka tidak berani maka akhlak orang Islam akan terkawal dan akhlak orang yang bukan Islam tidak terkawal. Di dalam hal ini orang Islam akan mempunyai kewibawaan, inilah yang dimaksudkan "mereka tidak memberi mudarat kepada kamu. Sekiranya mereka menghukum mereka dengan Hudud, orang yang bukan Islam dihukum juga, maka hukumlah dengan adil, jangan mentang-mentang dia bukan Islam kita boleh lakukan apa sahaja, mestilah memenuhi syarat-syarat kesaksian yang terlalu ketat di mana Undang-Undang Islam adalah Undang-Undang yang mempunyai syarat yang ketat, terlalu payah untuk menjatuhkan hukuman, dalam hal ini Islam menggalakkan orang-orang yang melakukan kesalahan itu bertaubat, sebelum ditahan oleh pemerintah lebih baik dia bertaubat daripada dia dikenakan hukuman Hudud dan digalakkan supaya bermaaf dalam perkara mencuri dan merompak sebelum dibawa ke Mahkamah, ini suatu galakan yang dikemukakan oleh Undang-Undang Islam.

Yang kedua dalam perkara yang berkait dengan tarikh baligh, umur 15 tahun. Oleh kerana kebanyakan orang Melayu dia mengaji Fardu Ain, bukan orang PAS sahaja mengaji Fardu Ain, semua orang kita yang berugama Islam kebanyakannya mengaji Fardu Ain dan mereka membaca bab sembahyang, puasa, zakat, paling tinggi masalah haji. Mereka tidak membaca dalam masalah Hudud, mereka tidak membaca dalam masalah Ekonomi, mereka tidak membaca dalam masalah-masalah yang lain. Kita perlu menyedari bahawa di dalam menguatkuasakan Undang-Undang Hudud Nabi S.A.W. bersabda ﴿لَوْلَا دُرِجَّاتٌ لَّا يَرَوُنَ الْمُحْكَمَاتِ﴾. Hukuman Hudud hendaklah ditoik dengan adanya kekelebihuan. Dengan adanya alasan walau pun satu kaul, satu pendapat ulama yang boleh membebaskan seseorang itu daripada Hudud maka dia dibebaskan. Oleh kerana itu dalam masalah baligh, kita perlu menyedari baligh di dalam masalah sembahyang diketahui oleh umum ialah 15 tahun. Baligh dan ditambah dengan Sin-nur Rushdi dalam masalah harta anak yatim iaitu 25 tahun. Kalau

19 Disember 1994

kita pakai baligh 15 tahun anak yatim hendak serah harta, jawab dia kebaslah 15 tahun bagi harta anak yatim dengan sebab itu ulama menyatakan bahawa anak-anak yatim mesti umur 25 tahun. Dalam masalah Hudud kita perlu menyedari dalam masalah Hudud, di sana ada pendapat ulama yang mengatakan baligh 18 tahun, yang paling tinggi ialah 18 tahun. Ada yang mengatakan 15 tahun, kalau sekiranya kita menghadkan 15 tahun maka terdapat kekhilafan, ada yang mengatakan bahawa umur 15 tahun tidak boleh dikenakan kerana belum mencapai umur kematangan yang dikehendaki maka umur 18 tahun tidak ada khilaf di kalangan ulama dengan sebab itu maka diambil umur 18 tahun suatu pandangan yang tidak boleh dipertikaikan oleh semua ulama di dalam Mazhab dalam masalah tadi. Dengan sebab itu di dalam menangani masalah ini kita jangan mengelirukan masyarakat sekiranya kita belum membaca habis-habis, belum membuat kajian yang mendalam berhubung dengan melaksanakan Hukum Syara'.

Dalam masalah Rogol - Dalam masalah Rogol disebut: Masalah Rogol ini istilah dalam Undang-Undang Barat, Undang-Undang Islam tidak memakai Rogol, kerana kepada mereka yang diistilahkan dengan rogel ialah persetubuhan secara paksa, ini dinamakan "rogol". Persetubuhan secara rela sama rela tidak rogel, dengan sebab itu dalam Undang-Undang Barat terdapat Undang-Undang Rogol suami terhadap isteri, kalau dipaksa, ini Undang-Undang Barat. Dan apa yang diamalkan dalam Undang-undang kita hari ini adalah semangat daripada Undang-Undang Barat ini yang perlu disedari dan difahami. Dalam Islam yang ada ialah Zina, persetubuhan tidak dengan perkahwinan yang sah, tidak dengan milik dan tidak dengan "Wati-Shubhah". Sekiranya berlaku paksaan di dalam berzina, Islam tidak menyebut Rogol, menyebut paksa, paksaan di dalam masalah Zina. Maka di sana ada nas-nas yang nyata daripada Quran, daripada Hadis Nabi S.A.W. berhubung dengan orang yang dipaksa. Firman, Allahu taala " لَا مِنْ أَكْرَمٍ وَلَيْسَ بِالْأَعْمَانِ " - Melainkan orang-orang yang dipaksa padahal hatinya masih kekal dengan iman, dengan keyakinan, walau pun dalam masalah iman. " رُجِعَ عَنْ أَمْوَالِهِ الْمُنْكَرِ وَالْمُنْسَكِ " - ini hadis Nabi S.A.W., diangkat daripada umat aku dalam perkara terlupa, tersilap, terlalai, dalam perkara yang dipaksa, orang yang dipaksa tidak boleh ditaklip, tidak boleh dibebankan dengan hukuman dan di sana terdapat kes jenayah yang berlaku dizaman Nabi S.A.W. seperti yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan

19 Disember 1994

Al-Tarmizi seorang perempuan yang telah dipaksa berzina lalu orang yang memaksa itu ditangkap dibawa kepada Nabi S.A.W., Rasulullah telah membebaskan perempuan yang dipaksa dan lelaki yang memaksa dikenakan hukuman had yang ditetapkan oleh Hukum Syarak. Dan orang yang dipaksa di luar daripada Undang-Undang Khadhad yang berkait dengan Undang-Undang Khadhad ialah seorang lain yang tidak menjadi mangsa jenayah yang menuduh orang lain di dalam melakukan zina yang tidak boleh mengadakan 4 orang saksi. Dalam Islam bukan sahaja dalam masalah jenayah bahkan dalam masalah yang lain di luar daripada "taklip" orang yang dianianya, isteri yang dianianya dia boleh mengadu kepada Kadi, boleh mengadu Hakim, boleh mengadu kepada sesiapa dan dianggap tidak mengumpat dia menceritakan keburukan suaminya di luar daripada Hukum Mengumpat. Begitulah dalam hal yang lain orang yang menjadi saksi, memberi keterangan yang betul, di luar daripada Hukum Mengumpat dan begitulah dalam masalah Khadhad, orang yang dipaksa melakukan zina lalu dia membuat pengaduan maka di luar daripada hukum, dikenakan Hukuman Khadhad ini suatu penjelasan yang perlu difahami oleh masyarakat, yang perlu dijelaskan apa yang menjadi masalah. Kami tidak mempunyai suatu media yang cukup untuk menjelaskan kepada masyarakat berhubung dengan ini dan masalah ini tidak dimuzakkarah dan tidak dibincangkan secara ilmiah dan suka saya menyatakan bahawa setelah Kanun Jenayah 2 Negeri Kelantan ini dibincangkan oleh semua peringkat di kalangan akademik terdapat dua orang ahli akademik yang terkenal di tanah air kita, Professor Dr.Ahmad Ibrahim dari Universiti Islam Antarabangsa dan Profesor Dr.Mahmud Saidon Awang Osman yang menyertai Jawatankuasa membincangkan Kanun Jenayah 2 Negeri Kelantan ini setelah beberapa kali mengadakan perbincangan beliau telah diarahkan oleh pihak Universiti supaya menarik diri daripada Jawatankuasa ini. Bila saya tanya dalam Parlimen, pihak Kerajaan menjawab ini urusan Universiti, bukan urusan Kerajaan. Ini kerja-kerja awal untuk menggagalkan, menunaikan tanggungjawab yang sangat besar dan perlu difahami bahawa selepas itu Pusat Islam telah mengadakan satu Seminar tertutup bagi membincangkan Kanun Jenayah 2 Negeri Kelantan, dua orang Pakar Undang-Undang mengemukakan kertas kerja di dalam perbincangan ini. Walau pun akhbar cuba mengelirukan kami dapat hadir dalam persidangan itu yang disertai oleh Peguam-peguam, oleh Pensyarah-pensyarah Universiti, oleh beberapa orang Hakim dan persidangan itu mengambil resolusi bahawa Kanun Jenayah 2 Negeri Kelantan ini adalah menepati Hukum Islam dan mereka menegur perkara-perkara teknikal yang

19 Disember 1994

ada di dalamnya. Iri perkara biasa untuk menegur perkara teknikal, ini boleh dibincangkan. Kemudian pihak Bar-Council, Majlis Peguam mengadakan satu seminar, seorang Pensyarah UIA dari Sudan telah mengemukakan Kertas Kerja berhubung dengan Kanun Jenayah yang ada di dalam Islam, Majlis Peguam yang dihadiri oleh orang Islam, yang dihadiri oleh orang yang bukan Islam di mana pihak Majlis Peguam membuat resolusi bahawa ini adalah menepati Undang-Undang Syariah sebagaimana yang diterangkan walaupun terdapat orang-orang yang bukan Islam menyatakan mereka tidak bersetuju dalam perkara ini, ini menjadi perkara biasa. Dan oleh kerana perkara ini perkara tanggungjawab, perkara kewajipan, bukan perkara yang hendak dijadikan satu isu politik semata-mata....

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat cukup dah, saya bagi lebih daripada had.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ... Ya, hendak golong Dato' Yang di-Pertua, saya golong, sedikit saja.

YANG BEHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Seminit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ... Golongnya Tuan Yang di-Pertua, ialah supaya kita sama-sama bertanggungjawab maka saya mencadangkan supaya diadakan satu Majlis Muzakarah yang tidak melibatkan satu pihak, melibatkan semua pihak termasuk pihak kami dan dibincang secara ilmiah, bukan dibincang dalam Dewan dalam sesi soal jawab dalam masa yang terhad, dibincang secara ilmiah adakah ia menepati hukum syara' di mana kekurangan, di mana perkara-perkara yang perlu ditambah. Yang kedua saya mencadangkan sekiranya Kanun Jenayah itu tidak menepati Hukum Islam maka Kerajaan sendirilah yang menggubal Kanun Jenayah yang menepati Hukum Islam dan jangan janji sahaja, kami mahu suatu tempoh masa yang ditentukan berapa tahun hendak menentukan supaya deraf ini dapat disediakan, kalau hendak tolak hak kami, buat satu deraf yang lain dan kita boleh bincang bersama bagi merunaikan tanggungjawab untuk menghadapi masalah membangun manusia yang merupakan perkara yang sangat penting bagi masa depan negara kita dan Negeri kita dan boleh diadakan sidang Dewan khas bagi membincangkan perkara ini.

19 Disember 1994

Saya rasa sekadar itulah dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi masa untuk saya membahaskan perkara ini. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih.
Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD.ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahitaala Wabarakatuh.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan dan para hadirin yang saya hormati sekalian. Yang pertamanya saya memanjat kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana diberi kesempatan untuk turut serta membahaskan Titah Ucapan Tuanku Al Sultan semasa merasmikan pembukaan penggal Persidangan Dewan Yang Kelima semalam.

Dato' Yang di-Pertua, dalam banyak-banyak perkara yang disentuh dalam Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan semalam, apa yang menarik perhatian saya secara khusus ialah komentar Tuanku terhadap tahap kebersihan khususnya di bandar-bandar di Negeri ini belum mencapai tahap yang membanggakan serta diberi penekanan agar agensi Kerajaan yang berkaitan tidak melepaskan diri dari tanggungjawab menjaga kebersihan. Saya tidak tahu lah Dato' Yang di-Pertua kalau-kalau ianya disebut secara khusus untuk mengesahkan dan memberitahu Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Kuala Terengganu bahawa bandar Kuala Terengganu ini kotor sungguh. Apa yang anehnya Dato' Yang di-Pertua, dalam beberapa persidangan Dewan yang lepas kita diberitahu oleh Yang di-Pertua Majlis Perbandaran bahawa kita mempunyai sistem pelupusan sampah yang canggih dan moden. Paling akhir pada sidang 22 Ogos yang lalu, 1994, saya kalau boleh kita boleh rujuk kepada Hansard Dewan di mana Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Kuala Terengganu memberitahu Dewan bahawa kita telah membuat kajian kemungkinan, Feasibility Study habis RM500,000.00, beli incinerator harga RM7 juta tetapi tidak boleh pakai, rosak. Upah baiki RM4 juta dan buat renovation, ubahsuai habis pula RM1.6 juta. Dan Tenaga Nasional Berhad katanya telah pasang peralatan kepada incinerator tersebut untuk mengeluarkan satu megawatt kuasa letrik tiba-tiba Majlis Perbandaran Kuala Terengganu buang sampah di tepi rumah orang,

19 Disember 1994

di kampung Tok Jembal, di Kampung Pak Tijah, di Kampong Gong Quin dan Sepetir dan Taman Murai Permai. Ada orang beritahu saya Hospital ada tetapi beranak merata rawa. Inilah sikap, Dato' Yang di-Pertua, di mana orang kampung mengadu bau busuk, mengadu sakit kepala muntah-muntah tidak berselera makan tetapi Majlis Bandaran kata "sabar", "sabar" suruh sabar. Dato' Yang di-Pertua, dulu Majlis Perbandaran Kuala Terengganu dia buang sampah di kawasan dekat itu jugak tetapi jauh sedikit daripada rumah orang. Tetapi kawasan lama yang dibuang sampah dulu itu akan dibangunkan untuk dijadikan Padang Golf. Buat Padang Golf orang kampung menjadi mangsa. Inilah corak pentadbiran yang lebih mengutamakan golongan tertentu yang kaya dan ada kedudukan dan menyusahkan golongan rakyat miskin yang ramai. Padang Golf lebih penting daripada kesihatan dan keselesaan hidup rakyat ramai dahlah hendak buat Padang Gloc di Tek Jembal itu ambil tanah rakyat. Dato' Yang di-Pertua, ini yang saya sebutkan tadi antara contoh pembaziran duit rakyat, beli incinerator tetapi tidak boleh hendak guna, berjuta-juta ringgit, saya fasal kes

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua - Incinerator iui tidak ada gigikah yang tidak boleh guna ini!

YANG BERHORMAT HAJI MOHD.ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ... Dato' Yang di-Pertua, bercakap seal pembaziran ini, saya ...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Penjelasan - Apa benda Wakil Batu Burok kata?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tidak, saya tanya Wakil Wakaf Mempelam Dato' Yang di-Pertua, incinerator yang canggih ini tak dok gigikah, takut dia tahu, saya tidak tahu, saya tidak tanya Wakil Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Dato' Yang di-Pertua, saya hendak jemput Wakil Batu Burok, Wakil Wakaf Mempelam pergi tengok selalulah, kita gigit dia ... (KETAWA)... pergi dekat buang sampah sekarang, dekat incinerator, bubuh di dalam itu hendak gigit sekarang...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD.ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ... Dato' Yang di-Pertua, jadi bila

19 Disember 1994

bercakap soal pembaziran ini, tadi hak kes incinerator. Saya satu lagi yang saya ingat berhubung dengan satu "sign board" besar yang duduk di atas Bukit Besar itu dengan tulis "ALLAH PELIHARAKANLAH TERENGGANU", Yang di-Pertua Majlis Perbandaran pernah sebut di dalam Dewan ini harga dia RM1.2 juta padahal JKR menganggarkan antara RM700 hingga RM80,000.00 sahaja tetapi Wakil Ladang mengatakan memang mahal sedikitlah kerana benda barang molek, hak murah ada tetapi tidak tahan, tidak kukuh, itulah yang disebut pada waktu itu, pada sidang Dewan pada ketika itu. Saya baru-baru ini, bulan lepas, bulan hujan, musim hujan, bulan sebelas, kebetulan lalu di tengah malam saya terkejut bila tengok tulisan hurufnya itu ada nyala dan ada tidak, yang ada nyalanya "ALLAH PELI.....KANLAH TERENGGANU" jadi inilah gambaran benda hak kukuh hak dikatakan harga RM1.2 juta. Kadang-kadang tidak menyala terus, ada orang beritahu saya...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Dato' Yang di-Pertua, saya minta Wakil Wakaf Mempelam buktikan yang estimate JKR itu, buat mari ke sini, jangan cakap-cakap saja, ini kita berdasarkan kepada JKR punya estimatelah ini. Jangan cuba hendak mengabui mata orang ramai. Itu dah kalau hilang satu dua huruf itu baikilah. Manusia pun hak gagah-gagah pun sakit, Allah...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya sebut RM700,000.00, RM800,000.00 itu fasal benda itu tercatit di dalam peruntukan.

Dato' Yang di-Pertua, dalam titah ucapan semalam jugak ada disebut berhubung dengan penyediaan infrastruktur tempatan yang baik, dalam usaha untuk menarik minat pelabur untuk datang melabur ke Negeri ini dan bila kita bercakap soal penyediaan infrastruktur yang baik antaranya jelas termasuklah sistem pengangkutan, jalan raya, lebuh raya, pelabuhan, kawasan industri, bekalan tenaga letrik, air yang cukup dan sebagainya

apa yang saya hendak sebut ialah dalam keghairahan kita untuk meminta Kerajaan Pusat sepertimana yang disebut dalam teks ucapan semalam, untuk membina lebuhraya ke Pantai Timur untuk memusatkan lagi pelaburan mari ke Pantai Timur ini, untuk memusatkan lagi sektor pelaburan, sektor perindustrian, tiba-tiba Pelabuhan Kemaman yang Kerajaan Pusat telah beri balik kita pulak hendak swastakan. Dua tahun lepas saya ingat

19 Disember 1994

masing-masing bercakap di dalam Dewan ini meminta, apabila Pelabuhan Kemaman itu diletak di bawah Pentadbiran Pelabuhan Kuantan semua sekali bangkang, tidak bersetuju meminta supaya dan mendesak supaya Kerajaan Pusat mengasingkan Pentadbiran Pelabuhan Kemaman ini ditubuhkan suatu Lembaga Khusus, Lembaga Pelabuhan Kemaman dan sekarang ini Kerajaan Pusat sudah pun beri balik, serah balik dan suatu Lembaga Pelabuhan telah pun ditubuhkan tetapi ianya masih menggunakan pentadbiran Pelabuhan Kuantan sementara ianya diswastakan. Semua orang tahu Pelabuhan ini berdaya maju, perkembangan selaras dengan kepesatan perkembangan kawasan perusahaan yang dikhaskan untuk industri berat dan sederhana di sepanjang jalan dari Kemaman sampai ke Dungun seperti PERWAJA, TIOXIDE, Kilang-kilang Penapis Minyak dan Gas, PETRONAS dan ESSO dan tidak lama lagi mungkin sampai ke Marang apabila kilang penapis baru akan dibina. Ini memberi keuntungan berjuta-juta ringgit kepada Kerajaan Negeri dan Pelabuhan Kemaman ini saya difahamkan pada tahun 1992 keuntungan bersihnya RM22 juta. 1993 meningkat kepada RM25 juta dan anggaran keuntungan kasar yang dijangkakan pada tahun 1994 ini melebihi RM36 juta. Keuntungan ini akan meningkat dari tahun ke tahun dan dijangka pada tahun 2000 iaitu lima tahun daripada sekarang ada yang menjangkakan melebihi RM75 juta setahun. Jadi, Dato' Yang di-Pertua, persoalannya sekarang ini, menjadi persoalan kepada kita mengapakah Yang Amat Berhormat Menteri Besar nampak bersungguh benar hendak jual pelabuhan ini, hendak swastakan pelabuhan ini. Saya difahamkan tidak dibawa berunding dalam Mesyuarat ...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua - Jadi, Wakil Wakaf Mempelam mengakuilah projek yang dibuat oleh Kerajaan ini telah membawa keuntungan?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD.ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Betullah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD.ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Hak KSP betul, hak KSP betul, betul, tetapi hak untung ini hendak beri ke orang, hak rugi duduk tanggung. Jadi Dato' Yang di-Pertua, saya difahamkan perkara ini

19 Disember 1994

kesungguhan Menteri Besar untuk hendak mengswastakan Pelabuhan Kemaman ini tidak dibincang, tidak dibawa berunding di dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, dalam Majlis EXCO tetapi hanya sekadar dimaklumkan selepas keputusan dibuat. Yang menjadi tanya pulak itu keputusan yang sepenting ini dibuat seorang dirikah, atau pun atas nasihat

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, mana Yang Berhormat itu tahu hal ini?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD.ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya difahamkan begitu, saya tidak mahu kabarlah sumber mana. Ada bocorlah itu. Jadi sama ada keputusan itu dibuat seorang dirikah atau atas nasihat Dato' Setiausaha Kerajaan Negerikah, dan juga dengan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri merangkap Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri saya tidak tahu tetapi mungkin inilah barangkali antara sebab Pengerusi Jawatankuasa Petroleum saudara Wakil daripada Langkap merasa kecewa benar barangkali hendak meletak jawatan tidak mahu bertanding pilihanraya barangkali hak inilah barangkali. Dato' Yang di-Pertua ...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang di-Pertua, saya minta tarik balik, harap jangan kata apa - sindiran.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD.ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ... Saya kata "mungkin" hendak suruh tarik balik jugak? ...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yalah, "mungkin" itu pun minta tarik baliklah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD. ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ... Hah, tarik balik, tidak apa, saya tarik balik.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua - "Langkap" jugak hendak tarik balikkah? "Langkap" hendak tarik balikkah?

19 Disember 1994

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sila terus, masa
dah hendak habis ini.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD.ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): .. Jadi Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal pendidikan yang disentuh dalam teks ucapan semalam di mana dalam ucapan semalam disebut bahawa taraf pendidikan rakyat telah pun meningkat dan kita tidak nafikan, ini kita tidak nafikan tetapi gambaran yang diberikan seolah-olah ilmu pendidikan dan kemahiran yang sempurna yang diberikan kepada generasi muda ialah hanya semata-mata untuk cari peluang-peluang pekerjaan dan katanya sekurang-kurang ianya boleh membantu keluarga miskin. Sekarang rakyat makin sedar akan keperluan dan kepentingan ilmu pengetahuan. Selain daripada mengejar pendidikan dan ilmu pengetahuan sains dan teknologi dan lain-lain kemahiran ilmu ugama tidak diabaikan dan atas kesedaran ini sekarang ini, mutakhir ini kita dapat ramai keluarga dan ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah agama memandangkan pertambahan, memandangkan keperluan dan memandangkan permintaan yang meningkat saya merasakan Sekolah-sekolah Agama ini perlu diperbanyakkan. Saya ingat dua tahun lepas Wakil daripada Telok Pasu pun minta sebuah Sekolah Ugama didirikan di kawasan dia di Telok Pasu, saya tidak tahu setakat mana permintaan dia telah ditunaikan. Jadi bercakap soal Sekolah Ugama ini kita dapat akhir-akhir ini satu demi satu Sekolah Ugama yang dulunya ditadbir di bawah Jabatan Hal Ehwal Ugama telah diserahkan kepada Kementerian Pendidikan. Ada pelbagai alasan, ada yang mengatakan bahawa memang sepatutnya kita serahlah kerana itu memang tugas Kementerian Pendidikan, tambah pula perbelanjaannya besar, jadi kita tidak perlu dibebankan dengan perbelanjaan yang besar. Yang keduanya ada juga yang menyatakan kerana mutu pentadbiran Pejabat Ugama ini terlalu lemah untuk mentadbir sekolah-sekolah di bawah pentadbirannya. Tetapi apa yang saya hendak sebut Dato' Yang di-Pertua, ialah rungutan orang kampung, dulu berlaku di Tok Jiring dan baru-baru ini di Durian Guling apabila Sekolah Ugama itu diserahkan kepada Kementerian di mana orang-orang kampung di sekitar kawasan tersebut telah merasakan, meluahkan perasaan hampa kerana tidak dapat menghantar anak-anak dia ke-Sekolah Agama kerana apabila Sekolah Agama diserah kepada Kementerian, Kementerian dan pihak Jabatan Pendidikan akan mengambil pelajar-pelajar yang kelulusannya lebih baik, jadi pelajar-pelajar setempat kalau hendak hantar ke Sekolah Agama

19 Disember 1994

jugak, kalau duduk di Durian Guling itu ada yang kena pergi sampai ke Kuala Berang, saya difahamkan begitu. Dan satu perkara lagi berhubung dengan Pentadbiran Pejabat Ugama bahagian Pendidikan, tadi Wakil Telok Pasu duduk puji belaka, tetapi saya hendak sebutnya, hak saya difahamkan Sijil Thanawi yang dikeluarkan oleh Sekolah Ugama kita ini tidak diiktiraf oleh Universiti Azhar kerana pihak Universiti Azhar mensyaratkan pelajar kita belajar Ugama daripada tingkatan satu lagi, paling kurang, minimum tujuh tahun mengaji belajar Ugama dalam Bahasa Arab itulah sebabnya kita dapati ramai pelajar-pelajar kita ini bila hendak menyambungkan pelajaran ke Luar Negeri dihantar ke Jordan walau pun kos perbelanjaan, kos pengajiannya lebih tinggi. Oleh yang demikian saya mencadangkan Dato' Yang di-Pertua, supaya pihak Pejabat Ugama mengkaji balik Korikulum dan kembali kepada sistem asal, kembali kepada sistem asal yang saya rasakan lebih bermanfaat sepetimana yang berlaku Sekolah-sekolah Ugama di Kelantan.

Dato' satu perkara lagi yang disentuh juga dalam ucapan inilah berhubung dengan istilah Wawasan Sihat di mana disebutkan bahawa Wawasan Sihat ini ialah suatu matlamat untuk membentuk satu masyarakat yang sihat dari segi fizikal dan mental, masyarakat yang mempunyai ilmu yang dihayati, masyarakat yang mempunyai akhlak mulia dan satu masyarakat yang mempunyai sifat takwa ini yang disebut dalam ucapan semalam. Dan memang semua pihak menghargai ilmu dan akhlak yang baik apatah lagi bila rakyat melihat gejala keruntuhan akhlak yang amat meruncingkan sejak akhir-akhir ini. Apa yang menjadi masalah ialah tidak ada tindakan tegas oleh pihak yang berkuasa untuk mengenal pasti dan menghapuskan saran-saran maksiat di Negeri ini. Kita terkejut apabila Jabatan Kesihatan mengumumkan bahawa bilangan kes AIDS terus meningkat ke kadar yang amat membimbangkan di Negeri ini dilaporkan juga kes kelahiran anak di luarnikah, anak lahir tanpa ayah bertambah, kes gugur kandungan, kes buang anak, yang baru lahir juga bertambah begitu juga dengan kes khalwat, tangkapan khalwat terus meningkat dari tahun ke tahun sehingga ada Yang Berhormat, Abli Yang Berhormat dalam Dewan Undangan Negeri ini yang kena tangkap khalwat dengan isteri orang baru-baru ini tetapi nampaknya pihak berkuasa hanya memilih bulu dalam membuat dakwaan dalam kes-kes tangkapan khalwat tersebut takdak dah ...

19 Disember 1994

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya kira Yang Berhormat daripada Wakaf Mempelam tolong buat ucapan yang berhati-hati sedikit, sila jelaskan Yang Berhormat yang terlibat yang ditangkap berhalwat dengan isteri orang. Ini satu dakwaan yang tidak benar saya kira.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang di-Pertua, saya pohon penjelasan di atas cadangan EXCO daripada Telemong supaya Dewan menubuhkan satu Jawatankuasa Penyiasat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tidak payah tubuh Jawatankuasa penyiasat, Yang Berhormat boleh jelaskan kalau benar bahawa Jabatan berkenaan sembunyiikan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD.ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Perkara ini telah menjadi rahsia umum Dato' Yang di-Pertua. Soal tindakan diambil atau pun tidak itu ...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, rahsia umum ke atau cakap umum yang tidak berdas?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD.ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Itu terpulang kepada Wakil daripada Telemong.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijai): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, penjelasan -

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Wakaf Mempelam bercakap dalam perkara yang tidak benar, saya malu, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua seorang pemimpin Islam melemparkan tuduhan yang tidak bertanggungjawab. Inilah Pemimpin Islam yang diagung-agungkan, Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua, inilah yang saya katakan Dewan boleh menubuhkan satu Jawatankuasa, kena siasat,

19 Disember 1994

tidak ada siapa yang malu, jatuh maruah dan martabat Dewan terpelihara, insya-Allah.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Saya minta supaya Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam menarik balik tuduhan ini kerana ini adalah merupakan fitnah semata-mata.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD.ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya tidak akan tarik Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mencadangkan kalau Yang Berhormat Wakaf Mempelam tidak suka menarik balik, Yang Berhormat Wakaf Mempelam dirujukkan kepada Jawatankuasa tertentu Dewan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD.ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Itu terpulanglah Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Bukit Bandi): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong di atas saranan Wakil dari Seberang Takir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang di-Pertua memberi ruling tidak membenarkan Wakil yang berkenaan meneruskan ucapan selagi dia tidak menarik balik.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua - ini saranan dan cadangan Ahli Yang Berhormat daripada "lantai" bukan arahan Yang di-Pertua. Kita hanyalah boleh mencadang, ruling daripada Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang di-Pertua, saya minta ruling. Saya tidak mahu perkara ini berlanjutan kalau Yang Berhormat Wakaf Mempelam tidak membuat pendiriannya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD.ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Itu terpulang kepada Dato' Yang di-Pertua.

19 Disember 1994

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Terasa sangat itu fasal apa benda?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tuan Yang di-Pertua, tuduhan yang tidak berdasar. Saya tidak tahu kalau Wakil Batu Burok ingin bersubahah dengan Wakil Wakaf Mempelam... (BERTEPUK)...

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya dengar ada orang, hak dia sendiri tidak jawab, senyap nampaknya.

YANG BERHORMAT ENCIK HARUN BIN HASSAN (Wakil Bukit Bandi): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, oleh kerana apa yang disebutkan oleh Wakil dari Wakaf Mempelam tadi merupakan satu fitnah, maka sekiranya beliau tidak menarik balik di atas ucapan itu saya menyokong cadangan yang dibuat oleh Wakil Seberang Takir untuk diambil tindakan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua - Kita buat undi Nabi Sulaiman.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli Yang Berhormat, sila duduk. Wakil Wakaf Mempelam, saya minta Yang Berhormat tarik balik ucapan itu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD.ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang di-Pertua, atas permintaan Dato' Yang di-Pertua, saya tarik balik tetapi bukan kerana yang lain-lain.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Teruskan ucapan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD.ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ... Saya timbulkan perkara ini Dato' Yang di-Pertua, kerana gambaran, kedudukan sekarang ini amat meruncing, gejala maksiat bertambah, melibatkan pimpinan, melibatkan orang politik, melibatkan banyak golongan-golongan masyarakat sehingga ianya sampai ke peringkat pelajar-pelajar sekolah, remaja pun terjebak sama dan malah lebih teruk. Ini suatu benda yang kita rasakan contoh yang perlu dibuat, yang perlu ditunjuk, contoh yang baik, kita

19 Disember 1994

bercakap benda-benda soal membangunkan, perancangan pembangunan yang seimbang, seolah-olah pembangunan seimbang itu kata orang - sama-sama naik...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMATIL (Wakil Telemong): Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, penjelasan - "Melibatkan orang politik" termasuklah orang PAS Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua...(KETAWA)...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD.ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ...Jadi Dato' Yang di-Pertua, berhubung dengan kes akhlak ini terutama mlarat sampai ke pelajar-pelajar, kepada remaja-remaja. Saya mendapat maklumat banyak sekarang ini pelajar-pelajar sekolah juga terlibat dengan kes maksiat, kes melihat video lucah, ada juga yang sampai mengandung, ini saya rasa oleh kerana soalan saya telah ditolak, pihak Jabatan Pelajaran, Pendidikan dapat memberikan penjelasan dan memang kita rasakan kalau tidak dilakukan sesuatu ke arah membendung gejala yang seumpama, ianya akan lebih parah daripada masa kesemasa khususnya di Negeri kita yang kita cintai ini, Dato' Yang di-Pertua. Yang menjadi masalahnya Dato' Yang di-Pertua, bila ada golongan ada pihak-pihak yang cuba untuk memberikan sumbangan mereka, untuk mengajak atau pun membimbing anak-anak bukan sahaja diperingkat Sekolah Menengah atau pun Sekolah Rendah malah Pra-Sekolah, belum lagi masuk sekolah, enam tahun, lima tahun untuk dididik, dipupuk akhlak mereka yang baik mengadakan kelas-kelas pengajian, kelas-kelas seperti mana yang PASTI yang ada di merata tempat di Negeri Terengganu ini tetapi ada usaha disekat macam berlaku baru-baru ini, sekarang ini saya difahamkan soal peneroka FELDA di Kerteh Satu Ketengah Jaya, akan diambil tindakan oleh FELDA kerana katanya kesalahan menambah sebahagian daripada rumah dia untuk dijadikan Kelas Mengaji Quran padahal peneroka-peneroka lain juga tambah rumah dia, ada yang buat bengkel, ada yang buat kedai runcit, ada yang buat stor macam-macam tetapi tidak diambil tindakan. Jadi perkara-perkara macam ini antara contoh yang kita rasakan yang perlu kita cari penyelesaian bersama supaya kita sama-sama memainkan peranan untuk membendung gejala keruntuhan akhlak yang berlaku dan teruk di kalangan remaja, dikalangan belia malah di kalangan orang-orang tua hak tidak sedar ke diri.

19 Disember 1994

Jadi Dato' Yang di-Pertua, hak akhir sekali yang saya hendak sentuh, saya tak berapa nak reti berhubung dengan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Pegawai Pasukan Keselamatan yang sama-sama memainkan peranan mengatasi isu-isu sensitif. Saya tidak berapa hendak reti apabenda hak maksud sensitif ini. Barangkali tidak tahuiah kalau dikatakan antara isu-isu sensitif itu termasuk juga isu sumbangan Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Cukai beri derma kepada Kuil Hindu di Mak Cili, Kemaman, dan juga sumbangan beliau kepada pembinaan Tok Kong Cina di Jeram Tok Kong

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Adakah kenyataan ini benar atau pun perkara fitnah semata-mata sumbangan Yang Berhormat ADUN Kawasan Cukai kepada Kuil Hindu di Mak Cili, ini merupakan satu fitnah semata-mata.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD.ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ...Itu jawapan Wakil Kijal, saya minta penjelasan daripada orang yang berkenaanlah, Dato' Yang di-Pertua, kalau hendak jawab, jawablah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERTI TAN SRI MENTERI BESAR: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan - Ini kalau tengok bentuk pemimpin Islam yang kita harap untuk membangunkan satu masyarakat yang bersih, yang baik. Kita dalam segi memberi bantuan ini tidak ambil daripada duit Negeri, ada yang diberi disumbang oleh Kerajaan Pusat, dulu daripada Tabung Loteri dan sebagainya. Jadi kita kena siasat sesuatu sebelum membuat tuduhan untuk mencari sokongan politik satu perkara yang kotor. Kita ingat satu masa kita akan mati, kita milik Tuhan, bercakap semua bertanggungjawab belaka, lidah kita, telinga kita jangan kita sedap bercakap atas dunia saja, kita tidak tahu bila, besok, lusa mati. Sebab itu satu-satu perkara hendak buat bila kita letakkan topeng di muka kita Islam biar menggambarkan ajaran Islam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD. ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, jadi saya rasa itulah yang dapat saya perkatakan. Sekali lagi saya ucap terima kasih. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

19 Disember 1994

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih.
Sila.

YANG BERHORMAT HAJI ZAHARI BIN MOHAMAD (Wakil Jabi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang BerhORMAT Mulia Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang BerhORMAT, Pegawai-peGawai Kerajaan, hadirin dan hadirat yang dikasihI sekalian. Saya ingin mengambil sedikit bahagian di dalam membahaskan satu Usul Ucapan Terima Kasih kepada titah yang disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan pada pagi kelmarin. Saya tertarik dengan apa yang disarankan oleh titah tersebut iaitulah di dalam perkara mempertingkatkan lagi pembangunan Negeri Terengganu kita kasihi ini di mana pertamanya ialah yang berhubung dengan pembangunan dan tahap pencapaianya yang disebut oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan di dalam usaha untuk membawa kemajuan dan juga kemakmuran kepada Negeri Terengganu dan bagi kebahagiaan rakyat seluruhnya.

Apa yang perlu dibincangkan ialah penglibatan semua pihak di dalam membangunkan negeri ini dan proses melaksanakan dasar dan program pembangunan Kerajaan. Walaupun disebut bahawa tahap pembangunan negeri telah mencapai tahap yang memberangsangkan, tetapi apa yang dapat kita lihat ialah terdapatnya kelemahan-kelemahan yang ketara yang melibatkan rancangan-rancangan yang dilaksanakan, pembangunan-pembangunan yang ditaburkan itu tidak dapat dinikmati oleh keseluruhan rakyat di dalam negeri kita ini. Sebagai contohnya walaupun Titah Ucapan yang dikemukakan kepada Dewan ini kelmarin tidak menyebut angka ataupun peratus rakyat yang berada di bawah berkeyakinan bahawa memang wujud rakyat demikian di dalam Negeri Darul Iman ini. Walaupun kita digemburkan dengan projek-projek khusus untuk rakyat termiskin, tetapi tidak semua golongan itu mendapat pembelaan hanya beberapa peratus daripada golongan tersebut yang memperolehi pembelaan walaupun sekadar yang kita rasa tidak mencukupi iaitulah sekadar hanya mendapat RM40.00 - RM50.00 sebulan dan itupun golongan-golongan yang terpilih sahaja. Dan untuk sebuah kampung umpamanya ditatahkan dengan penyediaan rumah-rumah yang bertaraf tidak lebih daripada RM3,000.00 saja untuk satu keluarga dan sebahagian besarnya ditempatkan rumah-rumah ini di Rancangan-rancangan Tanah-Tanah Pinggir Sungai. Dato' Yang di-Pertua, sudahlah begitu mereka ini pula diminta menjadi pemenuh ruang di dalam majlis-majlis yang dianjurkan oleh

19 Disember 1994

Parti Kerajaan dan kalau tidak alamatlah kurniaan-kurniaan tadi tidak akan menjadi kekal untuk mereka.

Dato' Yang di-Pertua, golongan rakyat termiskin itu adalah rakyat yang mempunyai hak yang sama di negeri ini tetapi dinafikan hak mereka daripada mendapat pembelaan, walaupun tahun depan tahun 1995 adalah tahun terakhir bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam dan merupakan tahun persiapan Rancangan Malaysia Ketujuh tapi tahap golongan tersebut adalah sekala dan tidak berubah dan kalau ada perubahan pun berubah umur sahaja ataupun yang bagi mereka berkeluarga yang mempunyai isteri yang muda berubah anaklah.

Walaupun ada usaha-usaha dibuat dan katanya melalui pemberian pinjaman bagi membeli Saham ASN, ASB dan juga yang terbaru MADI, Kita tidak nafi bahawa Amanah-amanah Saham yang ditaja oleh Kerajaan dijamin keuntungannya tetapi dengan membuat pinjaman dari institusi-institusi pinjaman ataupun Bank apakah pelabur saham melalui pinjamen itu mendapat untung ataupun pihak lain terutamanya pihak pembiaya yang mendapat untung secara tetap pada setiap bulan. Sedangkan bagi mereka yang melabur melalui Amanah-amanah yang dikemukakan itu mempunyai tempoh-tempoh tertentu antara 10 dan 15 tahun untuk menuai hasil mereka. Kalaupun mendapat hasil institusi kewanganlah yang tetap mendapat nikmat dari projek yang dikatakan untuk membantu golongan berpendapatan rendah tersebut.

Dato' Yang di-Pertua, punca yang besarnya ialah penafian hak dan orang-orang yang benar-benar memerlukannya serta berhak tidak dapat merikmatinya yang akibatnya walaupun sebesar manapun peruntukan dan perbelanjaan dikemukakan oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kemiskinan ini maka ia tetap menghadapi kegagalan dan tidak akan berjaya. Sama ada golongan tadi, iaitu golongan termiskin ataupun golongan miskin ataupun golongan yang berpendapatan rendah pasti menjadi sebahagian daripada rakyat negeri yang kaya ini walaupun alasan yang diberikan seolah-olah Kerajaan ingin menyembunyikan fakta-fakta tersebut.

Mengikut satu kenyataan oleh pihak Kerajaan iaitu dalam tempoh 1990 sehingga bulan Ogos, 1994 yang lalu masih terdapat sebanyak 19,599 lot tanah haram yang diteroka sebelum tahun 1980. Persoalannya kenapa berlaku demikian dan kita tidak begitu pasti tetapi yang dapat kita jangkakan ialah

19 Disember 1994

peneroka-peneroka itu adalah golongan yang miskin dan berpendapatan rendah dan kalaular dia itu golongan kaya, dan berpendapatan lebih, kita yakin mereka tidak akan meneroka tanah-tanah Kerajaan secara haram bahkan mereka boleh membeli dan mencari sendiri. Contohnya Dato' Yang di-Pertua, pada sesi minum teh pagi kelmarin, saya dapat penjelasan atau dapat pengetahuan ataupun maklumat daripada Yang Berhormat daripada Binjai, dia kata, dia ni sekarang ni sihat kerana banyak 'exercise'. Saya tanya apa exercisenya, dia kata menebas di kebun, kebun baru beli. Memanglah dia sebagai seorang EXCO kalau tak ada-tak ada 'pitih'pun ramai orang percaya dan Bank Pertanianpun sanggup beri pinjam. Tapi kalau orang kampung bawa geran tanah setambunpun mahu penjamin lagi. Inilah Dato' Yang di-Pertua, menyebabkan tanah-tanah yang diteroka oleh mereka-mereka yang berpendapatan rendah ini juga bukan saja mereka-mereka tidak mendapat kepercayaan daripada institusi-institusi Kewangan tetapi nampaknya mereka juga tidak mendapat kepercayaan daripada pihak Kerajaan yang menyebabkan mereka masih kekal berada di atas tanah-tanah yang diistilahkan haram oleh Kerajaan dan tidak diluluskan sampai sekarang ini, walaupun meneroka tanah-tanah tersebut semenjak berpuluh-puluh tahun.

Dato' Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya menyentuh ialah dalam perkara yang berhubung dengan Fasa Kedua, pelan pembangunan Negeri Terengganu yang disebut di dalam Ucapan Titah kelmarin dan ini kerana ianya merupakan dasar barangkali, walaupun ianya saja menjadi sebagai soalan dalam Soalan Lisan tetapinya ditolak bolehjadi ia merupakan dasar maka saya juga tertarik untuk menyebut perkara ini iaitulah penekanan dan perhatian terhadap Pelan Fasa Kedua Pelan Pembangunan Negeri Terengganu ini yang menekankan berhubung dengan pembangunan-pembangunan sektor bandar dan juga sektor moden dan kepesatan industri sains dan teknologi maklumat. Soalnya sekarang ini Dato' Yang di-Pertua ialah Pelan Pembangunan Negeri Terengganu Fasa Satu yang bermula pada tahun 1974 yang menekankan untuk melengkapkan kemudahan asas untuk rakyat masih jauh daripada terlaksana. Kita tidak menafikan Dato' Yang di-Pertua ada usaha untuk menyediakan kemudahan asas yang dirancangkan itu tetapi keperluan dan 'priority'nya yang berjalan tidak berjalan sebagaimana sepatutnya. Sebagai contohnya di dalam kawasan-kawasan terutamanya kawasan sayalah Kawasan Jabi terdapat banyak kemudahan-kemudahan asas untuk keperluan rakyat tidak

19 Disember 1994

terlaksana, walaupun kawasan ini kedudukannya ialah di sepanjang jalan utama Jerteh/Kuala Terengganu dan berhampiran dengan Bandar Jerteh. Perkara asas yang sangat perlu umpamanya jalan. Jalan-jalan kampung masih berlaku diaf binggaken pelajar-pelajar yang berada di dalam kawasan tersebut kalauiah musim hujan tidak dapat keluar untuk ke sekolah kerana kepayahan jalan dan ini semua sudah ada di dalam maklumat sebenarnya, di dalam maklumat jabatan-jabatan yang berkenaan, tetapi sampai sekarang ini tindakan-tindakan untuk mengatasinya belum lagi dilaksanakan. Itu boleh jadilah kawasan ini bukan kawasan UMNO, kerana kawasan ini dimenangi oleh Pas boleh jadilah ianya didiskriminasikan. Itupun boleh jadilah, kalau tidak betul tolung nafilah.

Kita tidak tabuhah Titah Ucapan ini hanya akan tinggal Titah dan harapan begitu sahaja ataupun sebaliknya kerana 'priority' dan keutamaan yang jelas nampak di dalam pelaksanaan Fasa I dari pelan Pembangunan ini walaupun dikatakan untuk menyediakan kemudahan asas untuk rakyat ialah penyediaan asas untuk yang banyaknya ialah penyediaan asas untuk memperbanyakkan tempat-tempat yang diragui dapat melahirkan manusia-manusia yang berakh�ak. Ini dapat kita lihatlah sebagaimana yang berlaku pertama sekali dalam Kawasan Jabi umpamanya penyediaan-penyediaan asas untuk tempat-tempat rekreasi, ataupun tempat-tempat berkelah disiapkan dengan berbagai-bagai kemudahan dan sehingga jalan-jalanpun boleh lalu dah dengan kereta-kereta mewahpun boleh berjalan, boleh pergi.

Inilah yang kita rasa keutamaan diutamakan untuk kepentingan-kepentingan tersebut tetapi untuk kepentingan untuk meningkatkan keilmuan ataupun untuk menjadikan rakyat ini berilmu kemudahan-kemudahan jalan-jalan untuk ke sekolah dan sebagainya tidak disediakan dengan baik. Lebih-lebih lagi dalam Fasa II palan tadi yang disebut khusus oleh Titah Al-Sultan ialah menekankan Wawasan Sihat sebagaimana yang disebut oleh wakil yang sebelum daripada saya tadi yang bermatlamatkan masyarakat yang sihat yang berilmu dan menghayati ilmu, yang berakh�ak mulia dan bersifat taqwa. Penekanan tersebut di atas adalah seolah-olah satu angan-angan Dato' Yang di-Pertua dan lebih parah lagi kalau ianya bersifat perhiasan kata.

19 Disember 1994

Dato' Yang di-Pertua, tempoh Fasa I sudahpun habis dan sekarang bermula Fasa II. Dan Fasa II bermula yang menekankan kepada pembangunan bandar walaupun dikatakan sektor luar bandar tidak akan diabaikan, saya amat bimbang kalau-kalau Titah tersebut akan tinggal di dalam buku Titah sahaja. Selama 20 tahun tempoh Fasa I berjalan, negeri kita ini yang walaupun berkembang tetapi ianya terdiri daripada rangkaian-rangkaian kampung tradisi. Negeri kita yang terdiri daripada kampung-kampung tradisi, rangkaian kampung tradisi yang amat kecil tumbuhnya kampung-kampung baru di dalam negeri ini dan kampung-kampung tradisi ini ianya masih kekal di tahap yang biasa dan masih dalam suasana tradisi yang serba kurang daripada kemudahan-kemudahan asas. Apalah harapan kita yang boleh kita harapkan kemajuan dapat dicapai dalam era tempohnya yang sudah tamat itu dan penekanan matlamatnya sudah berubah daripada sektor luar bandar kepada bandar pula, ertiinya orang kampung dalam suasana yang sentiasa malang ini Dato' Yang di-Pertua lebih-lebih lagi untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai akhlak mulia dan satu masyarakat yang mempunyai sifat taqwa adalah amat jauh Dato' Yang di-Pertua, kerana negeri kita sekarang ini membiarkan rakyat dengan tahap yang ada sedang Kerajaan amat mengambil berat dan membuat tumpuan yang lebih di dalam perkara mengejar ekonomi dan juga mengejar pembangunan pelancongan walau pun dikatakan melalui pelancongan juga akan menghasilkan ekonomi tetapi ianya dilaksanakan tanpa batas sedangkan kita diperingatkan oleh Allah S.W.T. dengan batas-batasnya dan umpamanya dalam perkara ekonomi ada batasnya:-

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذْقُوا اللَّهُ وَزِرْوَا^١
مَا يُبْقِي مِنَ الرِّبْوٍ - إِنَّ كُلَّمُؤْمِنٍ

"Wahai orang-orang yang beriman bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah saki-baki riba itu jika kamu orang-orang yang beriman." Jadi macam mana kita hendak melahirkan masyarakat yang bertaqwa kalaularah negeri kita ini masih lagi tidak meninggalkan kerja-kerja, perkara yang diperingatkan oleh Allah S.W.T. untuk menjauhinya, Dato' Yang di-Pertua. Kerana Dasar Pembangunan yang dititahkan di dalam ucapan Titah itu ialah Dasar Pembangunan Seimbang boleh jadi disebutkan Dasar Pembangunan Seimbang yang kita tidak begitu pasti apakah

19 Disember 1994

maksud yang sebenarnya. Saya bimbang, takut, kalimah Dasar Pembangunan Seimbang ini sebagaimana yang dikatakan oleh orang Pulau Pinang "Dasar Sama Naik", iaitulah dasar sejid buat, tempat-tempat hak maksiatpun toleng kembang sama

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya tangguhkan Dewan sehingga pukul 2.45 petang.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.00 TENGAH HARI.

19 Disember 1994

PUKUL 2.45 PETANG

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat sambung semula. Saya jemput Wakil Jabi untuk habiskan ucapan, saya beri masa dalam tiga minit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI ZAHARI BIN MUHAMMAD (Wakil Jabi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang sekali lagi untuk menyambung ucapan kepada perbahasan mengucapkan terima kasih kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan yang telah saya sebut sebelum daripada ini fajtulah di antaranya untuk melahirkan masyarakat yang bertaqwa kepada Allah S.W.T. yang disebut oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan yang saya katakan ke arah mencapai ketaqwaan itu adalah berdasarkan kepada apa yang berlaku di dalam negeri kita ini ianya sukar dan payah untuk dicapai walau pun berbagai-bagai cara ataupun berbagai-bagai projek yang dilulus ataupun yang diisyitharkan kepada kita. Ini memandangkan kepada Dasar Pembangunan yang dilaksanakan di dalam negeri kita ini sebagaimana disebut dalam Titah Ucapan iaitu Dasar Pembangunan Seimbang dan kalaulah Dasar Seimbang itu, dasar yang sama naik di antara perkara yang halal dan perkara yang haram maka ke arah mencapai ketaqwaan ianya adalah suatu perkara yang mustahil untuk dicapai. Saya menyebut perkara ini ialah kerana sebagaimana yang diketahui umum dan pernah disebut, pernah diberi jawapan kepada Dewan kita yang mulia ini iaitulah berhubung dengan tempat-tempat maksiat masih berleluasa dan masih banyak di dalam negeri kita ini bahkan ianya diberi kebenaran dan diberi lesen oleh pihak Kerajaan. Umpamanya kedai-kedai judi masih lagi banyak, masih lagi walaupun sudah sudah dikatakan ditutup, tetapi diberi lesen baru kepada kedai tersebut dan ini adalah suatu perkara yang amat malang kepada kita. Sebagai contohnya Dato' Yang

19 Disember 1994

di-Pertua, ialah kegiatan pelacuran yang dekat berlaku di dalam Bandar Kuala Terengganu sendiri umumnya. Sebagaimana yang kita dapat dengar daripada laporan-laporan ataupun daripada cakap-cakap ataupun dapat dilihat sendiri sebagaimana yang berlaku kepada sebuah premis yang dikenali asalnya sebagai Restoran Orkid dan sekarang ini sudah ditukar restoran tersebut dengan nama Bar Orkid, yang jelas berlaku kegiatan-kegiatan yang mengaibkan masyarakat Islam, khususnya di Bandar Kuala Terengganu. Tetapi sampai bulan Ogos 1994 iaanya masih lagi berjalan dan masih tidak ...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, penjelasan- Orkid Restoran ini di mana? Boleh Wakil Jabi beritahu di mana? Boleh sama-sama kita pergi menyaksikan.

YANG BERHORMAT HAJI ZAHARI BIN MUHAMMAD (Wakil Jabi): Dalam Bandar Kuala Terengganulah, Bandar Kuala Terengganu, tanya Dato' Bandar ... (KETAWA)....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Bandar Kuala Terengganu ini banyak, Seberang Takir pun Bandar Kuala Terengganu juga lagi. Tidak, takut Yang Berhormat dengar-dengar kata, tidak tahu sebenarnya, jadi tidak molek juga saya rasa, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI ZAHARI BIN MUHAMMAD (Wakil Jabi): Hak itu, boleh bisik dekat-dekat tulah. Dato' Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini, walau pun boleh jadi Wakil daripada Seberang Takir kata, kita dengar-dengar khabar sahaja barangkali. Tidak apalah, dengar-dengar khabarpun. Tapi maknanya restoran tersebut atau pun bar tersebut digunakan tempat tawar-menawar untuk mendapat khidmat benda 'pelik'.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Tawar-menawar apa benda ini?

YANG BERHORMAT HAJI ZAHARI BIN MUHAMMAD (Wakil Jabi): Royat dahkan, benda 'pelik'.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Rajin pergi tawar dah?

19 Disember 1994

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): ... Tijah, tijah, tawar-menawar tijah dengan remis.

YANG BERHORMAT HAJI ZAHARI BIN MUHAMMAD (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, saya sebut ini ialah tidak prihatinnya pihak Kerajaan untuk membasmikan benda-benda yang merosakkan akhlak masyarakat yang disebut untuk mencapai darjah taqwa, yang disebut di dalam Ucapan Titah yang disampaikan kepada kita kelmarin. Sebenarnya Dato' Yang di-Pertua, perkara inilah yang disebut boleh jadi perkara Pembangunan Seimbang yang ianya bercanggah dengan apa yang dikirakan atau pun yang diperkirakan oleh Nabi kita Muhammad S.A.W. yang menyebut dengan terang ia tuluh hadis Rasulullah S.A.W. yang disebut sendiri, yang dibaca sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada sidang pagi tadi:-

إنَّ الْحَلَالَ بَيْنَ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيْنَ - وَبَيْنَهُمَا أَمْوَالُ مُسْتَهْمَاتٍ
لَا يَعْلَمُهَا كُلُّ رِجُلٍ مِّنَ النَّاسِ . فَهُنَّ أَنْقُضُ الشَّيْءَاتِ - فَقَدْ
أَسْتَرَاهُ لِدِينِهِ وَعَرَضَهُ . وَمَنْ وَقَعَ فِي الشَّيْءَاتِ
وَقَعَ فِي الْحَرَامِ - كَمَا عَيْنُ حَوْلِ الْحِمْيَارِ يُوْسَكُ أَنْ يَقْعُ فِيهِ
الْأَوْانُ لِكُلِّ مَلْكٍ حَسَنٍ - ثُلَّا وَإِنَّ حِنْدَةَ مَحَارِمَهُ -
الْأَوْانُ فِي الْجَسَدِ مُفْنَخَةٌ - إِذَا صَلَحتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ -
وَإِذَا فَسَدَتْ نَسَدَ الْجَسَدِ كُلُّهُ ، الْأَوْهَى الْقَلْبُ .

Ruwahul Bukhari Wal-Muslim.

Yang bermaksud: "Sesungguhnya yang halal itu nyata, dan yang haram itu nyata juga dan di antara keduanya ada perkara-perkara kesamaran yang tidak diketahuinya oleh banyak manusia. Maka barang siapa memelihara dirinya dari segala perkara kesamaran itu, sesungguhnya ia memelihara bagi ugamanya dan kehormatannya. Dan barang siapa jatuh ke dalam perkara kesamaran, jatuhlah ia ke dalam yang haram seperti seorang pengembala kambing yang mengembala yang berhampiran dengan kawasan larangan. Nescaya kambing tersebut akan memakan di dalamnya dan ketahuilah bahawa larangan Allah ialah

19 Disember 1994

segala yang diharamkannya. Ketahuilah bahawa di dalam badan ada segumpal daging, apabila ia baik, maka baiklah badan seluruhnya dan apabila ia rosak, rosaklah badan seluruhnya. Ketahuilah itulah yang dikatakan hati."

Dato' Yang di-Pertua, sudah jelas kepada kita, tetapi kenapakah kita masih lagi tidak mahu membanteras dan tidak mahu berusaha ke arah mencapai atau pun ke arah menghalang kerja-kerja maksiat yang berlaku di depan mata kita. Soalnya pembinaan insan adalah merupakan satu perkara yang memang mustahak dan yang penting untuk pembangunan seluruhnya dan sejauhmana wang yang kita keluarkan dan sebanyak mana projek yang kita atur untuk membangunkan negeri kita ini. Selama mana mereka-mereka yang melaksanakannya tidak mempunyai hati yang ikhlas, maka selama itulah kita tidak akan berjaya bahkan akan timbul perkara-perkara dan masalah-masalah baru yang bertambah sukar untuk diperbaiki dan diperbetulkan. Oleh kerana itulah Dato' Yang di-Pertua, saya mengajak dan saya mencadangkan supaya kita sama-sama berusaha ke arah memberi keyakinan kepada masyarakat tentang keagungan Islam yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W. dan mudah-mudahan kita dapat melaksanakan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W. yang disebut oleh Sayyidatina Aishah Radiallahuanha - *لَهُ* *الْأَمَانَ*. Dan hindarkanlah alasan-alasan yang mahu menjauahkan diri dari ajaran Allah dan rasulNya S.A.W.. Oleh kerana memandangkan masa yang boleh jadi tidak banyak mana, maka saya dengan ini hendak beri peluang kepada sahabat saya daripada Jerteh untuk menyambung ucapan. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL LATIF BIN MOHAMAD (Wakil Jerteh): Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang dihormati Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Pegawai-pejawai Kerajaan dan para pemerhati sekalian. Syukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinNya kita diangkat berhimpun Perwakilan Rakyat Negeri Terengganu seluruhnya untuk memikir, mengkaji bagi menyusun program-program dan mengatur masyarakat dalam Negeri Terengganu ini. Dan saya juga ingin mengambil peluang dalam membahas Ucapan Titah Tuanku pada pagi kelmarin walau pun banyak di antara kalangan sahabat-sahabat saya telah menyentuh banyak perkara dalam soal ini dan saya juga banyak melihat dan perhatikan dalam beberapa perkara di antaranya dari segi pembangunan yang diusahakan oleh Kerajaan melalui

19 Disember 1994

penyusunan dan program yang diatur dan akan diatur Kerajaan. Sejak permulaan penggal yang lalu sampailah hari ini, setiap kali Dewan seluruh bagi pihak Barisan, Kerajaan melaungkan soal Pembangunan Negeri dengan mengeluarkan peruntukan yang besar. Tetapi dari sudut penglihatan dan raihan yang dirasakan oleh rakyat tidak sebagaimana yang diusahakan oleh Kerajaan melalui perancangan, barangkali hal ini berlaku di atas kita, hanya sekadar penulisan sahaja.

Sebagai contoh, Dato' Yang di-Pertua, saya menarik perhatian ini di Besut oleh kerana Besut ini satu daripada daerah yang berada dalam Negeri Terengganu, yang pada anggap saya adalah Besut di antara satu daerah yang termundur dalam negeri ini. Kerana Saudara Dato' Yang di-Pertua, setakat ini apa yang kita lihat pembangunan yang ada di Besut hanya sekadar pusat-pusat pelancongan seperti di Pulau Perhentian, seperti di Lata Tembakah yang pada tahun ini sahaja lebih daripada 14 orang pelajar telah korban melalui pusat pelancongan yang dianjurkan oleh Kerajaan. Kemudian yang kedua, yang kita rasa sedih Kerajaan bawa di Besut ialah di Hulu Besut, sepatutnya Yang Berhormat Hulu Besut menolak satu perancangan yang sia-sia iaitu padang golf. Pada tahun ini sahaja empat kali sudah tenggelam air, membazir peruntukan yang sebesar itu, seharusnya berilah suatu peruntukan yang membangun, yang boleh membantu ekonomi rakyat. Tetapi di sebalik itu Saudara Dato' Yang di-Pertua, tanah-tanah yang diusahakan oleh rakyat, tanaman yang diusahakan oleh rakyat dengan mengeluarkan peruntukan dan perbelanjaan yang besar ada di antaranya dibubuh dengan bull-dozer dan ini semua sepatutnya Kerajaan melalui suatu usaha yang lain untuk memberi kemudahan kepada rakyat, walau pun melalui pengisytiharan tanah haram. Di sebalik itu juga penekanan kepada rakyat sepatutnya pembangunan yang akan diberi dan beri kemudahan kepada rakyat di Daerah Besut juga ialah tanah-tanah haram yang diusahakan lebih daripada dua puluh tahun yang lalu, empat belas tahun, sepuluh tahun yang pernah dijanjikan oleh Kerajaan ialah tanah yang berumur sepuluh tahun yang diterokakan oleh rakyat negeri ini, Kerajaan akan memberi hakmilik. Tetapi sebaliknya itu diberi tawaran setiap satu lot, satu ekar hanya lebih daripada RM4,000 dan RM6,000. Ada di antara sahabat-sahabat kita di Besut sekarang ini tidak terdaya untuk membuat bayaran di atas tanah-tanah yang diteroka melalui masa yang begitu panjang dan diusaha dengan mengeluarkan peruntukan yang begitu besar sehingga Kerajaan pula membebangkan mereka sampai RM6,000 -

19 Disember 1994

satu ekar, sehingga lebih daripada RM48,000.00. Dan ini ialah suatu keadaan yang paling kecewa yang pernah diterima oleh rakyat dalam negeri dan khususnya di Daerah Besut. Seharusnya hal seperti ini Kerajaan perlu memikir bagaimana suatu keadaan yang mana Kerajaan berusaha untuk membangunkan rakyat dalam negeri ini. Inilah di antara perkara-perkara yang kita lihat.

Dan sebelum ini pernah kita lihat di Daerah Besut sahaja, Kerajaan pernah memberi kemudahan kepada orang-orang kampung di kampung-kampung, yang mana suatu pembaziran yang kita lihat iaitu pasar-pasar negeri di kampung-kampung telah dibangunkan begitu lama tetapi sejak daripada pasar itu dibangun sampai hari ini pun tidak digunakan oleh rakyat. Dan Kerajaan mengeluarkan peruntukan ratus-ratus ribu seperti di Beris Baru, seperti di Darau dan seperti di Alor Lintang dan beberapa kampung yang lain lagi. Dan ini seharusnya Wakil Rakyat atau Ahli EXCO daripada Besut memberikan perhatian bagaimana perlu kita atasi hal-hal seperti ini sehingga pembangunan yang boleh membawa kepada kerugian hanya rakyat melihat tetapi tidak dapat diguna, inilah saudara-saudara Yang Berhormat sekalian.

Dato' Yang di-Pertua, dalam buku ini disebut ialah berhubung dengan masyarakat yang bertaqwa dan saya juga ingin mengambil kesempatan sedikit dalam perkara ini. Yang mempunyai sifat taqwa jadi hal seperti ini walau pun pernah disebut dalam Dewan ini oleh saudara saya tadi, sebagaimana juga saya berpendapat selagi Kerajaan memberi kebebasan pusat-pusat maksiat yang ada dalam negeri ini memang tidak berjaya. Kerana Allah S.W.T. menegaskan, selagi manusia tidak boleh beriman kepada Allah dan Rasul, yakni kepada al-Quran dan Sunnah dan tidak mengambil al-Quran sebagai contoh dan asas hidup dalam dunia ini, maka manusia itu tidak akan berlaku sebagaimana dicadangkan dalam dunia ini. Kalau kita membaca al-Quran dalam surah yang pertama dalam al-Baqarah:-

١- الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰالَمِينَ

٢- ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا يَرَبِّبُ فِيهِ
هُدًى لِلّٰتِي نَنْهَا
٣- الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيَقِنُونَ
الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقَهُمْ يُنفِقُونَ

19 Disember 1994

Inilah satu penegasan yang dibuat oleh Allah S.W.T. yang mana sifat 'muttaqim' ditakrifkan oleh Allah tetapi sebagaimana di dalam buku ini ialah samar. Apakah erti 'muttaqim' ini ditakrif oleh Kerajaan? Atau pun 'muttaqim' itu ditakrifkan oleh Allah S.W.T. Kalaulah 'muttaqim' itu ditakrifkan oleh Allah sebagaimana yang dituntut oleh Allah S.W.T. yang pertama " لَرَبِّنَا فِي هُدَىٰ لِتَعْتَبِينَ " . " لَرَبِّنَا هُدَىٰ لِتَعْتَبِينَ " makna "La-syakka", " " di dalam al-Quran itu ialah 'penuh petunjukan bagi orang 'muttaqim'. Ertinya di sini kalaular seluruh kita menyakinkan kepada al-Quran dan assiyah yang diberi oleh Allah S.W.T. yang pernah dibawa oleh Rasulullah maka sudah tentu kepincangan tidak berlaku baik di dalam Dewan ini atau di luar Dewan ini. Sebab itu pada pagi tadi kita lihat satu percanggahan besar iaitu berhubung dengan Persidangan Peristikahan Hudud yang dibentangkan dan dilulus oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Begitu hebat di sebelah pagi tadi bukan sahaja hal ini berlaku di dalam Dewan dan juga di luar Dewan lebih-lebih lagi kami daripada Pas yang sungguh-sungguh berusaha melebihi daripada empat puluh tahun untuk membangunkan negeri ini berasaskan kepada al-Quran dan Sunnah tetapi yang menjadi penghalang utama dalam perkara ini adalah daripada Parti UMNO sendiri yang membuat helah dan berhujah untuk memboleh dan menolakkan hukum-hukum Allah S.W.T. baik di dalam Dewan ini atau di luar Dewan ini. Inilah satu peristiwa yang menyedih bagi umat Islam yang inginkan kepada kebenaran yang mahu kepada sifat ketaqwaan kepada Allah S.W.T. yang mana al-Quran menjadi asas dan contoh. Inilah Saudara-saudara Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang perlu kita ambil perhatian selama kita berada diamanahkan oleh rakyat Negeri Terengganu sebagai seorang Muslim yang mahu keimanan kepada Allah, yang mahu kepada sifat taqwa kepada Allah S.W.T. sebab walau bagaimana pun, Dato' Yang di-Pertua, di dalam Dewan sewaktu dahulu saya masih teringat yang mana Yang Berhormat Dato' Menteri Besar telah menyarankan kepada kita di dalam mukadimmah Buku Belanjawan tahun lalu:-

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
أَهْلَقَنَا

19 Disember 1994

Tapi Dato' tidak menyebut ' بالعقل ' memang kalau ini berlaku di dalam mengaturkan program dan ekonomi rakyat dalam negeri ini barangkali jarak yang begitu panjang yang diamanahkan oleh rakyat Negeri Terengganu kepada parti Umno yang mentadbir dan memerintah dalam negeri ini saya kira dengan jangka bilangan rakyat yang begitu kecil, dengan pertumbuhan ekonomi yang begitu baik maka tidak wujud lagi taraf kemiskinan yang berlaku di antara rakyat dalam negeri ini. Barangkali ini suatu penyelewengan yang berlaku dalam pentadbiran atau menghantui ekonomi negeri yang menyebabkan begitu lama peluang yang dipilih dan diberi dan diamanahkan oleh rakyat tapi tidak dilaksanakan dengan baik dan betul. Dan inilah sekali kami merasakan suatu kekecewaan kami bagi pihak rakyat dalam negeri ini. Tetapi Dato' Yang di-Pertua, sebagaimana yang berlaku di Daerah Besut beberapa kali dalam Dewan ini kita pernah menyebut dan mengemukakan pertanyaan berhubung dengan muara Sungai Kuala Besut dan ini suatu benda yang berlaku yang seharusnya perkara ini tidak wujud sebegitu lama kerana selalu disungut baik di dalam Dewan atau di luar Dewan, lebih-lebih lagi Ahli Yang Berhormat EXCO yang daripada Kuala Besut sendiri melihat peristiwa dan kesulitan bagi nelayan Kuala Besut yang terpaksa memindahkan penangkapannya kepada negeri lain, kadang-kadang dibawa ke Thailand, kadang-kadang berada di Negeri Kelantan. Inilah suatu keadaan yang berlaku di dalam negeri khususnya di Daerah Besut. Hal ini sepatutnya kalau Kerajaan memberi perhatian dalam usaha membentuk dan membaiki dan menambah pendapatan rakyat maka tidak seharusnya berlaku sebagaimana yang sedang berlaku sekarang ini. Kerana saya dapati Saudara Dato' Yang di-Pertua, iaitu pernah saya pergi ke Songkhla, kita lihat di sana bot-bot pukat dalam yang dimiliki oleh rakyat negeri ini melebihi daripada empat puluh buah bot yang mendarat di Thailand, saya kira Yang Berhormat boleh pergi ke sana bagaimana peristiwa ini boleh berlaku dan kadang-kadang bot itu membawa ikan ke sana dan ikan itu dibawa balik ikut Golok dan jual balik di Malaysia dan ini seharus Kerajaan memberi pertimbangan dan perhatian kenapa perkara ini boleh berlaku seperti ini. Inilah, sebab itu saya di dalam soalan yang saya kemukakan pada pagi tadi yang tidak berkesempatan untuk memberi jawapan berhubung dengan peristiwa nelayan di Kuala Besut yang sekarang ini makin hari makin teruk. Tetapi apabila kita tanya nelayan-nelayan di sekitar Kuala Besut adakah Kerajaan tidak datang ke Wakil-wakil Rakyat bagi pihak Kerajaan yang bertanggungjawab bertanya khabar dan sebagainya

19 Disember 1994

'Dia kata ada, tetapi dibawa mesin ke Terengganu' injin apa walahu-alam. Dia kata mesin itu bila ditanya mesin untuk korek sungai tetapi rupa-rupanya lori pergi angkat pasir - rupanya mesin sedut pasir. Ini Dato' Yang di-Pertua berlaku di sana. Dan kita harap bahawa pihak Kerajaan memberi perhatian yang bersungguh-sungguh, tolakkanlah perkara-perkara dan pembangunan yang membazir yang tidak dituntut oleh rakyat seperti padang golf di Padang Jajar itu tidak ada, orang Besut tidak main ini, tidak tahu apa padang golf, apa golf? Yang Berhormat Hulu Besut pun barangkali tidak menjadi ahli ini semua. Inilah suatu benda yang kita lihat yang tidak berguna dan tidak boleh diambil faedah oleh rakyat negeri ini. Orang Besut tujuh puluh tahun lagi barangkali baru tahu main pun. Sekarang tidak perlu bawa padang golf dekat sana tetapi seharusnya kita berilah peruntukan dan bangunkanlah negeri ini. Berilah kemudahan kepada rakyat yang boleh menambahkan ekonomi dan pendapatan yang mana boleh meredakan sedikit rakyat yang termiskin khususnya di hulu-hulu negeri ini.

Dato' Yang di-Pertua, tadi saya menyebut soal pelancongan di Pulau Perhentian. Sebelum ini barangkali di kalangan kita Ahli-ahli Dewan pernah pergi ke Pulau Perhentian sebelum daripada Kerajaan memajukan pusat pelancongan di sana. Amat jauh sekali perbezaannya kerana kita dapati sekarang anak-anak muda kita di Pulau Perhentian tidak terdaya lagi untuk mengisi masjid-masjid di sana sudah kering sekarang ini kerana mereka berada di seberang sana, Imam hanya tinggal Imam dan Bilal, masjidnya kosong tetapi penduduk di pulau itu sendiri berada di seberang sana bersama dengan pelacur-pelacur dan pelancong-pelancong di luar negeri yang tidak ada akhlak keislaman yang tidak ada sifat dan sebagaimana yang dikehendaki oleh Bangsa Melayu yang beragama Islam dalam negeri ini. Peristiwa ini berlaku sekarang ini, adakah Kerajaan hendak mengekalkan keadaan seperti ini di samping Kerajaan berusaha untuk melahirkan suatu rakyat yang bersifat taqwa, perkara ini amat mustahil wujud di antara dua perkara yang mesti diwujud dalam satu zaman dan dalam satu ketika sudah tentulah saudara-saudara apabila saya baca saya katakan di dalam al-Quran tadi :

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ

"Aliah Taala minta jaungan lagi ada perasaan ragu (terhadap yang ghaib, terhadap Allah dan Hari Qiamat)". Kalij inilah kita mengambil contoh Syirik Murtad dan kepada kita semua maka sudah tentulah tidak akan wujud perkara-perkara yang sedang berlaku sekarang ini. Inilah di antara perkara-perkara yang sedang berlaku sekarang ini. Inilah di antara perkara-perkara yang perlu saya ambil perhatian di dalam membahaskan ucapan Al-Sultan pada pagi kelmarin.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Masa dah cukup Yang Berhormat. Masa dah cukup untuk Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ZAHARI BIN MUHAMMAD (Wakil Jabi): Sekian, wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya, sila

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Bismillahir rahmanir rahim. Terima kasih. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan Ucapan Titah Di Raja Al-Sultan. Setelah kita mendengar titah ucapan semalam ada beberapa perkara yang menarik perhatian saya, pertama berhubung dengan soal prihatinnya Sultan tentang hidup masyarakat nelayan dan petani. Alhamdulillah, kita mempunyai seorang Sultan yang mengambil berat tentang masyarakat di desa dan juga di pantai-pantai yang belum lagi kita boleh anggap telah membangun. Pertama berhubung dengan nelayan. Sebenarnya Dewan Undangan ini Dewan Undangan Yang Kelapan. Ini bermaksud dah hampir-hampir empat puluh tahun rakyat memberi amanah kepada kita untuk menolong mereka hidup lebih selesa, bahagia di Negeri Terengganu. Jadi adakah kita telah membuat satu kajian selama empat puluh tahun mereka memberi amanah, amanah itu telah kita laksanakan atau tidak, kajiannya ialah merupakan satu ukuran. Adakah taraf hidup mereka telah meningkat sejak kita katakan awal tahun 60-an hingga kini tahun 90-an. Maka adakah taraf hidup itu meningkat atau keadaannya hampir sama sahaja, kalau kita bandingkan bahawa di zaman dahulu tidak ada motosikal, tidak ada kereta, tidak ada itu dan ini, itu bukanlah satu ukuran, kerana berapa ramai sangat orang yang memiliki kereta dan motosikal, berbanding dengan rakyat jelata di kampung-kampung, di desa-desa, jadi saya nampak tidak banyak perubahan daripada awal tahun 60-an hingga kini tahun

90-an tidak banyak berubah. Saya bagi satu contoh kalau pendapatan sebuah keluarga di zaman tahun 60-an dengan RM200.00 sebulan, berbanding dengan hari ini walau pun pendapatan keluarga tersebut RM1,000.00, maka dari segi kehidupan sebenarnya, kuasa membeli sebenarnya tidak jauh berbeza, maka di manakah kita katakan bahawa hidup rakyat jelata telah meningkat, inilah yang kita hendak Dewan pada hari ini memperjuangkan hak mereka, maka saya hendak cadanglah beberapa perkara. Pertama saya nampak kaum nelayan khususnya kaum Bumiputera, sebab saya sebut khususnya kaum Bumiputera, nelayan di Terengganu hari ini bukan kaum Bumiputera sahaja, kaum bukan Bumiputera pun ada di laut sana ramai jugak. Jadi saya tumpukan kepada kaum Bumiputera. Seseorang nelayan yang memiliki bot tidak dibenarkan membuat bot yang kedua, ini satu benda yang menghairankan saya. Mengapa tidak dibenarkan membuat bot yang kedua, bagaimanakah mereka hendak meningkat dari segi keperluan hidup, membesarкар perusahaan mereka jika mereka tidak dibenarkan membuat bot yang kedua kerana seseorang yang memiliki bot Kelas 'A' mesti bawa sendiri ke laut. Begitu juga dengan bot Kelas 'B' mesti bawa sendiri ke laut. Ini sesuatu yang menyekat perkembangan nelayan untuk maju ke depan berbanding dengan syarikat-syarikat besar yang mempunyai puluh-puluh buah bot, taukeh tersebut tidak perlu pergi ke laut, perlu berada di pejabat di dalam bilik air-condition sahaja. Maka di sinilah saya anggap bahawa peluang untuk nelayan Melayu Bumiputera hendak memperbesarkan usahawan/perusahaan mereka telah tersekat. Telah tersekat atau kita hendak katakan bahawa kita dah didik anak kita hendak suruh bawa bot jugak ya, kita berkerajaan ya! Pihak Kerajaan kita hari ini bercadang bahawa anak nelayan seharusnya ikut ayah dia jadi nelayan atau kita hendak mereka menjadi usahawan, korporat dan sebagainya, kita fikirkanlah sendiri. Jadi di sini apa yang saya nampak yang hendak saya cadangkan kalau pun tidak boleh buat bot baru maka seharusnya bot yang kecil itu kita perbesarkan. Kalau bot yang mereka miliki hanya sekadar RM50,000.00 sebuah kita jadikan bot mereka lebih besar berharga RM1/2 juta sebuah bagaimana untuk melaksanakannya Kerajaan Terengganu hari ini mempunyai wang yang banyak tetapi adakah ke arah memperbaiki golongan-golongan seperti ini? Maka saya cadangkan Kerajaan Terengganu menubuhkan satu tabung, Tabung Nelayan yang merupakan tabung untuk membuat bot yang lebih besar, yang bernilai RM1/2 juta sebuah dan sebagainya. Dan saya cadangkan sebagai satu benda yang praktikal iaitu care milikinya kita

19 Disember 1994

beri cara milik bersama, RM1/2 juta tidak mampu seorang nelayan hendak balik pinjaman, maka kita beri bot itu secara milik bersama seramai 5 orang. Sebuah bot tuan punya adalah 5 orang, bila 5 orang banyak masalah boleh diselesaikan. Pertama berhubung dengan awak-awak tidak susah cari 'awak' kerana 5 orang itu sudah boleh melaksanakan/menjalankan sebuah bot tersebut. Pertama tidak susah cari 'awak'. Kedua tanggungannya pun tidak besar, hanya RM100,000.00 sahaja maka ...

YANG BERHORMAT ENCIK ARMAND BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Adakah dengan 5 orang ini kohor molek, atau pun kohor balah, tenggelam dalam laut susah?

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih, adinda. Saya setujulah apa yang Saudara saya kata tadi, takut 'balah'. Inilah yang kita tidak hendak dalam masyarakat kita di peringkat kepimpinan, awal-awal kita takut 'balah', hak itulah kita 'takmboh' ya!. Sebab itulah saya kalau ceramah pun tidak rajin 'balah' dengan orang, sebab tidak berahi kata ke orang. Jadi dalam hal ini 'balah' itu kita ketepikan dahulu. Tetapi projek ini boleh dilaksanakan, kalau kita jujur, kita hendak suruh nelayan kita hidup lebih senang, lebih bahagia untuk anak cucu mereka yang akan datang. Boleh dibuat, boleh dilaksanakan kalau mereka 'balah' kita adalah penasihat. Yang Amat Berhormat kita boleh nasihatkan orang yang 'balah' itu, insya-Allah dapat diselesaikan. Tapi dari segi praktikal kita boleh buat, pertama 'awak' tidak payah dah cari kerana motorbot dia sendiri memang dia pergi ke laut. Kedua, kita boleh menyatukan masyarakat-masyarakat Melayu dalam kumpulan yang kecil dan kita boleh latih mereka bagaimana hendak jadi orang korporat. Kalau pendapatan mereka, tangkapan ikan mereka banyak, kita suruh dia usahakan eksport ikan ke seberang laut, jadikan orang korporat kalau dia sebagai nelayan tidak mampu oleh kerana tidak terlatih, mungkin anak dia mengelolakan syarikat-syarikat korporat yang berasaskan Pertanian. Maka itu yang saya nampak yang mampu dibuat oleh Kerajaan Negeri Terengganu RM1/2 juta apa sangat, cuba kita buat 5 buah dahulu baru RM2 1/2 juta. Saya rasa boleh dibuat. Dahulu pernah berlaku pernah LKIM cuba dulu sistem ini pernah pun dilaksanakan oleh LKIM tetapi gagal. Sebab gagalnya ialah pertama, nelayan itu yang menangkap ikan dan nelayan itu jugak

19 Disember 1994

disuruh memasarkan ikan. Sudah tentu mereka tidak mampu. Hari ini mereka pergi tangkap ikan saja, badan lain yang melaksanakan pemasaran, itu yang saya nampak. Kalau suruh dia tangkap ikan, suruh dia jual ikan, maka sudah tentu tidak dapat dilaksanakan dengan licin. Maka hari ini saya mencadangkan orang 5 orang ini pergi tangkap ikan saja. Badan lain yang memasarkan ikan dan adakan satu buku akaun yang khusus, yang kemas yang tidak boleh diselewengkan. Itulah harapan saya sebagai mewakili kaum nelayan seluruh Negeri Terengganu bukan Duyong sahaja.

Kedua, berhubung dengan Pertanian

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Bandi): Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Jadi untuk 5 orang sahajalah yang boleh senang hidup, hak lebih lagi 12,000 lagi nelayan kita, macam mana?

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Sekali-sekali hendak ketawa Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sekali-sekali hendak ketawa berhubung dengan telatah Ahli-ahli Yang Berhormat. Adakah saya suruh buat sebutir, saya suruh buat 20,000 butir, saya suruh buat 20,000 butir di Negeri Terengganu bukan sebutir Yang Berhormat, sebutir orang tidak main, itu kecil sangat. Allah, nya tanya 5 orang aje, berat 'nyakit' hari ini, berat sungguh kalau boleh biar 20,000.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Bandi): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, cakap senang Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua tapi kalau sebutir sudah berjuta-juta kalau 20,000 butir berapa ratus juta, hasil Negeri Terengganu ini berapa juta setahun Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Jadi kalau kita bercakap biarlah ideal itu sikit, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jawapan saya itu kerana soalannya terlalu kebudak-budakkan. Adakah 5 orang, saya hendak beri perhatian, pada anak-anak pinak saya sahaja 5 orang, jadi ...

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Bukit Bandi): Dato' Yang di-Pertua, soalan kebudak-budakkan kerana yang

19 Disember 1994

bercakap pun ideanya kebudak-budakkan. Jadi padan dengan soalan itu, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal):

Saya herdak tanya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Umno atau pegawai-pegawai yang ada di sini, pegawai-pegawai yang ada di sini, di sekeliling saya, adakah idea saya ini kebudak-budakkan seperti mana yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi?

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Teruskan dengan point Yang Berhormat, tidak usah ...

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Yang tunjuk ngata rawa guana hal, hendak tembak? Adap ke Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, jadi idea dia 5 orang tadi ya, hendak suruh 5 orang saja senang. Jadi memanglah tidak praktikal, saya kata 20,000 tadi oleh kerana hendak jawab soalan yang begitu leceh, yang begitu hambar. 5 orang saja saya hendak beri perhatian, saya hendak beri seluruh nelayan, nelayan Terengganu, berapa Yang Berhormat tahu, berapa orang nelayan seluruh Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Bandi): Saya memang tahu, 12,000 Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Ya, berapa belas ribu?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Bandi): Saya sudah jawab, tapi tidak dengar, ertiinya Yang Berhormat tidak tahu berapa jumlah nelayan berkenaan.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Dia cuba mlarikan diri Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya nelayan Terengganu yang berdaftar sahaja hampir-hampir 11,000, 10,000 lebih yang berdaftar.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah hampir habis, sila teruskan ucapan.

19 Disember 1994

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Bandi): Dato' Yang di-Pertua, betullah yang berdaftar 11,000 lebih, hak yang samping-sampingan itu, hak keluar sekolah pergi, jadi 12,000 pukul-ratanya.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Tak usah layanlah maknanya kawan kita itu, saya rasa sebab dia fikir tentang 5 orang saja, dia tidak fikir. Sikit lagi berhubung dengan pertanyaan.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Seminit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Saya rasa Saudara EXCO kita sana telahpun merancang sesuatu yang baik untuk petani. Tetapi saya nampak ianya tidak dilakukan/ dilaksanakan secara bersungguh-sungguh. Saya rasa untuk menyelesaikan masalah kemiskinan di kalangan petani mereka hendaklah dilibatkan di dalam domestik industri. Di dalam perusahaan kecil di peringkat kampung, katakanlah kita kumpul 50 orang petani, tanah mereka kita laksanakan secara operasi dan wujudkan industri kampung yang berdasarkan pertanian. Saya rasa dengan itu sahaja kita boleh meningkatkan ekonomi mereka, kalau kita biarkan mereka dengan sistem sara hidup sahaja, sistem pertanian sara hidup sahaja, saya rasa tidak akan, tidak akan meningkat taraf hidup mereka hingga ke akhir zaman sekali pun, hingga ...

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN ALI (Wakil Mercang): Yang Berhormat Yang di-Pertua, penjelasan - Saya rasa Yang Berhormat daripada Bukit Tunggal ini tidak berapa teliti ramoknya, banyak dah pertanian buat, tolong masuk kampung biar acap sikit, tanya petani.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Saya hendak tanya Saudara Yang Berhormat, berapa buah industri kampung, industri yang berdasarkan pertanian, yang berada di Terengganu?

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, sila teruskan, seminit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Jadi tidak payah layan deh, soalan-soalan begini, tidak payah layan deh Yang Berhormat Yang di-Pertua, tidak

19 Disember 1994

perlu dilayan. Sebenarnya belum ada secara komersil yang boleh meningkatkan ekonomi petani. Jadi saya haraplah Saudara EXCO kita merancangkan sesuatu secara yang lebih serius supaya petani-petani dapat kita tingkatkan taraf hidup mereka dengan melalui industri kampung, domestik industri berdasarkan pertanian itu sahaja. Kalau kita tengok di Johor, Johor pernah pun merancangkan cara sistem cara ini. Untuk nelayan-nelayan sebenarnya mereka beri satu kawasan katakanlah 50 hektar, dimiliki oleh 10 keluarga nelayan, maka hasil dari tanah tersebut diberi kepada nelayan, nelayan tidak perlu usahakan tanah tersebut, badan lain yang usahakan. Nelayan tetap pergi ke laut tetapi ini merupakan satu sumber sampingan kepada nelayan, saya rasa di Terengganu pun kita boleh laksanakan perkara yang sama. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya menjemput pihak Kerajaan membuat jawapan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir rahmanir rahim. Alhamdulillahhirabil alamin wabihinastain. Dato' Yang di-Pertua, dan seterusnya Ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekalian. Alhamdulillah saya bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana berkesempatan untuk memberi jawapan kepada Ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekalian. Alhamdulillah saya bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana berkesempatan untuk memberi jawapan kepada Ahli-ahli Dewan dalam masa membahaskan Usul Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sekejap tadi dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk memberi penjelasan di atas beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan sekejap tadi. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ingin memberi penjelasan apa yang ditimbulkan oleh Wakil daripada Jerteh. Yang pertamanya, yang membangkitkan berkait dengan kemudahan yang dilaksanakan oleh Kerajaan tidak digunakan sepenuhnya sama ada oleh rakyat atau oleh kerajaan seperti bangunan-bangunan dan sebagainya seperti bangunan pasar dan lain-lain. Untuk memberi penjelasan kepada apa yang disebutkan tadi iaitu memang benar pada beberapa tahun yang lalu ber puluh tahun yang lalu beberapa kemudahan telah diberi kepada masyarakat di kampung yang berkenaan tetapi di Alor Lintang umpamanya pihak Kerajaan telah memikirkan apakah alternatifnya supaya bangunan yang berkenaan dapat dipakai dan

19 Disember 1994

digunakan dengan sebaik-baiknya. Alhamdulillah dengan perancangan yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan maka bangunan pasar yang tidak digunakan telah dapat digunakan untuk kita membina suatu pusat yang kita namakan pusat pulih untuk melatih anak-anak daripada keluarga yang susah, yang miskin khususnya daripada mereka yang menerima Bantuan Am supaya mendapat latihan kemahiran yang mana sudah beberapa ramai anak-anak daripada mereka yang menerima Bantuan Am ini telah pun dilatih di situ dan telah memperolehi pekerjaan dan boleh berdikari dan telah boleh membantu keluarga mereka masing-masing. Saya rasa Yang Berhormat daripada Jerteh tidak tahu berkait dengan perkara yang berkenaan dan kemungkinan tidak pernah pergi pun di situ, yang mana bangunan berkenaan telah dipakai sejak beberapa tahun yang lalu lagi.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL LATIF BIN MOHAMAD (Wakil Jerteh): Penjelasan Dato' Yang di-Pertua - Apa yang saya sebut tadi ialah berhubung dengan pembangunan, peruntukan yang dibuat oleh Kerajaan. Adakah yang dilakukan oleh pihak Kerajaan sekarang ini digunakan bangunan asal itu atau pun buat hak lain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Kita guna bangunan yang berkenaan sebagai bengkel memulihkan mereka, pergi sekali. Kalau tidak tahu tempatnya, pergi dengan saya.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL LATIF BIN MOHAMAD (Wakil Jerteh): Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Sebenarnya barangkali banyak saya dengan Dato' kalau jalan itu. Memang saya dua hari sekali, dua hari sekali dekat Dato' cerita itu, saya tidak payah pergi sama, kita tengok bangunan itu. Sebenarnya bangunan itu bukanlah bangunan asal tetapi dibangunkan yang baru dengan peruntukan yang baru, itu yang saya tahu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Dato' Yang di-Pertua, kita pakai bangunan itu dan kita tambahkan beberapa buah bangunan yang lain, kita buat asrama supaya pelatih-pelatih dapat tinggal di situ, di situ kita buat bengkel, jadi lalu saja, tengok. Jadi itu yang tidak tahu itu. Kemudian begitulah juga umpamanya macam di Darau, kita jadikan tempat itu sebagai bangunan untuk Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung oleh kerana dia dibina berhampiran dengan sungai, Sungai Darau itu maka ianya

19 Disember 1994

tidak sesuai untuk dijadikan pasar maka kita gunakan untuk jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan Kampung Baru juga untuk dijadikan bengkel, Bengkel Keraf. Di situ dari setiap dua kali sebulan pelatih-pelatih Keraf untuk menjahit bahan-bahan daripada mengkuang digunakan bangunan yang berkenaan.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL LATIF BIN MOHAMAD (Wakil Jerteh): Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Yang di Darau itu sudah buat ke sekarang, ke belum lagi?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Sudah buat beberapa tahun yang lalu lagi dah. Itu juga lalu saja, tidak tengok.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL LATIF BIN MOHAMAD (Wakil Jerteh): Dato' Yang di-Pertua, penejasan - Sebab baru saja saya lalu ikut situ orang duduk jemur kain dalam pasar, jemur kain orang beranak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Memang bangunan itu kita buat Dewan, berbentuk Dewan, pasal kita buat bilik-bilik, hak yang berbentuk Dewan itulah barangkalinya digunakan semasa hujan ini. Yang Berhormat Jerteh lalu ikut situ hujan, adalah orang jemur kainnya.

YANG BERHORMAT HAJI ZAHARI BIN MOHAMAD (Wakil Jabi): Penjelasan Dato' Yang di-Pertua - Kesimpulannya buat bangunan itu ikut berasa hendak buatlah, tidak ikut perancangan, tak dok perancangan Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Kita sudah rancang, tetapi oleh kerana yang dirancang pada waktu itu pada tahun 1970-an dahulu. Bangunan itu buat tahun 70-an difikirkan sesuai pada masa itu tetapi apabila kita gunakan sekejap maka difikirkan agak tidak sesuai maka itulah jadi keadaannya tetapi penggunaannya dari segi alternatifnya dibuat atau pun diambil tindakan oleh pihak Pejabat Daerah.

Dato' Yang di-Pertua, berhubung dengan muka Kuala Besut sepatutnya saya menjelas pada pagi tadi dalam Soalan Lisan tetapi oleh kerana perbahasan panjang maka Soalan Lisan

19 Disember 1994

daripada Yang Berhormat Jerteh tidak dapat dijelaskan. Sukacita saya maklumkan kepada Yang Berhormat Jerteh, Kerajaan telah menggali muara Sungai Kuala Besut sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1992 dan pada tahun ini. Kerja-kerja penggalian ini adalah penyelesaian secara sementara. Oleh kerana muka sungai ataupun muara Sungai Kuala Besut ini sentiasa mendapat pemendapan pasir maka ianya menyulitkan/menyusahkan nelayan-nelayan untuk masuk maka pihak Kerajaan terpaksa mengambil tindakan segera walaupun kita tahu tindakan itu ialah penyelesaiannya secara sementara. Bagi membolehkan bot-bot nelayan mendaratkan ikan di kawasan jeti di LKIM (Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia). Walau bagaimana pun penyelesaian yang lebih kekal akan dilaksanakan di bawah projek Pembangunan Pertanian Terengganu Utara iaitu KETARA yang akan bermula pada tahun 1995 yang mana pada masa ini di bawah 'consultant' dan dijangka siap pada tahun 1997.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL LATIF BIN MOHAMAD (Wakil Jerteh): Penjelasan Dato' Yang di-Pertua - Macam ini sebab saya orang Besut juga, di Kuala Besut itu tiap-tiap minggu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Saya pun orang Besut juga, Dato'.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL LATIF BIN MOHAMAD (Wakil Jerteh): Tidak apalah orang Besut. Saya hendak penjelasan macam ini Dato' Yang di-Pertua - Ada dua golongan yang berpendapat di Kuala Besut sendiri. Apabila kita pergi tanya masalah Sungai Muara Kuala Besut sendiri. Apabila kita pergi tanya masalah Sungai Muara Kuala Besut tidak boleh dimasukkan bot-bot nelayan, kita tanya adakah usaha Kerajaan untuk menggali, dia kata sudah ada. Ada setengah mengatakan gali muara Sungai Kuala Besut dengan pengorek dia itu dengan pam dia itu dan satu golongan lagi berpendapat pengorek itu bukan untuk gali muara sungai tetapi pengorek itu untuk jual pasir, mana satu yang betul dua ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Yang sebenarnya ialah untuk mendalamkan muka kuala sungai dan apabila menimbunkan pasir itu di muara yang berkenaan maka ada setengah pihak terutama sekali pihak kontraktor yang berkenaan mengambil kesempatan menjual pasir tetapi apabila diketahui oleh pihak JPS maka keadaan yang berkenaan diberhentikan dan tidak lagi. Dan itu telah menjadi

19 Disember 1994

isu pada peringkat permulaannya, yang sebenarnya tidak berlaku dah perkara yang seumpama itu. Jadi Yang Berhormat Jerteh dok dengar hak orang jual pasir itulah, pasal orang Ustaz yang dok beli pasir tu, itulah yang keadaan sebenarnya.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL LATIF BIN MOHAMAD (Wakil Jerteh): Dato', Dato' (ketawa) begitu saya dengar, dua-dua saya dengar, yang saya dengar ini bukan orang, Ustaz. Bukan orang Dato' Wan Zakaria, tetapi nelayan Kuala Besut yang mustahak muara sungai itu digali dengan baik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARTA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Itulah yang telah dibuat Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, yang sedang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dan penyelesaian secara kekal, berkekalan ialah yang akan dilaksanakan di bawah KETARA ini yang akan menelan belanja lebih kurang RM22 juta dan projek ini terdiri daripada pembinaan dua buah pemecah ombak dan penggalian muara sungai itu sendiri. Jadi apabila dah buat pemecah ombak itu maka pemendap pasir akan berkurangan walau pun masih ada kita tidak boleh hendak lawanlah dari segi kuasa alam itu.

Dato' Yang di-Pertua, perkara yang seterusnya dibangkitkan oleh Wakil Jerteh ialah berkait dengan padang golf di Ampangan Jajar. Tujuh puluh tahun lagi orang Besut main golf, buat 'keman' orang Besut saja. Inillah satu pandangan yang saya rasa kebelakang sangatlah sebab itulah saya rasa Kawasan Jerteh yang dijaga oleh Yang Berhormat tidak begitu maju, keadaan sekarang ini tidak ada pun yang dibuat, kalau orang pergi minta apa benda pun semua tak dok kuasa belaka, itu, kadang-kadang tidak betul tu. Budak hendak pergi sain perakuan biasiswa pun tak dok kuasa, jadi sain sajalah.

Jadi sekarang ini pihak Kerajaan memikirkan kawasan limpahan air di Ampangan Jajar itu terutama sekali pada musim banjir iaitu kesong seluas lebih kurang 40 ekar dan pada waktu bukan musim banjir maka kawasan yang berkenaan digunakan oleh penternak atau pun pemelihara lembu, pemelihara kambing pergi duduk lepas lembu, lepas kambing di situ. Jadi ramai kambing-kambing duduk di situ saya tidak tahukah kambing siapa? ... (KETAWA).... Jadi kita tak naklah, biarlah kawasan itu dijaga dengan betul sebab itu kawasan limpahan, maka itu difikirkan oleh pihak Pentadbir Tanah supaya kita menggunakan dengan sebaiknya dan kita melalui peruntukan jabatan iaitu

peruntukan KETARA, dan sedikit sebanyak peruntukan Pejabat Daerah kita buatlah padang golf, padang golf rakyat yang menggunakan belanja yang sedikit.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Penjelasan ...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Saya belum habis lagi, duduk dulu. Nanti dulu saya royat, tak habis lagi. Saya jelas tak habis lagi, lepas pada itu bolehlah... (Ketawa) ... Jadi apabila kita melaksanakan melalui peruntukan-peruntukan jabatan ini maka nampaklah kawasan yang berkenaan terjaga, pagar pun telah dibuat dan ternakan-ternakan yang boleh merosakkan pembinaan pembangunan kawasan yang berkenaan telah pun terkawal. Maka saya rasa saya tidak nampaklah padang golf yang berkenaan boleh menjelaskan, boleh menjelaskan orang ramai di situ dan saya nampak tidak ada protest daripada penduduk-penduduk kampung yang berkenaan dan sehingga kini saya rasa sudah walau pun padang berkenaan belum siap sepenuhnya dan tidak dapat digunakan dengan sepenuhnya terutama sekali selepas pada musim banjir ini tetapi sudah ada peminat-peminat golf di Besut. Dulu tidak ada seorang pun tetapi sekarang ini sudah ada dua-tiga puluh orang, sudah mula berminat untuk 'katok' bola sahaja, bukan pandai main golf lagi, 'katok' bola sahaja, 'katok' bola golf, jadi itu sahaja. Boleh terus.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Saya hendak tanyanya yalah bukan hendak ganggu, 'consultant' mana yang membuat perakuan bahawa tanah tadahan itu layak untuk padang golf? Tidakkah kita tahu bahawa 'maintenance' atau pun menjaga padang golf ini terlalu mahal?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Yang Berhormat Batu Buruk. Kita tidak pakai 'consultant', kalau guna 'consultant' dia mahal, maka kita tambun hanya tempat yang 'green', jadi kalau saya sebut 'green' Wakil Jerteh tidak tahu, tidak faham, pasal dia tidak pandai main golf. Jadi kita tambun tinggi saja dan 'green' ini dan apabila musim banjir dia tidak tenggelam dan dia tidak akan rosakkan 'green' ini. Jadi 'fairway' dia itu kita pakai 'slipway' tulah ...(KETAWA)...

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Penjelasan Dato' Yang di-Pertua - Saya baru tahu konsep golf baru ini, jadi saya rasa kita boleh kemukakan untuk swastakan konsep Yang Berhormat Kuala Besut ini untuk kita pasarkan, jadi padang ragut ini boleh jadi padang golf.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Padang ragut ini kawasan tadahan air. Air lalu semasa 'spilway' dengan izin Dato' Yang di-Pertua ...(KETAWA)...

Jadi saya harap Yang Berhormat Jerteh pun pergi jenguk-jenguk beli kayu atau pun buat kayu golf sendiri boleh pukul di situ, boleh buang kupiah, serban itu sikit.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL LATIF BIN MOHAMAD (Wakil Jerteh): Dato' Yang di-Pertua, apa yang saya suarakan di sini, ini bukanlah hak saya tetapi hasrat orang tempatan itu sendiri iaitu dianggarkan Kerajaan tidak cerdik, bukan bodoh tetapi tidak cerdik buat padang golf begitu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Hak cerdiklah tu, kalau buat padang golf, hak itu mahal, berjuta satu lubang, ini RM200,000 9 lubang. Jadi saya tidak tahulah saya rasa itu lebih ekonomikal. Kita fikir dari segi ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, berkait dengan pelancongan di Pulau Perhentian disebutkan oleh Wakil Jerteh, kosong masjid, tidak ada jemaah. Saya hendak tanya Yang Berhormat Kawasan Jerteh berapa kali pergi ke Pulau Perhentian dalam masa setahun?

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL LATIF BIN MOHAMAD (Wakil Jerteh): Yang Berhormat Kuala Besut tidak payah pergi banyak kali, sekali setahun sudah cukup. Kalau tahun 1994 ini kita dah faham bukan saya kata kosong saya kata ada Bilal dan Imam, satu makmum. Tok Imam, Tok Bilal jadi jemaah saja. Itulah yang saya tahu di waktu saya hadir, waktu Dato' hadir saya tidak tahulah ramai mana, penuh barangkali.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Saya hendak tanya waktu mana? Waktu Maghrib,

waktu Isyak, waktu Zohor, waktu asar atau pun waktu Subuh? Sebut.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL LATIF BIN MOHAMAD (Wakil Jerteh): Saya ini bukan duduk di pulau Dato'.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Saya rasa Yang Berhormat sebut begitu, Yang Berhormat tidak betul, masjid pun tidak pergi. Yang Berhormat pergi masjid lain, di kelab-kelab lain pergi sembahyang, lepas itu buat tuduhan yang seumpama itu. Ini yang tidak betul ini. Sepatutnya Yang Berhormat pergi sembahyang masjid itu. Tidak pernah bersembahyang Jumaat pun di masjid itu, bercakap saja, bila dengar orang bercakap. Inilah kalau dengar orang bercakap jadilah macam ini, sebutlah berbagai-bagai perkara yang tidak betul. Itu saja, kalau pergi di masjid, saya rasa Yang Berhormat tahu keadaan yang sebenarnya.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL LATIF BIN MOHAMAD (Wakil Jerteh): Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua, tambahan - 'Bekeng' sikit Wakil Kuala Besut ini Dato', dia orang emosi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Saya 'bekeng' Yang Berhormat sebab bercakap tidak betul. Dalam Dewan bercakap biar betul, guna kenyataan yang benar. Saya pergi ke Pulau Perhentian kalau tidak sebulan sekali, dua minggu sekali atau pun dua bulan sekali. Jadi saya tahu keadaan yang sebenarnya dari Yang Berhormat Jerteh.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL LATIF BIN MOHAMAD (Wakil Jerteh): Dato' Yang di-Pertua, waktu Dato' Zakaria pergi itu, barangkali ramai sikit maknum tapi waktu saya pergi itu memang tidak ada, itu yang waktu Dato' maklum.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Tak dok, Yang Berhormat, kerana Yang Berhormat tidak pergi ke masjid, kalau masjid itu dah dianggap masjid Kerajaan. Tidak pergilah, itu yang jadi susahnya. Dato' Yang di-Pertua ...

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL LATIF BIN MOHAMAD (Wakil Jerteh): Untuk penjelasan Dato' - Hanya masjid di pulau itu satu saja, bukan banyak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Hak satu itu pun tidak pergi. Jadi dakwaan yang dibuat itu saya rasa itu merupakan satu dakwaan yang tidak betul, tidak berasas dan ini merupakan tujuan politik semata-mata. Jadi yang sebenarnya keadaan di Pulau Perhentian selepas pelancongan merupakan salah satu daripada mata pencarian penduduk di situ. Kita dapat keadaan penduduk-penduduk di situ dari segi ekonominya, dari segi pendapatannya bertambah. Ini jelas yang mana memang saya akui kata Yang Berhormat Jerteh tadi ada anak-anak muda yang berada di Pulau Perhentian Besar, sebuah lagi Pulau Perhentian tapi mereka berada di sana bukan bersiar-siar dengan pelancong tetapi mereka bekerja, mereka bekerja dengan perusahaan pelancongan di situ dengan chalet-chalet dan saya rasa mereka tidak bersama-sama dengan pelancong. Mereka bekerja dan mereka mendapat pendapatan daripada pekerjaan mereka dan pada masa kini keadaan pendapatan mereka ini bertambah dan saya tidak nampak dengan adanya perusahaan pelancongan di Pulau Perhentian ini boleh merosakkan akhlak mereka.

Walau pun saya rasa kemungkinan adalah satu, dua orang tetapi ini yang mana melalui Jabatan Agama kita telah memperbanyakkan dakwah, syarahan agama. Kadang-kadang setiap minggu kita adakan di sebelah Pulau Perhentian sana untuk memberi tahaman agama yang lebih mendalam agar anak-anak muda kita ini tidak terjebak dan terlibat dengan masalah-masalah seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi. Jadi saya yakin dan percaya keadaan yang dibuat ini akan lebih menguntungkan penduduk-penduduk di Pulau Perhentian daripada merosakkan akidah mereka.

Dato' Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja yang hendak saya sebut, yang hendak saya jawab. Cuma satu lagi yang buat akhirnya berhubung dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Jebi iaitu mengenai dengan kemudahan asas yang disediakan oleh pihak Kerajaan belum lagi menyeluruh. Kita akui bahwasanya memang sejak kita mencapai kemerdekaan sehingga pada hari ini dari segi pembangunan dan kemudahan asas ini tidak dapat disediakan oleh pihak Kerajaan dengan sepenuhnya untuk memberi kepuasan, kesenangan, kemudahan kepada penduduk-penduduk terutama sekali di kawasan luar bandar. Pembangunan, kalau kita sebut istilah pembangunan iaitu merupakan suatu proses yang berterusan bukan sekali ini sahaja, atau bukan tahun ini sahaja, atau bukan untuk

Rancangan Malaysia Kelima sahaja, Malaysia Keenam sahaja tetapi seterusnya akan kita bangunkan. Dan bagi Kawasan Jabi pihak Kerajaan akan terus menerus melaksanakan program-program pembangunan terutama sekali kemudahan asas, jalan-jalan sepetimana yang telah pun dilakukan. Yang Berhormat Jabi sebut tadi bahwasanya Kawasan Jabi ini kerana beliau mewakili daripada parti Pembangkang, mewakili kawasan berkenaan didiskriminasikan oleh Kerajaan. Saya rasa tidak timbul perkara sebegitu walau pun Yang Berhormat Wakil Jabi, mewakili kawasan daripada Pembangkang tetapi Ahli Parlimennya daripada Barisan Nasional. Maka dari segi pembangunan tidak didiskriminasikan, dilaksanakan. Dan hari ini pun kita tengok di Kawasan Jabi telah banyak jalan-jalan yang sedang dilaksanakan sama ada di bawah Kerajaan Negeri atau pun di bawah Kerajaan Persekutuan. Jadi itulah sahaja Dato' Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih, saya pohon maaf. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DR. ABDUL WAHAB BIN NGAH (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit penjelasan tentang beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal dan Yang Berhormat Jerteh, berhubung dengan nelayan. Untuk makluman Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya kehairanan dengan Yang Berhormat Jerteh yang mengaku mengetahui banyak bot yang singgah di Siam untuk menjualkan ikan. Saya tidak percaya Yang Berhormat Jerteh telah duduk di Ta'ba atau pun di Songkla melihat bot-bot daripada Besut masuk ke pelabuhan-pelabuhan di sana. Sebenarnya Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua tidak sampai pun 10 buah bot dari masa ke semasa kadangkala ada lebih sikit-sikit yang memasukkan ikan daripada Terengganu ini ke Siam, itu pun bukanlah ikan yang boleh dimakan segar oleh kita orang Terengganu ini. Sebenarnya ikan-ikan itu adalah ikan-ikan yang diproses untuk baja dan juga ikan-ikan yang tidak boleh dijual secara segar sama ada ianya untuk dijadikan bahan untuk makanan haiwan atau pun untuk dijadikan produk-produk perikanan yang lain. Jadi kalaularah mereka ini menjual ikan daripada Besut membawa ikan ke Siam, ke Thailand adakah ini dilarang oleh Yang Berhormat daripada Jerteh? Tidak mahu melihat mereka mendapat pendapatan yang berlebihan daripada hasil-hasil ikan yang tak dapat dijual dengan secara segar di dalam Negeri Terengganu. Kalaularah begitu saya lihat malang sekalilah Yang Berhormat Jerteh tidak mahu nelayan kita mendapat pendapatan yang berlebihan daripada usaha-usaha

mereka sendiri untuk menjualkan ikan-ikan yang seperti ini supaya mereka mendapat basih tambahan. Dan saya perhatikan Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Tunggal begitu prihatin tentang nasib nelayan. Barangkali Yang Berhormat Bukit Tunggal sudah lupa bahawa selama ini Kerajaan telah banyak menjalankan program-program pembangunan nelayan. Ramai yang telah pun mengalihkan nasib mereka menjadi peneroka FELDA. Ramai juga di antara mereka yang telah pun mengalihkan nasib menjadi penanam-penanam tembakau. Contohnya di Alor Ketitir begitu ramai sekali nelayan yang sudah tidak menjadi nelayan bahkan mereka menjadi petani tembakau. Bahkan kalau melihat tempat tinggal mereka sekarang ini begitu baik sekali dan beza sekali rumah mereka. Apakah ini bukan sumbangan Kerajaan terhadap nasib nelayan? Jadi saya hairan Yang Berhormat Bukit Tunggal tidak begitu prihatin walau pun katanya prihatin dan saya percaya banyak lagi lah maklumat-maklumat yang ketinggalan.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Bila saya membicarakan tentang nelayan, saya tidak membicarakan nelayan yang telah jadi petani seperti yang disebut di Alor Ketitir dan sebagainya. Saya maksudkan nelayan yang masih lagi nelayan, terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. ABDUL WAHAB BIN NGAH (Wakil Batu Rakit): Kalau tidak silap pendengaran saya Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Tunggal membangkitkan selepas 30 tahun, 40 tahun Kerajaan ini tidak begitu prihatin terhadap nasib nelayan. Inilah yang saya bangkitkan, kalau sekiranya mereka tidak diubahkan nasib oleh Kerajaan saya percaya angka nelayan tidaklah menjadi semakin menjadi rendah hari ini. Boleh kita katakan hanya tinggal 10,000 orang sahaja nelayan yang ada di Terengganu pada hari ini. Jadi inilah membuktikan bahawa Kerajaan kita telahpun banyak mengambil langkah-langkah untuk membantukan nelayan-nelayan ini supaya tidaklah susah seperti dulu lagi bahkan pada hari ini kita telah melihat berbagai-bagai program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menambahkan pendapatan mereka. Kita dengar pelancongan, nelayan, kita dengar tanaman 'roselle', kita dengar usaha-usaha yang berasaskan pertanian, industri keropok dan berbagai-bagai lagi industri sokongan yang sedang diaturkan oleh Kerajaan untuk membantukan nasib nelayan. Jadi saya yakinlah kalau Yang Berhormat Bukit

Tunggal betul-betul prihatin terhadap nelayan saya tidak percaya apa yang dinyatakan tadi adalah benar dan saya yakinlah bahawa banyak usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membantu nelayan-nelayan kita bagi mengatasi masalah hidup mereka. Sekian, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, turut sama di dalam Perbahasan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Sukalah saya bagi pihak Kerajaan mengambil peluang untuk menerangkan dua-tiga perkara yang telah ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli Dewan Undangan Negeri yang bercakap pada pagi ini. Yang pertama, Dato' Yang di-Pertua, ADUN Rhu Rendang menyebut dalam syarahannya pada pagi tadi istilah realiti dan ideal. Memang ada perbezaan yang sangat jauh antara suatu yang ideal dan realiti. Saya tidak bercadang hendak menyebut panjang hal ini Dato' Yang di-Pertua kerana kebetulan Wakil Rhu Rendang tidak ada bersama-sama kita pada petang ini. Cukuplah sekadar menyatakan bahawa saya yakin Dato' Yang di-Pertua.

Apa yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menolak Hudud Pas adalah diasaskan kepada realiti-realiti yang ada dalam masyarakat negara kita, Dato' Yang di-Pertua. Malangnya hal realiti ini juga Wakil Bukit Tunggal tidak faham. Sukalah saya mengingatkan sabahat saya Wakil Bukit Tunggal, pendapat atau kenyataan Mohd Nasir seorang pemimpin Indonesia yang pernah menjadi Perdana Menteri. Indonesia satu waktu dulu, katanya semakin dekat kita kepada realiti maka semakin kuranglah kita redikal dan semakin kuranglah taksudnya kita dan semakin kuranglah berkhayalnya kita. Jadi apa yang dicadangkan 5 orang sebuah bot, harga RM1 juta, jadi kalau ada 10,000 nelayan, bayangkanlah saya tidak tahu, realistik ke tidak atau pun ini merupakan sesuatu yang ideal Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang di-Pertua, saya hendak tahu daripada Saudara EXCO yang dari Seberang Takir, apakah yang tidak praktikalnya berhubung dengan saya cadangkan, kita wujudkan sebuah bot milik bersama seramai 5 orang dan harga bot itu saya kiralah setengah juta ke ataslah, apa yang tidak praktikalnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya minta maaf kepada sahabat saya. Saya kata tidak praktikal tapi saya tidak mempunyai masa untuk menerangkannya, saya ada perkara lain yang lebih penting untuk saya menyebut di sini sekarang. Kalau dia memerlukan penerangan insya-Allah di luar Dewan sambil-sambil minum, bolehlah saya terangkan kepada dia.

Dato' Yang di-Pertua, Wakil Wakaf Mempelam menyebut hal-hal yang ada hubungannya dengan pendidikan. Memang betul kita mengakui ada terdapat hal-hal yang agak buruk, yang tidak baik berlaku di kalangan pelajar-pelajar kita seperti yang dilaperken akhir-akhir ini, tapi ini sebenarnya bukan sekarang sahaja berlaku, dulu pun berlaku. Tapi dulu tidak banyak surat khabar, saya mengharapkan sangat orang-orang seperti Wakil Wakaf Mempelam bertanya atau pun sekali-sekali mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada warga pendidikan Negeri Terengganu, setidak-tidaknya kerana pencapaian-pencapaian yang telah diperolehi oleh anak-anak muda kita. Selain daripada menyebut perkara-perkara yang tidak baik, tapi tidak, tidak pernah selama ini, saya yakin bahawa Wakil yang berkenaan tidak begitu suka, bila bercakap berhubung dengan kejayaan orang lain. Dia lebih suka bercakap tentang kegagalan orang lain, Dato' Yang di-Pertua.

Dato' Yang di-Pertua, berhubung dengan penswastaan-penswastaan KSB. Saya rasa Wakil Wakaf Mempelam keliru. Dato' Yang di-Pertua antara pelabuhan dengan syarikat anak SEDC/PMINT/KSB di sini, kita tidak pernah SEDC tidak pernah menyerahkan KSB kepada Pelabuhan Kuantan, yang pernah diserahkan ialah Pelabuhan Kemaman, satu masa dulu dan sekarang Pelabuhan Kemaman mempunyai 'Port Authority'nya sendiri, Dato' Yang di-Pertua.

Kemudian Yang Berhormat yang berkenaan juga tidak faham apa yang disebut penswastaan di sini. Tentulah yang untung yang hendak penswastaan di sini. Tentulah yang untung yang hendak diswastakan, yang rugi siapa yang hendak ambil swasta Dato' Yang di-Pertua, kalau dia hendak ampil pun dengan harga yang murah. Kerajaan memang menggalakkan penswastaan, syarikat-syarikat Kerajaan yang untung, bukan yang rugi, dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak begitu mudah kalau hendak dituduh dia membuat keputusan seorang, kita jangan lupa bahawa KSB inilah anak syarikat PMINT, PMINT mestilah

meluluskan dalam Lembaga yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sebelum 'sikuliti komisin' memberi kelulusan, perkara yang seumpama ini mestilah melalui kelulusan EPU, ICU Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan dan ini bukan jalan yang mudah-mudah tapi untuk makluman Yang Berhormat Wakaf Mempelam, bahawa perkara ini telah dibincangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dibincangkan bersama-sama dengan EXCO, Dato' Yang di-Pertua. Saya bimbang, saya bimbang dan sayang kepada Wakil Wakaf Mempelam, orang muda, saya takut dia keliru, dia menjadi jurucakap kepada seorang yang pernah pada suatu masa dulu duduk di dalam Dewan ini, itu yang saya bimbang. Jadi kalau dia tidak buat begitu, alhamdulillah. Jadi kalau dia buat begitu dia akan serupa dengan orang yang pernah ada dalam Dewan ini, satu perkara yang personel bila berhadapan dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ketua Kerajaan Negeri. Biar saya ambil kesempatan sedikit lagi Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, menyatakan bahawa dalam penswastaan ini, PMINT memegang sebanyak 52%, ertiinya kita adalah memegang saham terbesar dalam Syarikat CCP, daripada exercise ini PMINT memperolehi saham sebanyak RM42.658 juta yang bernilai RM178.6 juta dan wang tunai sebanyak RM47.6 juta dan dari sini kita dapat menyelesaikan pinjaman pembinaan KSB itu. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, jadi saya berharap Yang Berhormat Wakaf Mempelam bila hendak bercakap hal-hal yang seumpama ini tolong teliti fakta-faktanya. Dan tentulah tidak adil untuk menuduh setengah-setengah Pegawai Kerajaan, Pegawai Tinggi Kerajaan Negeri Terengganu termasuklah Setiausaha Kerajaan atau Pengarah UPEN atau sesiapa sahaja yang terpaksa membuat kerja-kerja yang seumpama ini, seolah-olah mereka juga tunduk kepada arahan Menteri Besar dan sebagainya. Saya tidak fikir ada di antara Ahli-ahli pihak Pembangkang yang suka melihat satu keretakan atau pun hubungan yang tidak baik antara pimpinan Kerajaan Negeri dengan Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan. Seperti yang pernah diharapkan oleh setengah-setengah Wakil Pembangkang Dato' Yang di-Pertua.

Dato' Yang di-Pertua, Wakil Jabi menyebut perkara ASDI. Di sini pun Wakil Jabi barangkali kurang dapat maklumat berhubung dengan pinjaman yang diberikan kepada golongan miskin. Sebenarnya yang kita beri ialah duit kerajaan yang kita beri pinjam tanpa sebarang faedah bukan duit bank yang dipinjam oleh golongan miskin ini untuk membeli Saham A DI, saya rasa molek juga kalau boleh Yang Berhormat yang berkenaan faham dan

juga sedikit sebanyak memberi penghargaan kepada usaha-usaha yang seumpama ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ADUN Jerteh, secara keseluruhannya merasa kurang senang, kurang membangunnya Besut. Pada pendapat saya secara kesimpulannya boleh dibuat, kurangnya kalau betul, kurangnya pembangunan di Besut kerana adanya Pas, Dato' Yang di-Pertua, kalau tidak ada Pas, Besut akan cepat membangun. Kalau ada projek-projek yang tertentu yang boleh membangun, kawasan yang seumpama itu atau kawasan-kawasan yang lain juga tapi adalah terdapat orang-orang seperti Wakil Jerteh dan Wakil Jabi juga, Dato' Yang di-Pertua, dia boleh melakukan orang untuk membangun. Membuka restoran, dia kata ada tempat berniaga lain, tawar menawar, tempat pelik, barang pelik apa, barang semua orang suka ni. Yang Berhormat Jabi barangkali lebih suka daripada orang lain, tentang benda ini, tak dok peliknya, benda itu. Dato' Yang di-Pertua ...

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL LATIF BIN MOHAMAD (Wakil Jerteh): Dato', tadi Dato' mengatakan bahawa Besut kurang ada kemajuan disebabkan adanya Pas. Nampak Pas ini satu parti yang boleh menghalangkan kemajuan atau pun sengaja Kerajaan tidak mahu mengiktirafkan Ahli-ahli Pas ini sebagai rakyat negeri ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya tidak berapa jelas, kalau boleh disebut sekali lagi.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL LATIF BIN MOHAMAD (Wakil Jerteh): Dato' Yang di-Pertua, tadi Dato' Yang Berhormat katakan kurang pembangunan di Besut tu disebabkan ada orang-orang Pas tak dengar tu. Ada Pas di sana. Pas ini satu pertubuhan yang disahkan oleh perlembagaan, turut sama dengan Umno. Cuma perbezaan Umno memimpin Kerajaan kami belum pimpin lagi, insya-Allah satu ketika kami pulak. Apa yang hendak saya jelaskan di sini adakah Kerajaan tidak mahu akui orang yang menyertai Ahli Pas ini, sebagai rakyat negeri ini yang boleh menghalangkan kemajuan di Besut itu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Diakui, diakui orang Pas rakyat negeri ini diakui. Tapi sikapnya, percakapannya, gayanya menghalanglah, menghalang kemajuan yang sebenarnya Dato' Yang di-Pertua.

Betullah di kalangan pemimpin-pemimpin Pas sama-sama sendiri barangkali dia berpakaat melantik berbagai-bagai inspektor, ada inspektor longkang-parit, inspektor masjid, inspektor restoran ...

YANG BERHORMAT HAJI ZAHARI BIN MUHAMMAD (Wakil Jabi): Penjelasan Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Berhubung dengan apa yang disebut oleh EXCO yang bercakap tadi, apakah menghalang kemajuan kalau kita sebut tempat-tempat maksiat, suruh kerajaan ambil tindakan, suruh sekat, suruh halang itu, halang kemajuan ke lalu tu? Saya sebut ialah berhubung dengan Bar Orchid yang ada operasi tawar menawar, di tingkat bawah di kedai kopi dia itu, lepas itu, lepas setuju harga naik atas. Kita royat benda ini hendak suruh kerajaan ambil tahu lah sikit, tolonglah cegah benda ini, apakah mencegah benda yang haram ini menghalang kemajuan. Apakah kemajuan itu kalau tak dok benda haram tidak maju?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terlalu jelas. Terlalu jelas laporan itu dan oleh kerana terlalu jelas saya tidak fikir Yang Berhormat tidak pergi untuk membuat ... (KETAWA) ... Sebab orang yang tidak pergi tidak boleh menceritakan sejelas itu... (KETAWA)

YANG BERHORMAT HAJI ZAHARI BIN MUHAMMAD (Wakil Jabi): Penjelasan Dato' Yang di-Pertua, nak suruh royat gi, ke sini ... (KETAWA) ...

Satu peristiwa Dato' Yang di-Pertua, satu peristiwa dalam kawasan saya, ada satu tempat, satu premis, menjual minuman, yang bukan sahaja minuman telah dijual tetapi minuman-minuman yang lain, termasuklah ubat-ubat batuk. Kita tidak tahu daripada mana yang dia dapat, yang kita lihat, yang kita periksa, yang kita teliti yang kita dapati bahawa terang-terang menjual ubat batuk yang disukai oleh pemuda-pemuda yang berjaga sampai pukul 3.00, pukul 4.00 pagi. Apakala kita beritahu pada Pihak Pengawal sama ada Polis dan juga Pengawal Pejabat Agama tetapi kedua-dua Jabatan ini tidak mahu bertindak. Boleh jadi ada mereka-mereka yang menjadi penaung kepada tempat-tempat itu yang kita rasa bimbang, kalau ini dibiarkan Dato' Yang di-Pertua. Itulah sebabnya berlaku banyak benda-benda tadilah, sebagaimana

disebut oleh Wakil Wakaf Mempelam, buang anak dalam rak dan sebagainya. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tentang ubat batuk ini saya percaya Yang Berhormat pergi tapi tentang Restoran Orkid ini saya percaya yang berhormat tidak pergi, melainkan Yang Berhormat dapat buktikan yang Yang Berhormat pergi ...(KETAWA)...

YANG BERHORMAT HAJI ZAHARI BIN MUHAMMAD (Wakil Jabi): Tak pergi pun tak apa Dato' Yang di-Pertua, tak pergi tak apa tempat begitu, cari pasallah ...(KETAWA)...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Bahaya Yang Berhormat Dato', kalau untuk selamat, ajaklah saya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya rasa saya hendak sebut, saya ketinggalan tadi berhubung dengan perkara yang ditimbulkan oleh Wakil Wakaf Mempelam berhubung dengan Sijil Sanawi Sekolah Menengah Sultan Zainal Abidin kita. Sebenarnya memang sekarang terdapat satu kajian secara keseluruhan dibuat oleh pihak Universiti Azahar dan untuk mempertahankan kelulusan Sanawi kita, pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri kita telah menghantarkan maklumat-maklumat dan insya-Allah kita percaya seperti yang lalu-lalu bahawa kelulusan kita itu laku. Pelajar yang dijangka terlibat dengan 'exercise' baru ini ialah pelajar 1995, 1996, pelajar yang ada sekarang tidak terlibat. Ini satu pengiktirafan yang sangat bermakna kepada kita Dato' Yang di-Pertua. Tapi kalau Yang Berhormat Wakaf Mempelam merasa kurang yakin terhadap apa yang kita lakukan di Sekolah-sekolah Kebangsaan, di sekolah-sekolah kita, di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri, di Sekolah Menengah Agama Kementerian juga sekolah-sekolah Kementerian yang biasa, saya rasa ia tidak ada pilihan lain, Yang Berhormat, melainkan barangkali Sekolah Menengah di Rusila. Saya selalu menasihatkan ibu-ibu bapa supaya mempastikan bahawa sekolah yang dianjurkan oleh Pemimpin Pas ini juga mestilah menerima masuk anak dia, jangan anak-anak orang lain saja dididik di situ tapi anak-anak dia tidak dididik di situ. Dia tidak percaya kepada sistem pendidikannya sendiri lalu dihantarnya anak-anak mereka ke tempat-tempat yang lebih baik, tempat yang lebih baik itu tidak lain tidak bukan sekolah-sekolah,

pusat-pusat pendidikan yang disediakan oleh kerajaan juga, Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya juga hendak menjawablah atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh wakil-wakil terutama daripada rakan saya depan sana. Saya ucap terima kasih kerana mereka ambil bahagian dan saya sama dengan rakan saya Wakil Batu apa, Seberang Takir, tak dok orang yang bersyarah panjang tadi, tak dok, jadi ceramah dia, kuliah dia tadi. Saya ingat apa yang dia cakapkan, dibahaskan oleh Wakil Rhu Rendang tadi tak dok kena mengenalah, 'irrelevant' kata orang putih dengan izin. Dia bersyarah, dia mari di sini cakap hal Hudud dia, Hudud Pas habis dari awal, baguslah, betullah kita tidak nafi, saya pun. Saya pun sedikit sebanyak berdengar jugak, dari kecil, kalau dari segi umur jauhlah rasa tua jugak tapi mungkin dia pandai lagi. Dia bercakap tapi dia boleh tak apalah tapi kalau bagus itu dia adalah, petang ini itulah tak tahu dari segi pandangan Islam guana, saya tak tahu bila dia bercakap, kita hendak jawab ini duduk depan jugak. Kita tunggu tadi, ha.. tembor lari.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sibuk semua sibuk semua tapi tugas kita sebagai Ahli Dewan, kelmarin Pembukaan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku, kita sibuk juga. Malam saya di Kuala Lumpur, pagi ada di sini, hari Ahad pula Parlimen tidak bersidang. Kita nampaklah, saya hendak nasihat orang muda-muda ini, jadi kalau nak jadi Ahli Dewan ikut peraturan dia, 'rules of the games' dengan izin. Yalah kerana mungkin dia dua, dia dua tugas (dwi tugas). Parlimen satu, Negeri satu, bukan dua lain, ha ..ini yang saya maknakan.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Bukan melawat cawangan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kata Wakil Rhu Rendang, Kerajaan perlu mendengar pandangan-pandangan daripada Pembangkang. Ya, kita dengar, bakpa kita tidak dengar, sepagi tadi dengar dia bersyarah tapi kita mahu Pembangkang, terutama orang yang bercakap perlu dengar apa yang kita hendak jawab, satu. Tapi mungkin orang-orang dia, puak-puak dia, akan beritahu dia tapi hak yang beritahu ini merbahaya, barangkali dia ada dia 'miss' point-point sikit, minta maaf dengan izin.

Kalau Kerajaan tidak peka dengan pandangan umum, rakyat Pembangkang ke, sapa ke, pandangan komunis sekali pun, Kerajaan tidak boleh 'survive' dengan izin. Kita ambil kira mana yang baik tapi kenalah benda-benda yang betul yang baik, yang boleh memberi manfaat kepada umat kepada masyarakat, perlu diberi sokongan. Janganlah bila bawa di sini kalau tanya setuju tak, Yang Berhormat Speaker tanya, senyap. Tidak setuju - tidak angkat tangan kecuali - tidak angkat tangan, apa benda Wakil macam ini. Cuba kita fikir, adakah dia menjalankan tugas, payah sangat hendak angkat tangan ke? Ini Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ini mengenai tugas-tugas kita, jadi mungkin dia rasa angkuh, puak-puak ini rasa angkuh, dia ingat, dia ini pandai belaka, sebenarnya, kita kena ingat pada kuasa Tuhan, ha.. ini dia '~~وَاللَّهُ أَعْلَمُ~~'. Inilah dia firman Allah, ini dia ingat kuasa Tuhan, jangan rasa gong sangat masing-masing.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan perlu mendengar teguran. Ya, Kerajaan mendengar teguran, kita dok mesyuarat seminggu sekali, begitu-begini, siang-malam, kadang-kadang, hendak dengar teguran rakyat apa tak kena? Dalam merencanakan pembangunan negeri itu kerana kita pun nak juga saham sedikit sebanyak, nak pahala Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ini dia. Kita ini dipilih oleh rakyat hamba, wakil rakyat duduk sini untuk membincang, membicara, merancang untuk orang senang akan datang. Masuklah pembangkang-pembangkang semua. Dia senang duduk sini kerana Kerajaan baik, membangunkan negeri ini kerana pembangunan itu perlukan oleh Islam, kalau tidak rakyat papa-kedana, rosak iman dia orang, ini boleh membawa kepada kekufuran, ini dia. Inilah Dato' Yang di-Pertua, perkara-perkara yang perlu saya bawa di sini tapi malangnya, dia punya Kaptan, dia tak ada.

Pembangunan Insan, Kursus bersifat politik, ceramah fasal Kanun Jenayah II ini, ini benda-benda yang dibawa, saya angkat - ya, kerana Pembangkang mengelirukan pandangan rakyat, maka kerajaan yang bertanggungjawab kepada keselamatan rakyat, kena beri, kena urus ceramah demi ceramah, itu dia, kalau dia tak pelawok, dia tak pergi kecek, tak pergi mengelirukan rakyat, tak payahlah buat begini. Kita akan tumpukan kepada pembangunan negeri ini, tidak payah panggil ceramah-ceramah sebenarnya. Tapi kerana dia, kan-kan buat begini, kan-kan duk buat begini, cakap hal pelawok, benda-benda yang tidak masuk akal kadang-kadang, membawa ke kampung-kampung berita-berita

yang tidak boleh dipercayai, membuat perkara-perkara yang ditegah kepada saya, oleh Agama Islam kita yakin kerana saya dengar wakil daripada Jabi ke mana ke tadi kata bertaqwa kepada Allah, betullah taqwa, apalah taqwa. Taqwa membuat benda yang disuruh menjauhi benda yang dilarang, ini dia. Hak pelawok, hak menuduh orang yang bukan-bukan, hak ini dilarang, jangan buat, hak fitnah begitu-gini jangan buat, jauh dia 'ijtanibu' jauh-jauh, khabarlah benda yang baik, yang baik kerajaan buat, macam Yang Berhormat Wakil Seberang Takir kata Wakil Wakaf Mempelam berkata beri terima kasih alhamdulillah puji hak dia beri puji kepada Allah balik bukan kita nak, kita tidak mintak kepujian daripada Pembangkang, ini tugas kita Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Wakil Wakaf Mempelam membawa kepada taraf kebersihan bandar kita ini, alhamdulillah kalau selagi ada manusia Dato' Yang di-Pertua, selagi ada selagi itu bandar mana pun akan kotor penuhnya orang tak beri menjual pasar malam, dia pergi jual beli van jual malam-malam. Tinggal kertas itu, kertas ini beli van untuk apa sekali-sekali pergi jual lepas itu bawa orang pergi dengar banyak hak ini nak bayar van bulan-bulan kita tahu biarlah ke dia, tapi kotor Pasir Panjang sini-situ tempat dia jual pergila kaut sampah ini mari manusia lagi kotorkan lagi. Kotor jalan tak apa tetapi jangan mengotorkan 'poluted' kita punya 'mind' dengan izin mengotor fikiran, ini mintak jauh betul taraf tapi masih berseru berusaha kakitangan kita rendah, menengah, tinggi kita mintak berseru kerana kebersihan ini separuh daripada iman, ini ajaran-ajaran Muhammad, Muhammad bawa ini, kita ikutlah, kita practise, 'realise'kan ajaran Islam itu, kita berpegang kepada 'iqtakullah' bertaqwalah kepada Allah buat benda yang baik kita suruh, jangan buang dalam kedai-kedai, jaga kena saman ini susahmu, macam-macam tetapi masih ada lagi. Tetapi alhamdulillah bandar kita pun tidaklah busuk sangat, tidaklah sedap sangat, yang sebenarnya, 'moderation' 'al-wusto' tengahan, itu dia...(KETAWA)... 'khairul-umuril-wusto'. Saya belajar dengan raiz saya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, raiz saya sekolah dulu ketua, Yang Berhormat Wakaf Mempelam tidak beranak lagi masa itu. Pembakar sampah - saya jemput hari ini dengan rasminya wakil-wakil Pembangkang pergi bila-bila nak pergi bakar sampah sila pergi incinerator inilah yang mula-mula dalam negara ini, alhamdulillah Kerajaan meluluskan. Kerajaan memandang jauh semua hari ini seluruh Malaysia Majlis-Majlis Perbandaran begitu-begini hendak pergi kepada hal-hal ini kerana udara environment keadaan-keadaan di

sekelipling yang kita buat hak ini diluluskan oleh Kerajaan adalah hak yang termurah sekali, hak keope sekali kata orang kampung, yang termurah sekali. Kalau hari ini ia nak buat, ia memakan belanja lebih kurang RM25 juta hari ini benda yang baru Kuala Terengganulah Kerajaan yang mula-mula 'introduce' memperkenalkan incinerator dalam Malaysia ini, pihak Pembangkang tidak percaya kita akan jemput, khabar nak pergi, saya akan ready tetapi bila hak kecil, hak murah dia ada line satu kalau ada line dua, taklah lima jam tidak henti sehari. Pasal benda ini kadang-kadang maklumlah se-lot situ, se-lot sini, skrew jatuh, macam-macam. Pembakarannya boleh dibuat hari ini 80% daripada sampah-sampah yang dihantar semua tindakan-tindakan yang dikatakan busuk baunya dekat Pak Tijah, Mak Tijah itu telah diambil kira. Kerajaan telah meluluskan suatu kawasan bermakna kalau sampah yang basah ini ...

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMEONG (Wakil Batu Buruk): Penjelasan Dato' Yang di-Pertua - Yang sampah duduk dekat luar macam mana? Incinerator itu dia refuse ke, dia tolak ke dan kalau tidak silapnya ada kenyataan yang dibuat oleh Timbalan MPKT sampah ini akan dicampak pula di kawasan saya Chendering.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Cakap kuat sikit, jangan cakap macam dalam kain.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Saya tanya Dato' Yang di-Pertua, yang sampah duduk dekat luar ini sampai 3,000 rakyat tidak dapat nak tahan lagi perasaan pencemaran busuk kesihatan terganggu dan sebagainya ini adakah alat pembakar ataupun incinerator ini tolak penerimaan itu yang pertama. Yang kedua ada diucapkan oleh Timbalan Presiden MPKT bahawa sampah-sampah ini akan dipindahkan pembuangannya pula ke Chendering.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, itu yang saya sebut Kerajaan telah meluluskan 14 hektar tanah di Cendering di hujung. Hak mana yang terlebih kalau hak rosak sejam dua jam tidak boleh, pasal sampah ini mari sokmo, hantar sana. Hak basah, sekarang boleh 80%, 20% sini yang lebih kena hantar dinun, jangan dengar Timbalan, dengar Yang di-Pertua dia ini yang bercakap ini ...(KETAWA)...

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Penjelasan Dato' Yang di-Pertua - Kenapa yang pilih kawasan Batu Buruk tu, tak pilih Ladang?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, bukan kerana ingat Wakil Batu Buruk itu saudara saya hendak hantar hak busuk-busuk dinun tidak. Inilah tempat yang sesuai, dalam nun jauh di dalam, kita pergi sekali jenguk, takdok manusia. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pasal longkang dan begitu-begini ini telah kita tadi telah bercakap. Memanglah perkara-perkara air, hujan, memanglah tetapi alhamdulillah negeri kita ini, negara kita, Tuhan tidak turun ribut taufan, gempa bumi, alhamdulillah syukur. Allah, kalau ada hak begini saya tidak tahulah apa jadi bukan kepada kita wakil Pembangkang pun serun jugak. Tetapi alhamdulillah cuma air mari-mari sekali-sekali, ini ujian daripada Allah. Kelantan lagi teruk kena uji, saya tengok. Air dekat kita kering dah, air dekat dia duduk beladong saja tak tengok tu, media tu tunjuk, telivesyen tunjuk, belakang rumah orang, depan rumah orang nak buat guana, biar ke dialah. Tetapi air itu turun hari ini alhamdulillah, saya pergi 'round' pagi tadi hak Wakil Batu Buruk kata pagi tadi bukan saya pergi 'round' dah, takdok benda setarang musim ini kalau mari hujan kuat Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, memang kenalah ada air, mana takdok air, rumah kita bocor kadang-kadang. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, berkaitan padang golf saudara saya khabar dah tadi, ialah kalau cakap tak ekonomi rakyat, ekonomi rakyat, inilah ekonomi rakyat - budak-budak, orang boleh jual, keropok lekor, jual rojak, macam-macam orang mari, orang-orang hendak menanam modal hendak buat kilang mari, hendak mari sini nak main guana, pergi kata pergi minum-minum dekat Orkid Bar yang Wakil Jabi katakan susah pulak. Biar dia pergi main golf pergi katok dinun. Ini kesukaan dia, ini mendatangkan hasil ekonomi yang baik yang sebenarnya, tetapi kita hendak cakap crang yang tak faham susah wakil Pembangkang ini. Dan Wakil Jabi tadi kata Orkid Bar saya tak tahu kat mana saya tahu betul dah Datuk Bandar duduk sini, beranak sini, tak tahu ceruk mana, dia yang tahu saya hairan saya takjub tadi bila dia duduk berdebat dengan Yang Berhormat Wakil Seberang Takir tadi. Dekat mana saya hendak bayang tak tentu kita ini ada dua, 'wahadaina humajdahim' dia ada terang - hak molek, hak buruk, hak boleh pahala, hak maksiat, jangan pergi dekat maksiat, saya nasihat Wakil Jabi.

Mengenai meneroka tanah haram 19,000 lot, rakyat dahagakan tanah, alhamdulillah saya ingat dalam Kerajaan selama ini hak inilah pasal tanah haram ini banyak berpuluhan, beratus kadang-kadang sekali seminggu, seminggu. Saya tengok banyaknya orang-orang menyeberang hak balik nun, saudara kita jugak, tengok se dinun, tengok dua dinun, kalau dalam lima itu ada se-dua hak kita, guana yang dia orang dahaga tanah nun yang tembor sini, yang katakan makmur sangat sebelah kita nun 'Kelantan'. Katanya bersyarah pilihanraya di Kg. Raja dulu kita boleh "Tuan-tuan" dia kata, "Kalau mari Kelantan tanah ini sehari semalam saja kita boleh duduk" sedap sangat, saya dengar itu saya tak bawak-bawak cerita tanah apa tanah kubur yang mari sini itu. Tetapi alhamdulillah rakyat Terengganu saya ingat payah hendak pergi tembor ke lain, alhamdulillah, adil-adil neraca keadilan tu pasal tu Tuhan berkat kita memerintah itu sahaja. Pasal tanah haram saya tahu benar dari kerja berkhidmat Pejabat Tanah duuu sehingga sekarang pun takdoklah Kerajaan Terengganu tiap-tiap kali lulus sokmo, hak mari balik nun, hak mari balik nun, tetapi tak apa rakyat Malaysia belaka adil tu.

YANG BERHORMAT HAJI ZAHARI BIN MUHAMMAD (Wakil Jabi): Penjelasan Dato' Yang di-Pertua, hak lulus sokmo tu lagu mana, hak sodok sokmo tu lagu mana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Gapo dia gak, ulang sekali lagi? ... (KETAWA) ...

YANG BERHORMAT HAJI ZAHARI BIN MUHAMMAD (Wakil Jabi): Hak kata lulus-lulus sokmo, hak sodok apa nama ni, hak pohon durian kena sodok, hak pohon-pohon dokong kena sodok, tujuh buah rumah kena sodok hak tanah lagu mana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kita ini ada dasar, Dasar Tanah Haram, anjak sokmo hingga hari ini sampai tahun 80 itu dia. Timbangnya Kerajaan hak tak tentu ada telak jugak bukan kerana fe'el tidak molek ada bak tidak betul itu. Takkannya semuanya 100% mana ada dalam duria ini 100% lulus, kita belajar pandai mana pun tidak boleh 100% barangkali. Jadi Dato' Yang di-Pertua satu lagi Wakil Jabi, Pelan Pembangunan Negeri Terengganu mintak maaf kerana saya terpengaruh dengan Hulu Terengganu, pelan, pelan.

19 Disember 1994

YANG BERHORMAT HAJI ZAHARI BIN MUHAMMAD (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua ini berat do'oh lalu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Dato' Yang di-Pertua terima kasih saya nak dengar buat inilah Wakil Jabi tadi Wakil Wakaf Mempelam kata apa buat atas bukit tadi 'Allah Peliharakan' pasal nombor hilang, bahang diribut dia kata apa?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya sebut 'P.E.L.I', kalau nak pronounce 'Peli' saya tak kata benda itu hak balik nun salah dengar tak tahu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, itulah kata - niat dia kita tahu, kita orang tua. Tengok riak kita tahu dah. Jadi hak ini macam hak tanah jalan kampung, saya akan jawab esok 'lisan'. Kalau saya jawab hari ini tidak sedap, saya jawab esok. Tempat rekreasi untuk orang kaya sahaja ini tuduhan-tuduhan melulu Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebenarnya. Kalau ada jalan ganti jambatan baru siap puak-puak ini dulu pergi syarah tu. Dia dulu kita tidak lalu lagi syarah selalu, ceramah selalu, kang tu boleh faedah tu, ke dia boleh faedah besar. Kita pun bila dia pergi buah syarah kita kena organise (susun) pulak majlis kita pulak khabarlah pulak takkan nak gi lok, hah itu dia. Dato' Yang di-Pertua satu lagi Wakil Bukit Tunggal saya tidak faham dia kata tadi nelayan ada sebuah bot nak sebuah bot lagi tak boleh tetapi dia kata daripada satu segi pulak dia kata nelayan takdok pitih pulak, jadi hak mana se saya pun duduk ikut tadi dia bercakap ngubun-ngaban tadi. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Penjelasan Dato' Yang di-Pertua - Maksud saya Dato' dari segi Akta Perikanan Bot Kelas 'A' dan Kelas 'B' kena bawa sendiri. Jadi bila kena bawa sendiri ertiinya seorang itu ada sebuah bot sahaja, takkan seorang nelayan boleh bawa dua buah bot sekaligus. Jadi bila kena bawa sendiri, macam mana hendak perkembang dia punya perusahaan, itu maksud saya Dato'. Terima kasih.

19 Disember 1994

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang):
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ini ada dasar dia, kita
pergi pada dasar, kalau sampai beribu bot tengah laut nun,
berlanggar nanti takdok ikan nak kaut. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALL (Wakil Bukit
Tunggal): Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Saya setujulah
itu dasar tetapi apabila dasar itu double standard bagi
usahaawan-usahawan besar dia tak bawak sendiri
usahaawan-usahawan besar dia ada 40 buah bot, jadi dia boleh
mewperkembangkan perusahaan mereka tetapi bagi nelayan
bumiputera tidak mampu berkembang itu sahaja Dato'.

USUL INI KEMUDIAN DIHADAPKAN KEPADA MESYUARAT
DAN DIPERSETUJUI DENGAN SUARA TERBANYAK.

USUL INI DITERIMA.

CADANGAN MENURUT SEKSYEN 16(3) PERATURAN-PERATURAN DAN PERINTAH-PERINTAH TETAP DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang):
Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon membawa cadangan menurut Seksyen 16(3) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri untuk mendahuluikan pembawaan Rang Undang-Undang daripada perkara-perkara lain.

Sekian, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MAZLAN BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):
Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

CADANGAN SUPAYA MENDAHULUKAN PEMBAWAAN RANG UNDANG-UNDANG DARIPADA PERKARA-PERKARA LAIN YANG DITETAPKAN DI DALAM TERTIB PEKERJAAN DEWAN KEMUDIAN DIUNDI DAN DIPERSETUJUI DENGAN SUARA TERBANYAK.

19 Disember 1994

RANG UNDANG-UNDANG

Enakmen Perbekalan (1995) 1994
(R.E. Bil:5/1994)

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULANWANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 1995 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG ENAKMEN INI DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YAB DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya RANG ENAKMEN PERBEKALAN (1995) 1994 dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya dapat saya membentangkan bagi pertimbangan Dewan yang mulia ini, satu enakmen bertajuk Enakmen Perbekalan (1995) 1994. Enakmen ini adalah dicadangkan bagi emperuntukan sejumlah wang dari Kumpulanwang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan dan perkhidmatan di tahun 1995.

Kenyataan lengkap adalah seperti yang terkandung dalam Buku Anggaran Hasil Dan Perbelanjaan Negeri Tahun 1995 (Kembaran Kertas Dewan Undangan Negeri Bil.20/1994).

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Zaman ini adalah zaman ekonomi-politik. Belum pernah dalam sejarah dunia moden, kepentingan ekonomi menjadi asas kepada setiap tindakan politik. Pertimbangan ekonomilah yang menyebabkan sementara konflik Iraq-Kuwait berakhir dengan cepat dan mutlak, konflik di Bosnia masih berlarutan dan tiada penghujungnya. Pertimbangan ekonomi jugalah yang menyebabkan isu-isu alam sekitar, hak asasi manusia dan isu gaji minima pekerja sangat dibincangkan. Ini tidak termasuk lagi isu kemunculan blok-blok perdagangan, lonjakan ekonomi Asia Timur, isu perlindungan sekatan tariff dan bukan tariff dan sebagainya. Sebagai sebuah negara membangun yang bergantung kepada pasaran eksportnya, Malaysia terpaksa menghadapi realiti-realiti sebegini dan perlu turut sama-sama bersaing. Persaingan itu pula datangnya dalam pelbagai bentuk; persaingan teknologi, persaingan maklumat dan yang terpenting sejak akhir-akhir ini ialah persaingan minda, akal dan intelek. Kejayaan kita bersaing dengan orang lain akan dapat mengangkat martabat umat. Semangat untuk bersaing inilah sebenarnya yang digambarkan oleh Allah di dalam Surah Al-Qasas ayat 77 yang berbunyi:

وَابْتَغِ فِيمَا أَنْتَكَ اللَّهُ الْكَلَّارُ الْأُخْرَةِ - وَلَا تَشْرَنَ نَصِيئَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَخْسِنْ كَمَا أَخْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الفَسَادَ فِي الْأَرْضِ . إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ .

Yang bermaksud: "Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan oleh Allah kepadamu pahala dan kebahagiaan hari akhirat, dan janganlah engkau melupakan bahagianmu di dunia. Dan berbuat baiklah kepada hamba-hamba Allah sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu, dengan kurniaan nikmatNya yang melimpah-limpah. Dan janganlah kamu melakukan kerosakan di muka bumi ini. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan."

Ayat inilah yang menjadi Falsafah Pembangunan Negeri Terengganu. Hakikat hidup adalah sebenarnya satu persaingan kecemerlangan amal supaya hidup kita berkualiti dan mati kita juga nanti berkualiti. Dr. Mahmud Muhammad Babili dalam bukunya yang bertajuk "Ekonomi Dari Kacamata Islam" telah menulis, "Ekonomi dalam Islam adalah terletak di bawah pandangan norma-norma etikanya sebelum dipandang dari segi keuntungan material, dan tidak mungkin dipisahkan ekonomi Islam dari kawalan-kawaan akhlak kerana kalau tidak, tidaklah ia dianggap bercorak keislaman. Di antara faktor-faktor penting ekonomi dalam Islam ialah ciri-ciri akhlak dan kemanusiaan yang terdapat padanya", bukannya nama Islam yang ditonjol untuk mengelirukan tanpa amalan.

Pendapat ini menunjukkan dengan jelas kepada kita bahawa Islam adalah agama akhlak. Ini dikukuhkan lagi dengan Sabda Nabi S.A.W. yang berbunyi:

إِنَّ أَطْيَبَ الْكُنْسِ كَسْبَ الْتُّجَارِ الَّذِينَ إِذَا حَدُثُوا لَمْ يَكْذِبُوا وَإِذَا اتَّهَمُوا لَمْ يَخُوْنُوا، وَإِذَا وَعَدُوا لَمْ يَغْلِفُوا، وَإِذَا اسْتَرْوَا لَمْ يَذُمُوا، وَإِذَا بَاعُوا لَمْ يَظْرُوا، وَإِذَا كَانَ عَلَيْهِمْ لَمْ يَعْلِمُوا، وَإِذَا كَانَ لَهُمْ لَمْ يَغْسِرُوا.

Yang bermaksud: "Seelok-elok pendapatan itu ialah pendapatan peniata-peniaga yang tidak berbohong bila bercakap, tidak khianat bila diamanahkan, tidak mungkir bila berjanji, tidak mengeji bila membeli, tidak memuji-muji bila menjual, tidak pidal bila berhutang dan tidak bersikap keras bila menuntut hutang".

Menyedari hakikat inilah Kerajaan Negeri Terengganu telah mempelopori gagasan "SIHAT" yakni usaha ke arah pembinaan

generasi yang Sihat, mengHayati Ilmu, berAkhlak dan berTaqwa. Wawasan Kerajaan Negeri seperti mana yang terangkum dalam perkataan "SIHAT" adalah untuk menjadikan Negeri Terengganu sebuah Negeri yang maju pada tahun 2010 tetapi di masa yang sama penduduknya berketrampilan dan sarat dengan nilai-nilai Islam terutamanya nilai-nilai sihat, berilmu, berakhlik dan bertaqwa.

Wawasan SIHAT Terengganu bukan sesuatu yang baru kerana ianya menjadi agenda penting pembangunan insan seutuhnya sejak Fasa Pertama Pembangunan Negeri yang bermula sejak pada tahun 1978 hingga tahun 1994. Perlu saya nyatakan di sini, persoalan-persoalan tentang nilai-nilai akhlak dan keinsanan sebagaimana yang terangkum dalam Wawasan SIHAT Terengganu kini sudah menjadi agenda negara. Malah agenda ini semakin menjadi agenda penting di seluruh dunia. Persoalan "values and morality", "accountability", "principle-centered leadership" dalam bidang pengurusan dan politik di Barat menggambarkan kepada kita betapa pentingnya nilai-nilai akhlak, taqwa dan ihsan dalam urusan muamalat. Inilah yang kita titik beratkan selama ini yang kini sudah menjadi agenda di peringkat negara dan antarabangsa. Sebab itulah mereka yang peka akan mendapati pelaburan yang begitu besar telah dibuat oleh Kerajaan Negeri di dalam sektor-sektor yang tidak mendatangkan keuntungan serta merta iaitu peningkatan taraf kemudahan asas, peningkatan taraf pendidikan dan pembangunan insan. Kerajaan Negeri tidak akan bertolak ansur di dalam hal-hal pendidikan dan pembangunan insan sungguh pun tanggungjawab bidang pendidikan terletak di bahu Kerajaan Pusat. Ini adalah satu proses dakwah dalam pembangunan Islam yang mana mengikut pandangan Shaykh Muhammad Qutb di dalam tulisan beliau "Asas Pembangunan Islam", "... proses seperti ini berkemungkinan lambat, teapi ianya adalah satu-satunya kaedah yang paling berkemampuan untuk memelihara identiti Islam kita dan menjamin keredhaan Allah", dan bukannya laungan-laungan yang memecah bumi tanpa diserta dengan amalan dan tindakan.

Selain dari itu, perlu juga dinyatakan di sini, usaha bagi mewujudkan satu pekej kewangan dan perconomian Islam yang dipelopori di Terengganu kini telah menjadi agenda di peringkat negara juga. Ini termasuklah Skim-skim Al-Bai Bithaman Ajil, Pajak Gadai Ar-Rahn dan yang terbaru Amanah Saham Darul Iman (ASDI). Mengenai ASDI, kita bersyukur kerana ASDI, Skim Saham Amanah berteraskan syariat Islam berjaya dilancarkan dan

mendapat sambutan di luar jangkaan apabila kesemua 500 juta unit yang ditawarkan habis dijual sebelum tamat tempoh 30 hari. Kita ucapkan terima kasih kepada semua pihak termasuk parti Pembangkang yang telah menjayakan ASDI dengan sama-sama memberikan publisiti mengenai ASDI dan seterusnya membeli unit-unit saham ASDI.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

II. EKONOMI NEGERI TERENGGANU TAHUN 1994

Ekonomi Negeri Terengganu terus tumbuh dengan sederhana tetapi konsisten dan pada tahun 1994 adalah dijangka pertumbuhan ekonomi Negeri pada paras 7.2 peratus. Kadar pertumbuhan ekonomi Negeri banyak dipengaruhi oleh faktor pertumbuhan dalam sektor perlombongan dan kuari. Meskipun pada tahun yang sama berlaku pertumbuhan yang cukup besar dalam sektor-sektor lain seperti sektor pembuatan, pembinaan, kemudahan awam, pengangkutan, perdagangan dan kewanggar, ianya tidak dapat membantu melonjak pertumbuhan ekonomi Negeri ke paras yang lebih tinggi kerana jika keenam-enam sektor ini disatukan sekalipun, sumbangan sektor-sektor ini kepada jumlah KDNK ialah 27.3 peratus sahaja berbanding 56.4 peratus bagi sektor perlombongan dan kuari. Jika tidak diambilkira pengeluaran sektor perlombongan dan kuari, barulah pertumbuhan ekonomi Negeri tercatat di paras yang lebih tinggi iaitu 13.8 peratus.

Selain dari itu, kadar kemiskinan juga semakin menurun dengan catatan 60.3 peratus pada tahun 1976, 25.2 peratus pada tahun 1992 dan dijangka terus menurun kepada 21.8 peratus pada akhir 1994. Ini membuktikan taraf kehidupan rakyat semakin baik dan program-program Kerajaan bagi membasmi kemiskinan disambut positif oleh rakyat. Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, kita tidak akan berkompromi dalam usaha memperbaiki taraf hidup rakyat di Terengganu.

Struktur ekonomi Negeri Terengganu sangat dipengaruhi oleh pertumbuhan yang berlaku dalam sektor perlombongan dan kuari. Walau bagaimanapun sektor ini hanya melibatkan kira-kira 3,400 tenaga kerja. Struktur gunatenaga dalam sektor perlombongan dan kuari tidak berubah semenjak dari penemuan awal petroleum hingga ke dekad ini. Pertumbuhan pesat 28.6 peratus dalam sektor pembuatan, 17.0 peratus dalam sektor pembinaan, 16.9 peratus sektor kemudahan awam, 16.1 peratus sektor

19 Disember 1994

pengangkutan, 18.8 peratus sektor perdagangan dan 11.4 peratus sektor kewangan jelas memperlihatkan tahap perkembangan aktiviti ekonomi yang lebih baik kerana keenam-enam sektor ini melibatkan kira-kira 127,000 pekerja atau 48.6 peratus dari jumlah gunatenaga.

Kadar pengangguran 6.8 peratus ketika ini merupakan satu kadar yang sederhana malah jika diteliti struktur penganggur itu sendiri, mereka bukan terdiri dari kumpulan yang sukar mencari pekerjaan tetapi apa yang sebenarnya berlaku ialah situasi memilih kerja di kalangan mereka. Berdasarkan kepada struktur ekonomi tersebut, Kerajaan akan terus mengekalkan dasar untuk memberi penekanan kepada peningkatan kualiti sumber manusia.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

III. BELANJAWAN NEGERI

Kita bersyukur dengan nikmat dan kurniaan Allah S.W.T. selama ini. Sungguhpun Hasil Negeri bagi tahun 1995 dijangka berkurangan dari tahun semasa sebanyak RM31.45 juta atau 6.2 peratus, saya percaya perancangan Kerajaan dalam usaha membangunkan Negeri ini tidak terjejas. Pada tahun hadapan jumlah hasil yang dijangka akan diperolehi ialah sebanyak RM479.598 juta berbanding dengan tahun semasa sebanyak RM511.048 juta. Dari jumlah itu sebanyak RM355.011 juta atau 74 peratus adalah sumbangan daripada Royalti Petroleum.

Peratusan sumbangan Royalti Petroleum kepada jumlah Hasil Negeri pada tahun hadapan akan berkurangan dari tahun semasa. Ini menunjukkan punca-punca hasil Negeri yang lain seperti hasil tanah, perhutanan, bekalan air dan pelaburan telah dapat ditingkatkan pengeluarannya dengan penggunaan kaedah-kaedah yang lebih efisien dan "cost-effective".

Dengan jumlah hasil sebanyak RM479.597 juta, kerangka belanjawan akan tertumpu ke arah usaha meneruskan agenda pembangunan insan dengan penerapan "budaya cakna" di kalangan segenap lapisan masyarakat sejajar dengan hasrat Masyarakat Penyayang. Selaras dengan Fasa Kedua Pembangunan Negeri bagi tempoh 1994 - 2010, kita mengusulkan supaya struktur ekonomi dipelbagaikan dengan sektor industri diberi penekanan; sektor pertanian dikekalkan dengan nafas baru dan sektor pelancongan berperanan penambah. Dengan hasrat ini maka Kerajaan Negeri

19 Disember 1994

telah menggariskan beberapa objektif utama sebagaimana berikut:

- i) Memastikan perkembangan ekonomi yang dinamik melalui dasar ekonomi yang pragmatik dengan sektor industri sebagai pemangkin dan pendorong yang cergas;
- ii) Menentukan agihan faedah pembangunan secara saksama dari segi kumpulan, sektor dan tempat serta merangka agenda membasmi kemiskinan yang lebih efektif;
- iii) Meneruskan usaha pengwujudan masyarakat yang progresif lagi seimbang;
- iv) Meneruskan peningkatan prasarana dan penyediaan tenaga mahir yang mencukupi.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

IV. PERBELANJAAN MENGURUS

Pada tahun 1995 Kerajaan bercadang untuk memperuntukkan sebanyak RM507.769 juta untuk Perbelanjaan Mengurus. Dari jumlah itu sebanyak RM42.686 juta adalah Perbelanjaan Tanggungan yang terdiri daripada perbelanjaan yang telah ditentukan oleh undang-undang dan peruntukan bagi membayarbalik Pinjaman Persekutuan. Sungguhpun Negeri Terengganu kini sudah mampu membayai sebahagian dari program pembangunannya sendiri namun bantuan dan sokongan dari Kerajaan Persekutuan amat diperlukan. Hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Terengganu setanding dengan negeri-negeri maju di Pantai Barat tentunya tidak terlaksana tanpa bantuan Kerajaan Persekutuan.

CADANGAN MENURUT SESKYEN 7(1A)
PERATURAN-PERATURAN DAN PERINTAH-PERINTAH TETAP
DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua saya mohon izin membawa cadangan menurut Seksyen 7(1A) Peraturan-

19 Disember 1994

Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri, supaya masa mesyuarat yang akan tamat tempohnya pada pukul 5.00 petang dilanjutkan bagi membolehkan Dewan Undangan Negeri terus bersidang sehingga selesai Tertib Pekerjaan bagaimana yang telah diatur.

Sekian.

YANG BERHORMAT HAJI DAUD BIN ABU BAKAR (Wakil Hulu Besut):
Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan ini.

CADANGAN BAGI MELANJUTKAN MASA PERSIDANGAN
SELEPAS PUKUL 5.00 PETANG KEMUDIAN DIHADAPKAN
KEPADА MESYUARAT DAN DIPERSETUJUKAN DENGAN
SEEULAT SUARA.

USUL INI DITERIMA.

Untuk Perbelanjaan Bekalan pula saya mencadangkan jumlah peruntukan sebanyak RM465.083 juta disediakan. Sebanyak RM93.079 juta adalah peruntukan Emolumen dan peruntukan ini mengatasi tahun semasa sebanyak 0.9 peratus. Kenaikan yang kecil ini dapat dikekalkan dari tahun ke tahun dalam usaha mengawal saiz Perkhidmatan Awam Negeri ke paras yang minimum dengan fungsi yang optimum. Jawatan-jawatan kosong terutama dalam Kumpulan Sokongan tidak lagi diisi oleh kerana Kerajaan berpendapat kerja-kerja seumpama itu boleh dikontrakkan dan hasilnya lebih memuaskan.

Kerajaan Negeri berserta agensi-agensinya telah membuat bayaran bonus sebulan gaji kepada kakitangannya pada bulan November yang lalu. Perbelanjaan sebanyak kira-kira RM10 juta telah dikeluarkan sebagai menghargai jasa dan perkhidmatan kakitangan awam di Negeri ini.

Bagi menyedia peruntukan Perkhidmatan dan Bekalan saya cadangkan sebanyak RM61.891 juta diperuntukkan. Peruntukan ini adalah meliputi perbelanjaan bekalan dan penyelenggaraan pejabat seta bangunan-bangunan Kerajaan termasuk masjid dan

19 Disember 1994

sursu. Peruntukan secukupnya perlu disediakan bagi memastikan penyelenggaraan bangunan dapat dijalankan dengan sempurna. Kerajaan Negeri berbangga dan mengucapkan tahniah kerana beberapa jabatan Kerajaan telah dipilih untuk menerima anugerah di Peringkat Persekutuan.

Sebanyak RM13.877 juta pula adalah peruntukan yang dicadangkan untuk Perolehan Aset. Kerajaan bersedia membelanjakan peruntukan yang agak besar pada setiap tahun supaya jabatan-jabatan dan agensi Kerajaan Negeri dapat dilengkapi dengan peralatan yang moden dan canggih.

Bermula pada tahun ini Pentadbiran Negeri telah membangunkan dua sistem komputer yang akan dapat membantu meningkatkan kecekapan dan produktiviti jabatan iaitu sistem Maklumat Geografi (GIS) dan Sistem Pemetaan Berdigit (DMS) khusus untuk Jabatan Bekalan Air. Begitu juga dengan sistem pengkomputeran kutipan zakat di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama yang telah dibangunkan pada tahun 1993 akan disediakan peruntukan tambahan sebanyak RM243,000. Kerajaan berharap kemudahan-kemudahan yang disediakan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya serta diselenggara dengan baik.

Bantuan-bantuan yang telah diberi oleh Kerajaan Negeri kepada Pihak Berkuasa Tempatan telah mula menampakkan hasil di mana beberapa anugerah peringkat kebangsaan telah dimenangi oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri ini. Pada tahun 1994 Anugerah Kualiti Pihak Berkuasa Tempatan Peringkat Kebangsaan telah dihadiahkan kepada tiga Pihak Berkuasa Tempatan Negeri ini iaitu Majlis Daerah Kemaman yang menerima Anugerah Kualiti bagi kategori Pengurusan Kewangan, Majlis Perbandaran Kuala Terengganu yang menerima Anugerah Kualiti bagi kategori Piagam Pelanggan dan Majlis Daerah Marang yang menerima Anugerah Kualiti bagi kategori Pengurusan Projek. Syabas dan tahniah kita ucapkan.

Untuk mempertingkatkan pembangunan di Negeri ini serta menjamin pembangunan berjalan baik dan terancang, beberapa kajian rancangan pembangunan sedang dijalankan serentak. Pada masa ini kajian-kajian rancangan struktur dan rancangan pembangunan daerah bagi daerah-daerah Besut, Setiu, Hulu Terengganu dan Kuala Terengganu sedang di peringkat akhir penyediaan dan dijangka dapat disiapkan pada awal tahun hadapan. Selain daripada itu rancangan-rancangan struktur

19 Disember 1994

bagi Majlis Perbandaran Kuala Terengganu, Majlis Daerah Kemaman, Daerah Dungun dan Daerah Marang telah disiapkan terdahulu dan telah diterimapakai oleh Kerajaan Negeri. Adalah diharapkan rancangan-rancangan pembangunan ini akan dapat dimanfaatkan oleh agensi-agensi Kerajaan dan juga swasta bagi mempertingkatkan lagi pembangunan bersepadu di setiap daerah dan supaya ia dapat dijalankan dengan lebih terancang dan teratur.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sebahagian besar Perbelanjaan Mengurus pada tahun hadapan adalah untuk Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap yang dicadangkan sebanyak RM295.598 juta. Di bawah peruntukan ini, caruman dibuat kepada Kumpulanwang-Kumpulanwang terkanun, sumbangan kepada badan berkanun dan penguasaan tempatan, caruman kepada Tabung Amanah Warisan Negeri, bantuan kepada rakyat miskin, bantuan kepada pelbagai petubuhan dan institusi, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan juga rumah-rumah kebajikan. Peruntukan yang besar berjumlah RM15.0 juta dicadangkan untuk bantuan orang miskin di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri di samping Bantuan Am sebanyak RM7.0 juta. Setiap tahun Kerajaan Negeri tidak lupa membelanjakan tidak kurang dari RM2.0 juta untuk memberi bantuan persekolahan kepada rakyat berpendapatan rendah sama ada melalui bantuan basikal, uniform sekolah atau bantuan menyambung pelajaran.

Keseluruhan Perbelanjaan Mengurus tahun 1995 adalah berkurang dari tahun 1994 sebanyak 5.6 peratus. Sungguhpun begitu Kerajaan pasti semua perkhidmatan kepada rakyat dapat dilaksanakan dengan sewajarnya. Kekurangan ini sebahagiannya adalah disebabkan pemotongan peruntukan untuk pembelian kenderaan dan jentera jabatan. Kerajaan berpendapat dengan kenderaan dan jentera sedia ada jabatan-jabatan masih boleh berfungsi dan menjalankan peranan masing-masing dengan sempurna.

Untuk tahun hadapan Perbelanjaan Mengurus Jabatan Air dicadangkan sebanyak RM32.766 juta. Amaun ini meningkat sebanyak 15.2 peratus dari tahun semasa. Kenaikan yang agak ketara ini antara lain adalah bagi menyediæ peruntukan untuk program pengkomputeran sepenuhnya Sistem Kutipan Hasil Air

19 Disember 1994

Berkomputer (SKHAB) dan juga membeli komputer-komputer bimbit bagi mengadakan On-The-Spot Billing.

Dengan terlaksana sepenuhnya Sistem Komputer sebagaimana yang dinyatakan itu Kerajaan percaya masalah-masalah yang sering dihadapi sekarang ini seperti tunggakan hasil, penyimpanan rekod yang tidak kemaskini dan kelewatan menerima hasil akan dapat diatasi. Kerajaan Negeri sedia membelanjakan wang yang begitu besar bagi membantu jabatan mempertingkatkan kecekapan dan diharapkan perkhidmatan yang lebih baik dapat diberi kepada rakyat. Peningkatan dalam pengurusan Jabatan Bekalan Air telah dapat dilihat di mana pada tahun 1993 dan 1994, Jabatan Bekalan Air telah memenangi hadiah bagi Pertandingan Loji Air Terbaik di seluruh Malaysia iaitu Loji Air Bukit Bauk, Dungun dan Loji Air Kepong, Kuala Terengganu. Penganugerahan telah diberi berdasarkan daya inovasi, kualiti air yang dihasilkan dan kecekapan dalam mengurus serta menyelenggara loji-loji berkenaan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Perbelanjaan Pembangunan

Jumlah peruntukan pembangunan yang dicadangkan bagi tahun 1995 ialah sebanyak RM290.907 juta. Dari jumlah itu sebanyak RM253.322 juta adalah yang dibiayai secara langsung dari peruntukan Negeri, RM2.235 juta perbelanjaan yang akan diimbuhbalik oleh Kerajaan Persekutuan dan RM35.350 juta pula Pinjaman Persekutuan. Bagi pembangunan Perbekalan Air pula, sebanyak RM82.176 juta dicadangkan yang meliputi dua sumber iaitu sebanyak RM28.526 juta dari peruntukan langsung Negeri dan sebanyak RM53.650 juta dari peruntukan Pinjaman Persekutuan.

Projek-projek ekonomi yang dicadangkan adalah meliputi semua sektor iaitu Pertanian dan Perikanan, Perusahaan, Perhubungan dan juga Pelancongan. Manakala sektor sosial pula merangkumi bidang pendidikan, keagamaan, latihan, perumahan, perniagaan dan sukan. Menyedari akar peri mustahaknya sistem jalanraya yang baik di seluruh Negeri, saya mencadangkan sejumlah peruntukan sebanyak RM35.327 juta disediakan. Peruntukan ini meliputi pembinaan jalan-jalan utama, jalan kampung, jambatan dan juga jeti. Begitu juga dengan kerja-kerja menaiktaraf

19 Disember 1994

jalan dan menurap semula permukaan jalan yang akan terus dipergiatkan. Sesungguhnya kita sudah dapat berbangga hari ini kerana mempunyai satu rangkaian jalanraya yang menyeluruh ke pelusuk Negeri.

Kadar bayaran air di Negeri ini masih lagi di antara yang terendah bagi seluruh negara. Namun begitu Kerajaan tidak berhasrat untuk menaikkannya memandangkan ia adalah kemudahan asasi setiap rakyat. Jika dibuat perkiraan secara teliti kos operasi bagi membawa air bersih ke setiap rumah adalah tidak berpadanan dengan hasil yang diperolehi. Ini adalah satu sumbangan langsung Kerajaan untuk kemudahan rakyat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Walaupun tumpuan Kerajaan Negeri ketika ini banyak berkisar kepada bidang perusahaan dan perindustrian, kepentingan sektor pertanian tidak dilupakan. Sektor ini juga perlu bergerak dengan lebih dinamik dan berdaya komersil seiring dengan sektor-sektor lain. Untuk tahun 1995 saya mencadangkan peruntukan pembangunan Pertanian secara langsung sebanyak RM5.717 juta. Di samping itu peruntukan bagi menyedia infrastruktur Pertanian termasuk pengairan dan saliran dicadangkan sebanyak RM10.510 juta. Saya berharap Kerajaan Persekutuan akan menimbalangkan beberapa buah lagi rancangan bersepada ala KETARA kerana ianya terbukti mampu membantu meningkatkan pendapatan petani dan melepaskan mereka dari beban kemiskinan.

Berbagai langkah telah diambil bagi memaju dan memodenkan bidang pertanian. Salah satu usaha yang telah diambil ialah dengan memulihkan tanah-tanah terbiar seluas 34,300 hektar. Sehingga kini sebahagian daripada tanah ini telah dimajukan dengan pertanian berkelompok atau mini-estet. Petani-petani pula digalakkan untuk mengusaha tanah terbiar dengan tanaman seperti Roselle yang telah dapat dibuktikan nilai komersilnya.

Di bidang Perikanan pula Kerajaan Negeri akan terus memberi perhatian bagi meningkatkan pengeluaran ikan segar dan membantu aktiviti pemerosesan berasaskan sumber ikan. Memandangkan ikan adalah salah satu sumber protein yang penting maka adalah wajar kegiatan perikanan diberi tumpuan supaya bekalan secukupnya dapat dibekalkan kepada seluruh penduduk di Negeri ini. Perubahan daripada perikanan tradisional kepada

19 Disember 1994

perikanan laut dalam yang moden adalah penting bagi menjamin industri perikanan berkembang dengan jayanya.

Perusahaan ternakan ikan air tawar terutama di sekitar Tasik Kenyir didapati berpotensi menghasilkan ikan-ikan air tawar yang bermutu tinggi. Pengeluaran hasil ini boleh mendatangkan pulangan balik yang lumayan melalui eksport. Di samping itu satu projek ternakan udang harimau usahasama di antara KETARA dan LKIM sedang dalam peringkat pelaksanaan di daerah Setiu. Projek ini melibatkan kawasan seluas 66 hektar yang mengandungi 40 buah kolam. Apabila beroperasi sepenuhnya projek ini mampu mengeluarkan sebanyak 160 metrik tan udang sepuasing dan akan menjadi sebuah projek akuakultur terbesar di Negeri ini.

Pada tahun ini Kerajaan Negeri berjaya menarik pelaburan dalam industri ternakan melalui projek usahasama di antara WADI Group Sdn. Bhd. dengan sebuah syarikat dari Australia. Projek ini dijangka akan dapat membekal daging halal ke seluruh dunia Islam apabila terlaksana sepenuhnya nanti. Pelaburan awal yang telah diperolehi ialah sebanyak RM10 juta dan akan ditingkatkan kepada RM100 juta. Industri ini juga mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk Negeri ini di samping membawa masuk pelaburan dari luar Negeri.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Di bidang perindustrian, Terengganu telah mendahului negeri-negeri lain pada tahun ini dengan memperolehi pelaburan tertinggi daripada projek-projek yang telah diluluskan oleh MIDA iaitu melebihi RM3 billion. Lebih 4,600 peluang pekerjaan telah dapat diwujudkan daripada 18 projek yang telah diluluskan itu. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam yang akan berakhir pada tahun hadapan sebanyak 77 projek telah diluluskan di mana 23 darinya sudahpun beroperasi.

Sektor Petroleum yang menjadi tunggak perindustrian di Negeri ini kini memasuki era industri berdasarkan petroleum yang lebih meluas apabila kilang Ethylene/Polyethylene siap dibina di Paka. Industri ini akan mencetuskan lebih banyak kilang-kilang barang-barang plastik dan sekaligus dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada anak tempatan. Di samping itu dua buah lagi kilang penapis minyak sedang dalam perancangan untuk dibina. Kilang-kilang ini akan menampung

19 Disember 1994

permintaan pemerosesan minyak bukan sahaja dari dalam Negeri bahkan juga dari luar negara.

Sepanjang Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan Negeri merancang untuk mewujudkan sebanyak 10,000 pekerjaan. Hasrat itu telahpun tercapai di mana bagi tempoh 1991-1994 lebih 16,300 pekerjaan telah dapat diwujudkan. Projek Latihan Sambil Belajar (SLSB) telah dapat menghasilkan 7,582 peserta terlatih sehingga bulan Jun 1994 dan seramai 688 orang masih lagi menjalani latihan. Skim ini telah berjaya membantu lebih dari 4,500 orang belia mendapatkan pekerjaan.

Sesuai dengan keghairahan bidang perindustrian yang telah mula bertapak di Negeri ini, saya mencadangkan sebanyak RM9.7 juta disediakan untuk program Pembangunan Kawasan Perusahaan dan juga Pembangunan Kawasan Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Pihak swasta juga akan diajak sama memajukan kawasan industri ini. Penempatan kilang-kilang akan disusun mengikut zon-zon tertentu begitu juga dengan kilang yang sedia ada akan ditempatkan semula menurut bidang masing-masing. Kerajaan percaya dengan adanya perancangan yang rapi seperti ini kita tidak akan menghadapi banyak masalah pencemaran dan kerosakan alam sekitar di masa hadapan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Keperluan kepada ruang pejabat yang selesa sentiasa diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri. Kemudahan ini akan dapat memberi rangsangan kepada kakitangan untuk bekerja lebih tekun di samping memberi keselesaan kepada orang ramai yang berurusan dengan jabatan. Untuk maksud itu saya mencadangkan peruntukan berjumlah RM28.05 juta disediakan merangkumi peruntukan bagi membina pejabat-pejabat baru, kuarters, bengkel-bengkel, stor, depo, balai penghulu dan juga balai pemeriksaan.

Pembinaan bangunan baru untuk Jabatan Hal Ehwal Agama dan Majlis Agama Islam Negeri telahpun dimulakan di Padang Hiliran. Begitu juga dengan Pejabat Daerah dan Tanah, Kuala Terengganu, Marang dan Hulu Terengganu. Yayasan Islam Terengganu akan mempunyai bangunannya sendiri yang dilengkapi dengan berbagai kemudahan dan disertai dengan ruang-ruang niaga yang selesa lagi menarik.

19 Disember 1994

Program Perumahan Awam Kos Rendah dan Skim Pertapakan sedang giat dijalankan. Di samping peruntukan pinjaman yang dijangka akan diterima pada tahun hadapan sebanyak RM33.2 juta, Kerajaan Negeri juga akan menyumbang sebanyak RM10.48 juta. Ini adalah bagi memastikan program tersebut dapat berjalan lancar selaras dengan hasrat Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan kemudahan perumahan kepada seluruh rakyat jelata. Untuk tempeh Rancangan Malaysia Keenam sebanyak 17 projek Perumahan Awam Kos Rendah telah diluluskan yang dapat menyedia 2,627 unit rumah murah manakala untuk Projek Skim Pertapakan dan Kemudahan Asas bilangan sasaran ialah sebanyak 5,284 lot melalui 13 buah projek.

Seiring dengan kepesatan pembangunan kawasan-kawasan perusahaan, perumahan dan penempatan baru, satu sistem perparitan yang sempurna adalah penting. Bagi Bandar Kuala Terengganu, pelaksanaan Fasa I Sistem Perparitan Bandar Kuala Terengganu yang berharga RM66.5 juta sudah mencapai kemajuan 55 peratus. Kerja-kerja untuk Kontrak DC2(b) sedang berjalan manakala Kontrak DC3 akan ditawarkan apabila selesai proses pengambilan balik tanah. Pembinaan Kontrak DC(3) akan meliputi kawasan barat Bandar Kuala Terengganu meliputi Mukim Kubang Parit, Paloh, Losong dan Kuala Itai. Untuk tahun hadapan saya cadangkan peruntukan berjumlah RM15.49 juta disediakan meliputi pembinaan sistem perparitan di daerah-daerah lain, longkang dan parit jejeri.

Selaras dengan Wawasan SIHAT dan kesedaran sukan yang semakin tinggi di kalangan rakyat, kemudahan bersukan dan riadah juga diberi perhatian sewajarnya. Pembinaan Kompleks Sukan Negeri di Gong Badak akan dimulakan pada tahun hadapan. Kompleks ini yang akan dibina di atas kawasan seluas 108 hektar dengan kos RM200 juta dilengkapi berbagai kemudahan untuk kejohanan-kejohanan sukan, latihan dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan. Untuk tahun hadapan saya cadangkan peruntukan sebanyak RM10.9 juta disediakan bagi membina kemudahan bersukan dan riadah.

Matlamat Kerajaan untuk memberi kemudahan bekalan elektrik ke seluruh Negeri hampir tercapai di mana 98.5 peratus penduduk telah dapat menikmatinya. Baki yang tinggal hanyalah bagi kampung-kampung baru dan kawasan penempatan semula yang mana ia adalah proses penyambungan bekalan. Di tahun hadapan peruntukan sebanyak RM400,000 dicadangkan untuk rumah-rumah

19 Disember 1994

terpencil. Begitu juga dengan ladang-ladang, hasil dari kerjasama yang erat di antara Kerajaan Negeri, TNB dan Ladang-ladang berkenaan, bekalan elektrik 12 jam telah dapat ditambah kepada bekalan 24 jam.

Perkembangan telekomunikasi dunia telah mempengaruhi pertumbuhan penggunaan telefon di Terengganu sendiri. Pertumbuhan pelanggar meningkat 27 peratus di tahun 1994 dengan bilangan hampir 65,000 orang. Begitu juga kemudahan telefon awam hingga kini 2,190 buah telefon awam telah dipadang dan untuk tahun 1995 pula sebanyak 82 buah dijangka akan dapat dibekalkan. Sungguhpun Syarikat Telekom Malaysia (STM) adalah merupakan sebuah badan yang beroperasi sebagai sebuah syarikat namun hasil dari dasar penswastaan yang dirancang begitu rapi, rakyat kini dapat menikmati berbagai kemudahan di samping mendapat perkhidmatan yang lebih cekap.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Pembangunan kawasan Pelancongan di Negeri ini sentiasa diberi perhatian dan untuk tahun hadapan saya mencadangkan peruntukan berjumlah RM4.065 juta disediakan. Industri pelancongan kini telah menjadi satu aktiviti ekonomi yang penting dalam pembangunan Negeri sejak tahun 1988. Kerajaan Negeri akan terus berusaha membangunkan industri ini dengan mengekalkan keindahan alam tanpa merosakkan identiti tempatan. Adalah menjadi matlamat kita untuk memperkenalkan Terengganu melalui daya tarikan 'Nature And Adventure'.

Penekanan kepada pembinaan infrastruktur pelancongan akan diteruskan dengan menggalakkan pembinaan tempat penginapan oleh pihak swasta dan juga pembinaan kemudahan asas di tempat-tempat tarikan pelancongan. Sehingga kini terdapat sebanyak 140 buah hotel, chalet dan resort di seluruh Negeri ini yang dapat menyedia 3,000 bilik penginapan. Pada tahun ini Kerajaan Negeri telah meluluskan 17 buah projek untuk dilaksanakan oleh pihak swasta. Apabila siap projek-projek ini, ia akan dapat menampung keperluan bagi 2,000 bilik penginapan dan akan membuka peluang pekerjaan kepada 500 orang penduduk tempatan. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia telah membelanjakan hampir RM30 juta bagi membina kemudahan di

19 Disember 1994

tempat-tempat tarikan pelancong seperti Pembangunan Tasik Kenyir dan menyedia kemudahan pelancongan di Pulau Redang.

Promosi pelancongan akan dipergiatkan lagi menerusi aktiviti-aktiviti di dalam dan di luar negara. Pada asasnya tiga aset pelancongan yang penting diberi tumpuan iaitu pulau-pulau, persisiran pantai dan kawasan pedalaman termasuk tasik dan air terjun. di samping itu industri kraftangan juga akan diberi bimbingan supaya produk yang dihasilkan bermutu tinggi.

Selaras dengan usaha Kerajaan Negeri untuk menggiatkan industri pelancongan, tumpuan khas akan diberi kepada kerja-kerja usaha yang telah dicurahkan itu akan diberi ganjaran setimpalnya oleh Allah S.W.T.

Sekian, saya sebaiknya mencadangkan.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang BerhORMAT sekalian, cadangan supaya Rang Enakmen Perbekalan (1995) 1994 dibaca bagi kali yang kedua telah mendapat sokongan.

Saya memberi peluang kepada ahli-ahli Yang BerhORMAT meneliti secara terperinci ucapan yang disampaikan oleh Yang Amat BerhORMAT Dato' Seri Tan Sri Menteri Besar sekejap tadi untuk Yang BerhORMAT-Yang BerhORMAT membahasnya apabila mesyuarat disambung semula pada pagi esok 20 haribulan Disember jam 9.30 pagi.

Dengan ini saya tangguhkan Persidangan Dewan sehingga pagi esok.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 5.30 PETANG.